Jilid I
Bil. 44

Hari Khamis
10hb Julai, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4937]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4985]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975): Jawatankuasa—

Kepala B. 22 (Jadual Pertama) [Ruangan 4985]
Kepala B. 10, B. 22 dan B. 68 (Jadual Kedua) [Ruangan 4985]
Kepala B. 13 (Jadual Ketiga) [Ruangan 4985]
Kepala B. 69 (Jadual Kedua) [Ruangan 4993]
Kepala B. 16 (Jadual Ketiga) [Ruangan 4993]
Kepala B. 14, B. 50 dan B. 51 (Jadual Kedua) [Ruangan 5009]
Kepala B. 17 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5009]
Kepala B. 16 (Jadual Kedua) [Ruangan 5037]
Kepala B. 17 (Jadual Kedua) [Ruangan 5041]
Kepala B. 19 (Jadual Pertama) [Ruangan 5042]
Kepala B. 19 (Jadual Kedua) [Ruangan 5042]
Kepala B. 22 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5042]
Kepala B. 20 dan 21 (Jadual Pertama) [Ruangan 5054]
Kepala B. 20 dan 21 (Jadual Kedua) [Ruangan 5054]
Kepala B. 23 dan 24 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5054]
Kepala B. 23 (Jadual Pertama) [Ruangan 5072]

Kepala B. 23, B. 24, B. 25, B. 26 dan B. 27 (Jadual Kedua) [Ruangan 5072]
Kepala B. 26 dan 27 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5072]
Kepala B. 67 (Jadual Kedua) [Ruangan 5076]
Kepala B. 31 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5076]
Kepala B. 28 (Jadual Pertama) [Ruangan 5077]
Kepala B. 28 (Jadual Kedua) [Ruangan 5077]
Kepala B. 30 (Jadual Pertama) [Ruangan 5091]
Kepala B. 29, B. 30, B. 32, B. 34 dan B. 52 (Jadual Kedua) [Ruangan 5091]
Kepala B. 33, B. 34 dan B. 39 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5091]
Kepala B. 38 (Jadual Pertama) [Ruangan 5094]
Kepala B. 38 (Jadual Kedua) [Ruangan 5094]
Kepala B. 41 (Jadual Kedua) [Ruangan 5094]
Kepala B. 44, B. 47 dan B. 49 (Jadual Kedua) [Ruangan 5095]
Kepala B. 54 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5095]
Kepala B. 59 (Jadual Pertama) [Ruangan 5098]
Kepala B. 58 dan 60 (Jadual Kedua) [Ruangan 5098]
Kepala B. 61 (Jadual Pertama) [Ruangan 5099]
Kepala B. 59 (Jadual Kedua) [Ruangan 5099]
Kepala B. 65 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5099]
Kepala B. 64 (Jadual Kedua) [Ruangan 5101]
Kepala B. 66 (Jadual Ketiga) [Ruangan 5101]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (1973, 1974 dan 1975):

Jawatankuasa—

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1973) [Ruangan 4985]
Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 4985]
Kepala P. 14 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1973) [Ruangan 5009]
Kepala P. 14 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5009]
Kepala P. 17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 5009]
Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 5031]
Kepala P. 16 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5037]
Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974 [Ruangan 5042]
Kepala P. 23 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5072]
Kepala P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 5072]
Kepala P. 37 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5093]
Kepala P. 42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5095]
Kepala P. 18, P. 44 dan P. 49 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974 [Ruangan 5095]
Kepala P. 53. P. 54, P. 57, P. 58 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5098]
Kepala P. 56 dan P. 57 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 5098]
Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5099]
Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 5099]
Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1974) [Ruangan 5101]
Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 5101]
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5027]

UCAPAN TANGGUHAN:

Ditarik Balik [Ruangan 5106]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 10hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindastrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).

" Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K,M.N., J.P. (Larut).

" Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

" Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

" Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

" Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

" Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

" Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

" Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).

" Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

" TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

" TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

" TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

" TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

" PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

" TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

" TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

" PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

" TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

" TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

" TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

" TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

" TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).

Yang Berhormat TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
„ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
„ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
„ TUAN JAWAN ANAK EMPALENG (Rajang).
„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
„ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
„ TUAN LUHAT WAN (Baram).
„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
„ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
„ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
„ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
„ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
„ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
„ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
„ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
„ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
„ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
„ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
„ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
„ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
„ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
„ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
„ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku SRI Mara Raja (Kota Bharu).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

„ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Jamaludin bin Haji Ali.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

CUKAI IMPOT PAM AIR "CENTRIFUGAL"

1. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Kewangan menyatakan:

(*a*) samada beliau sedar bahawa pam-pam air apabila diimpot ke Sabah telah ditakluk kepada duti dan cukai 35% + 4% + 5% sungguhpun mesen itu digunakan pada asasnya untuk tujuan-tujuan pertanian dan pembinaan bangunan, dan

(*b*) samada Kerajaan akan menimbang pengecualian duti impot atas pam-pam air sehingga mesin-mesin ini dapat dikeluarkan di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui pam air ada berbagai-bagai jenis. Dari berbagai-bagai pam air hanya pam air "centrifugal" sahaja yang dikenakan cukai impot 30% (bukan 35% sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat), 4% cukai tambahan dan 5% cukai jualan. Cukai ini dikenakan pada 11-9-69 untuk melindungi perusahaan tempatan.

Saya telah diberitahu bahawa beberapa syarikat tempatan ada membuat pam air. Walaupun pam air ini tidak mempunyai kuasa yang kuat tetapi pada keseluruhannya boleh digunakan bagi tujuan pertanian dan pembinaan. Oleh kerana pam air ini boleh didapati di negeri ini saya tidak nampak sebab-sebab yang baik mengapa barang ini patut diimpot dan diberi pengecualian cukai.

SEKOLAH SWASTA—KAWALAN

2. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kawalan-kawalan yang dikenakan oleh Kerajaan terhadap sekolah-sekolah swasta dalam negeri ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, di antara kawalan-kawalan yang dikenakan ialah semua sekolah swasta dikehendaki membuat permohonan untuk pendaftaran di bawah Akta Pelajaran. Syarat-syarat tertentu juga dikenakan terhadap sekolah-sekolah berkenaan bila pendaftaran diluluskan oleh Pendaftar Sekolah-sekolah Negeri. Sekiranya sekolah-sekolah ini melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan, pendaftaran sekolah-sekolah itu bolehlah dibatalkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian sedar bahawa ada sekolah-sekolah swasta yang masih juga tidak mengambil berat berkenaan dengan ajaran sivik ataupun tata rakyat. Jika sedar apakah langkah-langkah yang diambil supaya mengetatkan perkara ini memandangkan kepada penggunaan dadah yang semakin hari semakin bertambah?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat itu tahu tentang mana-mana sekolah yang tidak mengambil berat tentang pelajaran sivik ini, saya mintalah dianya menyampaikan maklumat itu kepada pihak saya supaya tindakan diambil jika syarat ini dikenakan kepada sekolah tersebut.

KEMALANGAN JALANRAYA—BAWA MUATAN LEBIH

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

(*a*) samada beliau sedar bahawa satu daripada sebab-sebab kerapkali berlakunya kemalangan jalanraya ialah lori-lori balak dan lain-lain pengangkutan yang membawa muatan berlebihan daripada yang dihadkan dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil;

(*b*) mengapa lori-lori yang membawa muatan berlebihan tidak ditahan atau ditimbang beratnya oleh pihakberkuasa yang berkenaan seperti Polis Terafik; dan

(*c*) adakah Kerajaan akan mengadakan tempat-tempat menimbang kenderaan-kenderaan muatan di bahagian-bahagian tertentu di sepanjang jalanraya-jalanraya besar untuk menahan kenderaan-kenderaan tersebut daripada

membawa muatan yang berlebihan dan merbahaya kepada lalulintas.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab (*a*) dan (*b*), saya sedar bahawa salah satu daripada sebab-sebab berlakunya kemalangan jalanraya ialah lori-lori balak dan lain-lain kenderaan yang membawa muatan yang berlebihan. Walau bagaimanapun, tidaklah benar seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa pihak-pihak berkuasa seperti Polis dan pegawai-pegawai Penguatkuasa Pengangkutan Jalan tidak menahan dan menimbang berat lori-lori yang bermuatan lebih itu. Tindakan-tindakan adalah sentiasa diambil dari semasa ke semasa dan mereka yang didapati bersalah telahpun dan akan terus didakwa di Mahkamah dan dihukum yang sewajarnya. Mengikut rekod-rekod Jabatan Pengangkutan Jalan dalam tahun 1974, tindakan menahan dan menimbang kereta-kereta yang lebih muatan yang telah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Pengangkutan Jalan ialah 462 buah. Sementara dalam tahun 1975, sehingga bulan Mei sebanyak 171 tindakan yang sama telah diambil. Di samping itu tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Polis terhadap kenderaan-kenderaan itu dalam tahun 1974 sebanyak 4,345 dan dalam tahun 1975, sehingga bulan April, sebanyak 1,189.

(*c*) Ya, memang ada dalam rancangan Kerajaan untuk mengadakan tempat menimbang kenderaan-kenderaan muatan di tempat-tempat tertentu yang penting untuk menahan kenderaan-kenderaan tersebut daripada membawa muatan yang berlebihan dan merbahaya kepada lalu-lintas. Pihak Polis kini sedang memasang lima buah mesin penimbang (weigh bridge) berat yang baharu di tempat-tempat berikut:

(i) Alor Setar;

(ii) Ipoh;

(iii) Cheras, Kuala Lumpur;

(iv) Seremban; dan

(v) Johor Bahru.

Beberapa tempat lagi di seluruh Semenanjung Malaysia akan dipasang dengan mesin penimbang ini jika mesin-mesin baru didapati kelak.

GETAH PEKEBUN-PEKEBUN KECIL

4. Tuan S. Samy Vellu (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau akan mengaturkan lesen-lesen menjual getah dikeluarkan di semua Pejabat Daerah, supaya pekebun-pekebun kecil boleh mendapat/membaharui lesen-lesen mereka apabila mereka membayar cukai tanah di Pejabat-pejabat ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telah menubuhkan yunit-yunit Bergerak Khas untuk mengeluarkan lesen-lesen mengawit, menyimpan dan menjual getah pekebun-pekebun kecil. Mulai daripada 1hb Ogos akan datang, Yunit-yunit Bergerak Khas ini akan mula melawat ke kampung-kampung yang terbesar di kawasan masing-masing bertempat di Pejabat-pejabat Penghulu atau di Balai-balai Raya atau Pusat Memproses Getah Berkelumpok yang tertentu untuk memudahkan pengeluaran atau pembaharuan lesen-lesen tersebut. Dengan kemudahan-kemudahan yang akan dilancarkan ini, pekebun kecil tidaklah lagi dikehendaki pergi ke Pejabat-pejabat Daerah, malahan akan menyenangkan mereka mengatasi masa-alah pembaharuan lesen yang mereka hadapi pada masa yang lalu.

PEKERJA-PEKERJA GAJI MURAH

5. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar terdapat banyak perusahaan yang maju yang membayar gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja, seumpamanya sebuah perusahaan yang maju di Trengganu membayar gaji purata $26 sebulan kepada pekerja-pekerjanya, jika ya, nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja di perusahaan-perusahaan tidak ditindas.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, secara umum, gaji-gaji yang dibayar dikebanyakan perusahaan-perusahaan yang maju adalah berpatutan, kecuali dalam kes-kes di sebilangan kecil perusahaan yang menggunakan tenaga buruh yang ramai di mana gaji yang dibayar adalah rendah sedikit disebabkan beberapa perkara. Kementerian saya

adalah sedar iaitu ada syarikat-syarikat di Trengganu yang membayar pekerja-pekerja dengan secara komisyen, akan tetapi ini tidak bermakna bahawa gaji yang dibayar itu adalah rendah. Walau bagaimanapun, di mana-mana perusahaan di mana gaji yang dibayar adalah rendah, pegawai-pegawai Kementerian saya selalu menasihatkan dan menggesa majikan-majikan yang berkenaan untuk membayar gaji yang berpatutan dan sambutan daripada majikan-majikan pada amnya adalah memuaskan. Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu nama-nama perusahaan yang dimaksudkannya, penyiasatan yang sewajarnya akan dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya sangat terperanjat oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen meminta butir-butir mengenai kes-kes yang disentuh di dalam soalan ini, oleh kerana kes-kes ini didedahkan bukan oleh orang lain, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Kementeriannya, dan tentulah beliau sendiri mengetahui butir-butir itu. Oleh sebab itu, bolehkah beliau menerangkan apa tindakan telah diambil untuk memberi gaji yang berpatutan kepada ke semua pekerja-pekerja dalam kes-kes yang terlibat ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dari pengetahuan Kementerian $26 sebulan itu ialah seperti yang saya jawab tadi ialah komisyen kepada pekerja, bukan gaji. Saya fikir ini diterima ataupun seperti yang diberitahu melalui surat-surat khabar oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, saya fikir adalah dianggap salah pembaca-pembaca, bukan gaji tetapi komisyen.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu bererti bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menipu atau mislead orangramai oleh kerana selepas ucapannya bukan sahaja surat-surat khabar ada membuat lapuran-lapuran, tetapi ada beberapa surat khabar seperti Utusan Malaysia dan lain-lainnya ada menulis rencana editorial mengenai perkara ini. Ini satu perkara yang sangat serious. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi keterangan yang tepat adakah Yang Berhormat Menteri itu sudah tipu rakyat?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri adalah memberitahu rakyat bahawa bayaran di dalam syarikat itu kurang, tetapi beliau ada memberitahu apa yang dimaksudkannya ialah komisyen bukan gaji.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa sangat mustahak semua pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri bertanggungjawab memberi butir-butir yang terang dan tidak untuk propaganda-propaganda sahaja. Oleh kerana kerapkali Menteri Buruh ataupun Timbalannya ada berkata di sana atau di sini tentang pembayaran gaji yang sangat rendah dan sangat berminat untuk ambil perhatian, tetapi tidak ada apa-apa follow up seperti perkara ini. Bolehkah Kementerian Buruh mengadakan satu unit di mana setiap pekerja atau sesiapa yang mahu membuat aduan (complaint) mengenai gaji yang telalu rendah boleh membuat lapuran dan Kementerian Buruh boleh buat penyiasatan. Dan bukan sahaja kata-kata propaganda sahaja.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, apa yang dilapurkan oleh surat-surat khabar itu ialah kes di mana saya sendiri telah menyiasat sebuah syarikat telah membayar upah $26 sebulan, dan saya telahpun ambil langkah-langkah terhadap syarikat itu. Tetapi barangkali Yang Berhormat itu tidak faham membaca suratkhabar.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan mengatakan kalau sekiranya ada Ahli di dalam Dewan mahupun di luar Dewan ini ada specific case boleh memberi butir-butir kepada Kementeriannya. Saya hendak bertanya kepada beliau adakah Kementeriannya menunggu sahaja butir-butir itu sampai ke Kementerian atau Kementeriannya menghantar pegawai-pegawai yang tertentu pergi siasat kilang-kilang yang membayar gaji yang terlampau rendah seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Buruh itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini yang mana dahulu. Telorkah dulu atau ayamkah dulu, kalau hendak pergi menyiasat, mesti ada orang mengadu.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang didapati itu ialah hal yang saya sendiri telah pergi menyiasat ke syarikat itu dan adalah mustahil bagi Kementerian ini untuk mengetahui semua gaji yang dibayar oleh syarikat-syarikat di seluruh Malaysia ini. Kalau ada Ahli-ahli yang mengetahui bolehlah melapurkan kepada Kementerian untuk disiasat dengan seberapa segera.

ROMPAK DAN MENCURI—HAPUSKAN

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan sedar bahawa kejadian merompak dan mencuri semakin menjadi-jadi di negeri ini sehingga perasaan takut di kalangan rakyat semakin jelas; dan

(*b*) samada Kerajaan akan mempelajari cara-cara menghadapi masaalah tersebut daripada setengah-setengah negeri lain yang berjaya menghapuskan penyakit ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menafikan bahawa kejadian merompak dan mencuri adalah bertambah yang disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk pengangguran dan faktor-faktor sosial dan penambahan orang yang datang ke bandar, tetapi tidaklah sampai kepada peringkat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Semua langkah sedang diambil untuk mencegah kejadian ini termasuk mempelajari cara-cara yang digunakan oleh negara-negara lain. Tiap-tiap satu bandar besar ada Bahagian Khas dari Cawangan Jenayah Polis yang dibentuk untuk menyiasat kes-kes rompak dan curi secara betul-betul mendalam dan pemeriksaan Polis yang selalu dilancarkan terhadap elemen-elemen jahat di semua peringkat Polis tindakan yang dirancangkan sedang diambil untuk memerangi jenayah-jenayah yang sebagaimana kita dapat pada hari ini. Selain daripada ini, segala cara-cara lain yang berkesan juga tidak ketinggalan diambil untuk mencegah jenayah ini. Saya minta Yang Berhormat kalau ada masa, sila baca *Utusan Melayu,* muka satu pada hari ini, yang menceritakan yang penjahat-penjahat sendiri mengucapkan tahniah kepada Polis, apabila Polis dapat menangkap mereka itu sesudah sahaja membuat jenayah di Kuala Lumpur dan ditangkap di Melaka di dalam tempoh 48 jam. Saya percaya Yang Berhormat sendiri suka hendak bercampur dengan mereka untuk memberi ucapan tahniah kepada Polis.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kerana pada dua hari yang lalu perompak dapat ditangkap pada hari ini. Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kedudukan ataupun cara menerima wang di bank-bank kita di Malaysia ini sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan yang ada kerana didapati banyak benar perompak-perompak ini merompak wang ketika orang mengambil duit daripada bank ataupun ada setengah-setengahnya pegawai yang sedang bertugas menjalankan kerja diperangkap oleh perompak. Apakah cara yang lebih berkesan supaya keselamatan di bank-bank ini dapat terjamin lebih lagi pada masa yang akan datang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Polis hanya boleh menasihat sahaja untuk menjaga keselamatan bank atau peribadi masing-masing.

MAHKAMAH RAKYAT

7. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan "Mahkamah Rakyat" bagi mengadilkan penyokong-penyokong pengganas kominis yang menentang Kerajaan Malaysia, jika tidak, nyatakan samada Kerajaan berpuashati kelambatan mengadil penyokong-penyokong pengganas kominis dan para simpatinya.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak menubuh Mahkamah Rakyat untuk membicarakan penyokong-penyokong pengganas kominis. Peruntukan yang ada dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Mahkamah-Mahkamah kita ada mempunyai kuasa yang cukup bagi mencegah ancaman itu. Kebanyakan mereka adalah ditahan di bawah kuasa Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan sebab tiada saksi yang

sanggup dan berani memberi keterangan-keterangan dalam Mahkamah terus-terang kerana takutkan dendam balas ke atas mereka itu.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu macamana Kerajaan tentukan yang seorang itu penyokong pengganas kominis atau bukan?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kita dapat tahu ada maklumat-maklumat yang diberi rahsia pada kita,. seperti menghantar barang makanan ke dalam hutan, tahu kominis datang di hadapan rumah didiamkannya, membagi risalah, semua nampak mereka itu, membantu wang atau memungut wang dan banyak lagi. Tetapi mereka itu tidak berani ke hadapan. Kalau Ahli Yang Berhormat dapat menolong, saya mengucapkan terima kasih.

MINYAK DISEL

8. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan minyak disel yang sengaja dibuat-buatkan di setesyen-setesyen minyak oleh kerana tuanpunya-tuanpunya setesyen-setesyen minyak ini lebih suka menjualkan minyak disel kepada syarikat-syarikat perusahaan yang membayar harga yang tinggi; dan jika ya, samada beliau akan menimbang mengadakan suatu sistem jualan yang samarata supaya semua pengguna-pengguna dan syarikat-syarikat perusahaan akan memperolehi bekalan minyak disel pada setiap masa dengan harga yang berpatutan.

Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Tuan K. Pathmanaban pada 7-7-1975 yang lalu yang telahpun saya jawab dengan jelasnya.

Soalan menetapkan harga yang samarta sudah tentu akan menaikkan harga minyak disel di stesyen-stesyen minyak, dan ini sudah tentu akan menyusahkan orangramai. Walau bagaimanapun, kawalan yang rapi akan sentiasa diambil terhadap penjualan minyak kepada kilang-kilang indastri dan apabila dikuatkuasakan peraturan-peraturan yang akan diadakan bagi mengawal penjualan minyak di stesyen-stesyen pam maka perkara menjual minyak daripada stesyen pam kepada kilang-kilang indastri itu akan dapat kita kawali dengan rapi.

Tuan Luhat Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dengan satu pertanyaan yang mudah sahaja. Mengapa negara Malaysia menjual minyak dengan begitu tinggi harganya, pada hal negara Malaysia sendiri mengeluarkan minyak?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sepatutnya soalan ini tidak dijawab oleh saya, tetapi saya sukalah menyatakan bahawa minyak yang dikeluarkan di sini tidak digunakan di sini. Minyak yang dikeluarkan di negara ini adalah minyak yang mengandungi octane yang sungguh tinggi yang tidak sesuai digunakan oleh negara kita sendiri. Kita jual minyak ini keluar negeri, dan duit yang kita dapati, kita beli minyak daripada negara Timur Tengah.

Tuan Patrick Anek Uren: Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin bertanya, adakah langkah sedang diambil ataupun hendak diambil untuk menggunakan minyak mentah kita sendiri dari segi self-refinery supaya jangan kita keluar lebih banyak foreign exchange untuk menyimpan foreign exchange?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ini menyeleweng daripada soalan asal, Tuan Yang di-Pertua.

RUMAH KEDIAMAN BAGI PEKERJA-PEKERJA

9. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementeriannya akan mengemukakan undang-undang menghendaki majikan-majikan ladang mendirikan rumah-rumah kediaman bagi pekerja-pekerja yang telah bekerja lebih daripada 5 tahun dengan ladang itu.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun mempunyai Undang-undang yang diperlukan Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja, 1966.

Mengikut Undang-undang tersebut jika seseorang pekerja tinggal di ladang samada dengan secara perjanjian dengan majikannya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh majikannya, majikan tersebut mestilah menyediakan perumahan percuma kepada pekerja yang berkenaan dan keluarganya. Perumahan seperti ini hendaklah mengikut kehendak undang-undang tersebut dan tempoh perkhidmatan pekerja yang berkenaan tidaklah menjadi soal.

Tuan Jaafar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang saya maksudkan di sini ialah berhubung dengan perkara perumahan kaum-kaum buruh di ladang-ladang yang mana diterangkan oleh Setiausaha Parlimen tadi seolah-olah majikan ini akan mengadakan labour line bagi pekerja-pekerja buruh. Tetapi yang sebenarnya ialah ketentuan bagi menjamin masa depan kaum pekerja di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan Yang Berhormat hendak bertanya? Ini membuat statement.

Tuan Jaafar bin Hamzah: Dalam masaalah perumahan. Jadi, saya ingin hendak tahu, adakah Kementerian ini sedar bahawa kaum-kaum buruh yang telah bekerja begitu lama, hasil daripada titik peluh yang telah diperah oleh majikan-majikan atau tuan-tuan punya ladang dan selepas selesai berkhidmat ber belas-belas tahun, berpuluh-puluh tahun, maka kaum buruh itu terus diberhentikan kerja dengan tidak ada jaminan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan-tidak timbul, apa pertanyaannya? Ini membuat kenyataan.

Tuan Jaafar bin Hamzah: Adakah pihak Kementerian ini ada mempunyai satu dasar untuk menentukan supaya kaum buruh selepas berhenti daripada bekerja diberi sekeping tanah atau rumah bagi menjamin kehidupan mereka di masa hadapan?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada satu Jawatankuasa Bertindak yang mengkaji perumahan untuk pekerja-pekerja di ladang dan lombong. Lapuran Jawatankuasa Bertindak bagi rancangan perumahan di ladang-ladang dan lombong sedang dikaji oleh Kementerian saya dan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Wang sebanyak $10 juta telah diuntukkan bagi maksud ini seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Melalui rancangan ini, Kementerian akan melaksanakan apa yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang Pertua, berhubung dengan jawapan yang diberi oleh Kementerian yang berkenaan, saya suka membuat satu soalan bahawa Jawatankuasa Bertindak yang disebutkan oleh Kementerian yang berkenaan telah disebutkan 9 bulan yang lampau dan saya ingin tahu, bilakah gerangannya keputusan diambil berkenaan dengan perumahan pekerja-pekerja ladang itu?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan lapuran Jawatankuasa Bertindak, saya telah memberitahu dalam bulan September bahawa ada beberapa masaalah dan yang penting daripada masaalah-masaalah ini ialah kewangan, dan pada masa sekarang seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, $10 juta telah diperuntukkan. Selain daripada itu, ada beberapa masaalah berkenaan dengan tanah yang menjadi hal Kerajaan Negeri. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengambil berat di atas perkara ini dan akan mengambil semua langkah-langkah untuk melaksanakan projek tersebut dengan secepat mungkin.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan memberitahu Dewan ini apakah tindakan Kementerian beliau akan ambil ke atas majikan-majikan yang tidak mengikut Undang-undang itu dan tidak memberi rumah kepada pekerja-pekerja dalam ladang-ladang?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kalau majikan-majikan tidak mengikut Undang-undang seperti yang saya sebutkan tadi iaitu Undang-undang Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja-pekerja, 1966 Kementerian saya akan mengambil tindakan di bawah Undang-undang tersebut.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

ada menyatakan bahawa Kerajaan telahpun memperuntukkan sejumlah $10 juta untuk perumahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa wang sebanyak $10 juta itu amat sedikit, amat kecil untuk mengatasi masaalah itu dan adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa wang sebanyak $10 juta itu tidak dapat hendak mengatasi 10% pun daripada masaalah perumahan yang kita hadapi mengikut soalan ini?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa peruntukan sebanyak $10 juta sangat kecil, tetapi ini sebagai initial fund untuk satu revolving fund. Jadi dari masa ke semasa Kementerian saya akan mengkaji masaalah ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan mengatakan bahawa satu Jawatankuasa Bertindak telahpun ditubuhkan sembilan bulan dahulu, tetapi tidak berhasil. Saya hendak bertanya kepada beliau, bolehkah beliau menerangkan di dalam Dewan ini samada pekerja-pekerja yang berkehendakkan perumahan di ladang-ladang getah ataupun kelapa sawit boleh diberi rumah?

Tuan Yang di-Pertua: Kepada semua pekerja; saya tidak faham.

Dr Tan Chee Khoon: Semua pekerja di dalam ladang-ladang getah atau kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan hendak tahu bilangannya?

Dr Tan Chee Khoon: Pekerja yang berkekehendakkan rumah akan diberi rumah, pada masa sekarang katanya ada $10 juta revolving fund untuk perumahan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, inilah dasar Kerajaan dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan menjalankannya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa bukan sahaja dalam bulan September tahun lalu Jawatankuasa Bertindak ada disebutkan, tetapi di Parlimen pun sebelum Pilihanraya umum Jawatankuasa Bertindak ada disebut-sebutkan, tetapi sampai hari ini belum ada apa-apa hasil dan sangat mustahak bahawa Jawatankuasa itu bukan bertindak dalam nama sahaja. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahu Dewan ini samada $10 juta seperti yang disebutkan tadi dikhaskan untuk perumahan pekerja-pekerja di ladang-ladang dan sekiranya untuk permulaan berapa yunit akan dibina untuk pekerja-pekerja?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, wang sebanyak $10 juta yang diperuntukkan ialah first instalment untuk perumahan pekerja-pekerja di ladang-ladang, di lombong-lombong dan juga pekerja-pekerja di firma-firma pada masa hadapan. Seperti yang saya sebutkan tadi peruntukan ini kecil dan ini akan dikaji dari masa ke semasa untuk ditambahkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa wang sebanyak $10 juta diperuntukkan bukan sahaja untuk ladang-ladang dan lombong-lombong tetapi ialah untuk firma-firma. Yang saya dapat tahu adakah benar bahawa Jawatankuasa Bertindak ini apabila dibentuk ialah khas untuk mengkaji masa hadapan, kesusahan pekerja-pekerja di ladang-ladang dan di lombong-lombong sahaja dan tidak termasuk firma-firma dan kalau sekiranya begitu adakah benar bahawa wang sebanyak $10 juta yang diperuntukkan untuk perumahan ini ialah satu peruntukan am untuk membina rumah pangsa bagi pekerja-pekerja am?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah jawab tadi, mengatakan meliputi semua pekerja-pekerja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya benar bahawa $10 juta ini meliputi semua pekerja-pekerja yang bukan dikhaskan untuk pekerja-pekerja ladang, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahu Dewan ini berapa peratus daripada $10 juta ini akan digunakan untuk pekerja-pekerja ladang?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah jawab tadi bahawa perkara ini sedang dikaji, dan yang $10 juta ini adalah sebagai instalment sahaja.

TANAH—PENYELARASAN PENTADBIRAN

10. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa cara-cara memproses permohonan tanah tidak selaras di setiap negeri dan terdapat juga setengah pemohon-pemohon tanah tidak mendapat sebarang jawapan daripada Pejabat Tanah selama beberapa tahun; jjka ya, nyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk:

(*a*) menyelaraskan pentadbiran dan dasar tanah di setiap negeri;

(*b*) memastikan bahawa setiap pemohon akan mendapat jawapan dalam suatu masa yang tertentu selepas mereka membayar premium tanah; dan

(*c*) memberhentikan bayaran T.O.L. selepas pemohon-pemohon tanah membayar premium tanah.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Penyelarasan pentadbiran dan dasar tanah di antara negeri-negeri, pada umumnya adalah menjadi satu daripada tugas-tugas utama yang sentiasa diselenggarakan melalui persidangan-persidangan yang kerapkali diadakan di antara Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Majlis Tanah Negara dan juga Surat-surat Pekeliling yang dihantarkan kepada pihak-pihak yang berkaitan di negeri-negeri. Tetapi penyelarasan pentadbiran dan dasar tanah secara halusi di setiap negeri adalah tanggungjawab pihak yang berkuasa negeri itu sendiri.

(*b*) Jika benar apa yang dimaksudkan dalam pertanyaan itu bayaran premium bukan bayaran pendaftaran permohonan maka jawapan yang dimaksudkan di dalam perenggan (*b*) ini tidaklah mustahak kerana setelah dibayar premium dan lain-lain bayaran juga surat hak milik tanah itu mestilah dikeluarkan, hanya kelewatan telah berlaku di dalam soal mengeluarkan surat-surat hak milik kerana kekurangan pegawai di Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan dan keadaan ini sedang diperbaiki sekarang.

(*c*) Bayaran premium tanah adalah dibuat selepas permohonan tanah yang berkenaan diluluskan. Kelulusan yang didapati dan bayaran premium yang dibuat itu tidaklah bermakna bahawa si pemohon telah diberi hakmilik atas tanah yang berkenaan itu melainkan sehingga surat, hakmilik telah disedia dan didaftarkan atas nama permohon.

Sebelum tindakan pendaftaran surat milik berkenaan, tanah yang berkenaan itu masih lagi tanah Kerajaan dan oleh itu bayaran Lesen Tumpangan Sementara adalah perlu dibuat sehingga surat milik yang berkenaan telah didaftar atas nama pemohon. Ini adalah satu tindakan selaras dengan keperluan Kanun Tanah Negara.

Tuan Chian Heng Kai: Mengikut jawapan yang diberikan oleh Menteri yang berkenaan, adakah Kerajaan sedar bahawa ada banyak perbezaan di dalam pembayaran premium, saya ingin tahu apakah yardstick yang betul kerana ramai orang membayar kadar premium yang berlainan di tempat-tempat yang bersamaan dengannya.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Harga atau bayaran premium tidak ditentukan pada paras yang bersamaan bagi semua tempat. Kerajaan Negeri boleh menentukan harga premium berdasarkan kepada jenis kelas tanah dan kedudukan tanah itu sendiri jauh atau dekatnya daripada pusat-pusat bandar atau jalanraya atau sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada kes-kes di mana selepas hampir setahun pembayaran premium-premium tanah itu belum diberikan, ada kes-kes yang berlaku di Lanchang di dalam Daerah Temerloh di Pahang. Kenapa hal-hal ini ada berlaku?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak berapa faham juga.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun premium tanah telah dibayar kepada Pejabat

Tanah oleh beberapa orang pemohon-pemohon di Lanchang di Daerah Temerloh, Pahang. . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Lanchang ini nama tempatkah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Lanchang ini nama tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Nama tempat Lanchang.

Tuan Lim Kit Siang: Di Lanchang bayaran telahpun dibuat pada bulan Ogos tahun lalu. tetapi sehingga sekarang pemohon-pemohon yang sudah membayar lebih $270 untuk premium belum dapat tanah itu untuk menanam tanam-tanaman. Sungguhpun Kementerian Tanah kerapkali ada menegaskan sangat mustahak (efficiency) dalam semua Pejabat-Pejabat Tanah tetapi masih ada lagi perkara-perkara yang seperti ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham lagi. Yang Berhormat Menteri faham jawablah (*Ketawa*).

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya sudah faham. Sehingga hari ini pihak Kementerian belum menerima sebarang pengaduan berkenaan dengan hal-hal mereka yang telah membayar premium tanah di Lanchang itu. Sekiranya ada pengaduan kita boleh membuat penyiasatan. Sebab soal ini adalah soal Kerajaan Negeri bukan soal Kerajaan Persekutuan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini, adakah Kementerian beliau mengambil tindakan-tindakan ke atas Pejabat-Pejabat Tanah kerana kelambatan memproses meluluskan tanah di dalam beberapa daerah-daerah?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Seperti yang telah saya nyatakan bahawa sebab-sebab berlakunya kelambatan dalam memperoseskan permohonan tanah itu banyak. Sebab-sebab yang besar sekali ialah masaalah kekurangan pegawai. Jadi apabila berlaku sesuatu kelewatan atau kelambatan dalam memperoseskan sesuatu permohonan tanah, jika kita mendapat lapuran kita terpaksa menjalankan penyiasatan, jika benar kelewatan itu oleh kerana kelalaian atau sebagainya, sudah tentu tindakan akan diambil. Tetapi jika kelewatan itu disebabkan oleh kekurangan pegawai atau sebagainya, maka tidaklah dapat Kerajaan mengambil tindakan terhadap pegawai yang ada, melainkan tindakan untuk mengatasi masaalah kekurangan pegawai-pegawai itu mesti dilakukan.

HOSPITAL KENINGAU—PERABUT BURUK

11. Tuan Haji Mohammad Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(*a*) samada beliau sedar bahawa kebanyakan alat kelengkapan, perabut, dll., di Hospital Keningau adalah buruk dan usang dan perlu diganti segera;

(*b*) samada beliau sedar bahawa jabatan untuk pesakit luar sangatlah kecil dan orang ramai tiada tempat duduk sementara menunggu untuk diperiksa oleh doktor dan jika sedar samada peruntukan boleh dibuat dengan segera untuk meluaskan dan membaiki jabatan itu supaya pesakit-pesakit terutamanya mereka yang tenat dapat duduk dan berihat sebelum diperiksa oleh doktor;

(*c*) samada peruntukan telah dibuat oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk mendirikan pagar keselamatan di sekeliling kawasan Hospital Keningau, disebabkan ada kes-kes kecurian di Hospital, dalam mana pesakit-pesakit telah kehilangan pakai-pakaian, makanan dll. semasa mereka tinggal di hospital (terutamanya pada waktu malam) dan samada perkara ini akan diberi keutamaan khas untuk mengelakkan daripada berlakunya lagi kecurian-kecurian di Hospital pada masa akan datang; dan

(*d*) samada tapak lama Pejabat JKR/Wokshop di sebelah kawasan hospital telah diambil untuk meluaskan Hospital Keningau pada masa akan datang, dan adakah beliau sedar bahawa itulah sahaja Tanah Negeri yang ada dan

yang dianggap sungguh sesuai dari segi pembangunan tapak dan jika sedar, sudahkah tanah yang dimaksudkan itu diambil.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Kementerian Kesihatan sedar akan kedudukan kelengkapan dan perabut-perabut yang burok dan usang di Hospital Keningau dan sedang mengambil tindakan untuk menggantikannya dengan yang baru dari masa ke semasa mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dalam Arahan-arahan Perbendaharaan. Selain dari itu pula Kementerian saya membuat tambahan-tambahan kelengkapan dan perabut-perabut yang baru untuk menyesuaikan dengan perkembangan kemajuan di Hospital itu. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat perbelanjaan untuk kelengkapan dan perabut-perabut yang telah dibelanjakan di Hospital itu adalah seperti berikut:

1974	$13,000
1975	$16,000

dan Kementerian ini telah membuat cadangan peruntukan yang berlipat kali gandanya untuk mendapatkan kelengkapan dan perabut bagi tahun 1976.

(*b*) Pihak Kementerian Kesihatan sedar bahawa hospital yang ada sekarang ini dan Jabatan Pesakit Luar sangat kecil. Kami telah juga mengemukakan satu cadangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membesarkan Jabatan Pesakit Luar dan juga menambah lagi jumlah wad. Ini akan dipertimbangkan oleh Ajensi Pusat apabila penyelenggaraan Rancangan Malaysia Ketiga diadakan, dan sekiranya diluluskan tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Jabatan Perubatan Sabah untuk menjalankan projek ini. Sungguhpun Jabatan Pesakit Luar yang wujud sekarang ini kecil, kemudahan telah di adakan supaya pesakit yang tenat dapat duduk dan berihat sebelum diperiksa oleh doktor.

(*c*) Tidak ada lapuran kepada Jabatan Perubatan Sabah bahawa pakaian dan makanan pesakit-pesakit di Hospital Keningau telah dicuri semasa mereka menerima rawatan di Hospital tersebut. Sekiranya kejadian ini berlaku perkara ini akan disiasat oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah dan perakuan yang sepatutnya akan di buat untuk mengelakkan kejadian ini berlaku lagi. Buat masa ini hospital ini mempunyai pagar "barbwire" untuk menjauhkan pengganggu, binatang-binatang dan lain-lain. Tidak ada pagar keselamatan di mana-mana hospital di Sabah dan adalah difikirkan pada peringkat ini tidak perlu bagi Hospital Daerah Keningau.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sabah sedar bahawa tapak Pejabat JKR/Workshop di sebelah kawasan hospital adalah sekeping tanah Negeri yang didapati sesuai untuk pembangunan di masa hadapan dan Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah telah menulis kepada pihak-pihak berkuasa Negeri mengenai tapak untuk pembangunan hospital di masa hadapan dalam bulan Februari 1974. Jawapan telah diberi pada bulan Julai 1974 menyatakan bahawa kami hanya boleh memohon untuk tanah tersebut sebaik sahaja Jabatan Kerja Raya telah mengosongkan tapak tersebut dan pindah ke Ibu Pejabat Daerah mereka yang baru.

Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tapak bangunan Hospital Daerah Puput telah disediakan setahun yang lalu. Jika sedar, bilakah bangunan hospital tersebut akan dimulakan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah saya jawab tadi jika tapak itu telah disediakan, maka tindakan itu boleh diambil oleh Kementerian saya.

MAJLIS BANDARAN/LEMBAGA BANDARAN/MAJLIS TEMPATAN—SUSUNAN SEMULA

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

(*a*) sikap Kerajaan terhadap kedudukan pihak-pihak berkuasa tempatan, iaitu

(i) Lembaga-lembaga dan Majlis-majlis Bandaran;

(ii) Majlis-majlis Tempatan;

(*b*) sumbangan kewangan dari Kerajaan Pusat kepada pihak-pihak berkuasa tempatan, dengan memberi angka-angka detail mengikut negeri; dan

(*c*) samada Kerajaan akan mengambil sesuatu langkah yang berkesan supaya pihak-pihak berkuasa tempatan dapat menjalankan tugas yang lebih berkesan, sesuai dengan perkembangan dan kemajuan sosio politik dan ekonomi negara sekarang.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Sikap Kerajaan Pusat terhadap kedudukan pihak-pihak berkuasa tempatan termasuk Majlis Bandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis Tempatan ialah untuk menyusun semula dua buah atau lebih pihak berkuasa tempatan menjadi sebuah pengusaha tempatan yang lebih viable dan yang boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih cekap dan berkesan.

(*b*) Kerajaan Pusat tidak memberi apa-apa sumbangan kewangan kepada pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat membayar kadar Bantu Cukai bagi segala hartanya yang terletak dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Kerajaan Pusat juga memberi bantuan tahunan bagi projek-projek kecil di kawasan pihak-pihak berkuasa tempatan.

(*c*) Saya yakin Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa keputusan telah dibuat untuk menyusun semula semua pihak-pihak berkuasa tempatan berpandukan syor-syor Lapuran Athi Nahappan. Penyusunan semula ini akan dijalankan dengan menyatukan dua buah pihak berkuasa tempatan atau lebih menjadi sebuah pihak berkuasa tempatan yang berupaya menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih cekap dan berkesan selaras dengan kemajuan politik sosial dan ekonomi negara sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa oleh kerana kekurangan kewangan yang dihadapi oleh semua Majlis-majlis Tempatan dan Majlis-majlis Perbandaran, dengan sebab itu mereka tidak boleh menjalankan projek-projek socio-ekonomi selaras dengan kemajuan masyarakat kita. Adakah Kerajaan Pusat mempunyai rancangan untuk membuat sumbangan kewangan atau menambah pembayaran grant atau pembahagian cukai kepada Majlis-majlis Tempatan dan Perbandaran-perbandaran untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dan bukan sekarang mereka baharu terhad kepada beberapa segi sahaja?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sekarang sedang di dalam kajian Kerajaan Pusat.

Tuan Ngan Siong Hin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan penubuhan District Council untuk menggantikan Majlis-majlis Tempatan dan Perbandaran?

Tan Sri Ong Kee Hui: Majlis Tempatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh meliputi Majlis Bandaran dan kawasan-kawasan yang di luar daripada Majlis Bandaran itu, dan maksudnya oleh sebab majlis-majlis yang terlalu kecil di luar Majlis Bandaran itu tidak berkesan untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduknya.

Tuan Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa beberapa banyak Majlis-majlis Tempatan, khasnya Majlis-majlis Tempatan di pekan-pekan kecil sekarang menderita kesulitan kewangan oleh sebab kekurangan hasil dan tuntutan naik gaji kakitangannya. Bolehkah Menteri memberi tahu langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kesulitan-kesulitan itu?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi, perkara ini pada masa sekarang sedang di dalam kajian Kerajaan Pusat.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa dasar Kementeriannya untuk menyatukan penguasa-penguasa tempatan. Jadi saya ingin tahu samada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa setengah-setengah tempat mereka itu belum sedia lagi untuk menyatukan beberapa Penguasa Tempatan kepada

satu kuasa, misalnya Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Prai. Saya ingat, kalau saya tak silap inilah tempat yang pertama sekali melaksanakan Lapuran Athi Nahappan di mana 3 daerah dicantumkan. Dan soalan saya yang kedua adakah Menteri berkenaan sedar sehingga sekarang belum ditentukan tugas siapa untuk hendak menjalankan sesuatu perkara, misalnya jalan, ada ditimbulkan bahawa jalan ini di bawah tanggungjawab J.K.R., pihak J.K.R. pula mengatakan ini bukan tanggungjawab dia, ini tanggungjawab Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan mengatakan ini bukan tanggungjawab dia ini tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair oleh kerana jalan itu ada terlibat parit?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Bagi Kementerian saya dalam beberapa bulan ini saya sendiri telah berjalan ke tiap-tiap negeri untuk membincangkan dengan pihak yang berkuasa supaya dapat mengatasi masaalah-masaalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan. Adakah benar apabila Kerajaan melantik ahli-ahli baru Lembaga dan Majlis-majlis Bandaran, Kerajaan cuma melantik ahli Barisan Nasional atau ahli pro-Barisan Nasional sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak bersangkut dengan soalan asal.

Tuan Ngan Siong Hin: Soalan tambahan. Mengikut perubahan yang telah dijalankan oleh Kerajaan dua-tiga bulan dahulu, saya ingin tahu bolehkah seorang guru dilantik menjadi sebagai seorang Ahli Majlis Tempatan yang baru sebab seorang guru itu mengikut apa yang saya tahu ialah seorang public servant.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu juga tidak bersangkut-paut.

L.L.N.—LETRIK KELUAR BANDAR

13. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S. O. 24* (2)) minta Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan menyatakan samada menjadi dasar Kementerian beliau membenarkan mana-mana syarikat swasta atau orang perseorangan menjalankan perkhidmatan bekalan letrik kepada penduduk-penduduk di daerah luar bandar yang tidak dapat bekalan letrik dari L.L.N dan memungut hasilnya dengan cara seperti yang diamalkan oleh L.L.N. sekarang.

Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 39 Ordinan Letrik 1949 kuasa adalah diberi kepada L.L.N. untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada orang-orang ataupun badan-badan swasta untuk menjana dan membekalkan kuasa letrik di kawasan-kawasan yang tidak mendapat bekalan dari L.L.N. dan pelesen-pelesen yang berjaya itu seterusnya dibenarkan untuk mengutip hasil daripada jualan kuasa letrik mengikut kadar bayaran (tarif) yang akan ditetapkan dan dilulus oleh Lembaga. Pengeluaran lesen-lesen tersebut yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu adalah di bawah pentadbiran Jabatan Ketua Pemeriksa Letrik yang kini dikendalikan oleh Lembaga Letrik Negara bagi pihak Kerajaan.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa banyak pekan-pekan kecil atau pekan-pekan yang sederhana besarnya dalam Negeri Johor yang tidak dapat bekalan letrik, dijalankan oleh pihak-pihak swasta dengan itu mengutip bayaran mengikut yang ditetapkan oleh pihak L.L.N. semasa harga minyak dan sebagainya belum naik. Tetapi oleh kerana kenaikan harga minyak dan sebagainya mereka mendapat kerugian yang besar dan untuk meneruskan khidmatnya kepada orangramai dan mengatasi kerugian itu, mereka telah membuat permohonan kepada pihak yang berkenaan supaya bayaran itu ditambah, tetapi malangnya permohonan itu ditolak dan mereka telah menetapkan, kalau saya tak salah, dalam satu dua minggu ini untuk memberhentikan khidmatnya. Jadi kalau benar mereka akan memberhentikan khidmatnya kerana permohonannya tak dapat ditunaikan kerana mereka mendapat kerugian yang besar apakah tindakan pihak yang berkenaan terhadap perkara ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang bayaran ataupun tarif yang dikenakan oleh pihak swasta itu

telahpun direvise pada satu ketika mengikut dengan sebab kenaikan harga minyak, tetapi mereka ini masih lagi meminta supaya tarif ini direvise sekali lagi dan perkara ini masih dalam pertimbangan.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—PEGAWAI YANG DIBERHENTIKAN

14. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah bilangan pegawai-pegawai dalam Angkatan Bersenjata Malaysia yang telah diberhentikan kerana:

(i) kecuaian kerja ;

(ii) rasuah;

(iii) belot kepada negara; dan

(iv) menyeludupkan barang-barang haram.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera Malaysia yang telah diberhentikan kerana kecuaian kerja sehingga ini ialah 32 orang. Tidak ada pegawai-pegawai yang telah diberhentikan kerana sebab rasuah, belot kepada negara atau menyeludupkan barang-barang haram.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 50 adalah diberi di bawah ini*).

TALIPON—PEMASANGAN

15. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyegerakan pemasangan talipon kepada beribu-ribu pemohon yang telah menunggu beberapa tahun untuk mendapatkan talipon, dan juga nyatakan samada beliau sedar bahawa trafik talipon di antara Seremban dan Kuala Lumpur telah bertambah dengan banyaknya sehingga memakan masa yang panjang untuk membuat satu panggilan talipon semasa waktu pejabat.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Jumlah muatan ibusawat-ibusawat talipon dalam seluruh Malaysia sehingga 31-12-74 ialah 164,000 talian-talian. Jabatan Talikom merancangkan untuk menambahkan ini sebanyak 632,000 talian-talian lagi iaitu 385% sebelum akhir lima tahun yang akan datang. Buat sekarang ini 51 kerja-kerja pembinaan adalah dalam beberapa peringkat hendak siap untuk membesarkan lagi ibusawat-ibusawat yang telah penuh dan juga untuk menggunakan bagi ibusawat-ibusawat yang baru. Bila ibusawat-ibusawat ini siap antara sekarang dan tahun depan, pemasangan talipon-talipon untuk pemohon-pemohon akan dibuat.

Misalnya di Seremban Jabatan Talikom sekarang membesarkan ibusawat tersebut sebanyak 1,000 talian-talian lagi bagi kegunaan lebih kurang 500 penunggu-penunggu sekarang. Kerja ini akan siap dalam masa 3 hingga 4 bulan lagi. Sebanyak 5,000 talian ibusawat baru telah juga dipesan untuk Seremban. Ini dijangka akan siap pada akhir 1976. Alat-alat untuk tempat-tempat lain sehingga 105,000 talian-talian akan juga dijangka siap pada akhir 1976.

Berkenaan dengan terapik talipon antara Seremban dan Kuala Lumpur adalah disetujui bahawa ia telah bertambah dengan hebatnya. Jabatan Talikom sekarang sedang menambah 108 Litar-litar sambungjauh (trunk lines) yang ada antara Seremban dan Kuala Lumpur sebanyak 60 litar-litar lagi. Pekerjaan ini dijangkakan akan siap dalam masa dua hingga tiga bulan lagi dan ini akan menyenangkan kedudukan sekarang.

Adalah juga dihargai bahawa lebih daripada 30%—40% kesusahan-kesusahan untuk mendapatkan panggilan-panggilan sambungjauh terus (STD calls) ialah kerana pelanggan yang dikehendaki itu sendiri sebuk atau pun mereka sedang bercakap, iaitu mereka selalu menggunakan talian-taliannya dan menyebabkan panggilan-panggilan dari luar tidak dapat disambungkan. Masaalah ini tidak sahaja menyusahkan untuk mendapatkan panggilan-panggilan sambungjauh, bahkan juga pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan mereka, terpaksa memanggil 4 hingga 8 kali pada tiap-tiap satu panggilan, dan panggilan-panggilan yang diulangi ini menyesakkan ibusawat-ibusawat talipon dan talian-talian sambungjauh (trunk lines).

ORANG ASLI—PENEMPATAN

16. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar penempatan orang asli di kalangan mereka sendiri dalam

kumpulan-kumpulan atau kawasan-kawasan penempatan adalah menyebabkan lambatnya perubahan-perubahan cara berfikir, corak hidup dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian adakah beliau bercadang meresapkan mereka ke dalam masyarakat umum di negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan sedar iaitu salah satu daripada usaha mempercepatkan proses perubahan di kalangan Orang-orang Asli ialah dengan menggalakkan pergaulan mereka dengan masyarakat lain. Oleh kerana itu Kerajaan telah menggalakkan Orang-orang Asli memasuki rancangan-rancangan tanah dan perkampungan seperti FELDA dan FELCRA. Umpamanya pada tahun 1973, 30 kelamin Orang Asli telah menyertai rancangan FELCRA di Sg. Lengkor, Daerah Pekan, Pahang dan Kerajaan sedang mengaturkan rancangan-rancangan tertentu bagi 8,000 Orang Asli menyertai rancangan Tanah Pahang Tenggara. Saya suka juga memberi penjelasan di Dewan ini, tidaklah benar cara berfikir dan corak hidup Orang Asli pada masa ini tidak mengalami perubahan yang pesat.

Kerajaan telah dan sedang menjalankan berbagai-bagai rancangan dan perkhidmatan kepada Orang-orang Asli seperti berikut:

(i) Memberi perkhidmatan kemasyarakatan yang sempurna seperti kesihatan, perubatan, pelajaran dan bantuan kebajikan.

(ii) Melaksanakan rancangan-rancangan ekonomi seperti membuka rancangan-rancangan tanah, rancangan perumahan (kampung contoh), rancangan membaiki infrastructure seperti membina jambatan, jalan, parit, rancangan-rancangan ternakan dan lain-lainnya.

Kemajuan-kemajuan yang dicapai dapat dicerminkan dengan ramainya kanak-kanak Orang Asli yang bersekolah (5,876 orang pada masa ini) di mana 6 orang di antara mereka itu berada di Universiti dan pusat pengajian tinggi. Selain daripada itu ramai Orang-orang Asli telah tampil kehadapan memegang kerja-kerja di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan serta juga Pasukan Keselamatan—iaitu lebih kurang 70% daripada 1,000 orang kakitangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah Orang Asli dan Pasukan Polis Senoi Praaq adalah dianggotai oleh Orang Asli.

Dengan langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan itu jelaslah dengan sendirinya Orang-orang Asli sedang diresapkan ke dalam masyarakat umum di negeri ini.

DADAH—KESALAHAN MENYELUDUP

17. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

(*a*) tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap warganegara-warganegara Malaysia yang telah disabit kesalahan mereka oleh negara-negara asing kerana penyeludupan dadah; dan

(*b*) samada mereka akan dihukum dan kerakyatan mereka dilucut apabila mereka kembali ke Malaysia kelak.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

(*a*) Kerajaan tidak dapat mengambil tindakan ke atas mana-mana warganegara-warganegara Malaysia yang telah dikena hukum oleh negara-negara lain atas kesalahan-kesalahan menyeludup dadah. Walau bagaimanapun Kerajaan sungguh sedar atas kegiatan-kegiatan mereka ini di luar negeri dan tindakan sedang diatur supaya mereka ini tidak akan dapat menyambung semula kegiatan itu apabila mereka dihantar balik ke negara kita. (Satu-satu dari caranya ialah dengan menarik balik paspot mereka atas lapuran yang diterima dari kedutaan-kedutaan kita di seberang laut).

(*b*) Oleh kerana kesalahan itu telah dilakukan di satu-satu negara lain, Kerajaan tidak dapat mengambil apa-apa tindakan untuk mendakwa mereka atas kesalahan-kesalahan yang sama yang mana mereka telahpun dihukum oleh negara itu. Kesalahan-kesalahan dadah adalah seperti kesalahan-kesalahan jenayah yang lain dan Kerajaan tidak boleh melucutkan kewarganegaraan seseorang yang melakukan kesalahan ini baikpun di tanah air kita ataupun di seberang laut.

BUANG DAERAH—MENDAPATKAN PEKERJAAN

18. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan orang-orang

yang dibuang daerah di bawah Perintah Ordinan Pencegah Jenayah mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dan oleh kerana itu mereka melanggar undang-undang dan sekali lagi dibawa ke Mahkamah dan seterusnya dihukum, dan jika ya, apakah rancangan-rancangan Kementerian ini supaya untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidaklah benar orang-orang yang dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah Ordinan Mencegah Jenayah No. 13/59 mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Dari jumlah 275 orang hanya sebahagian kecil sahaja yang didapati melakukan kesalahan dan seterusnya dihukum oleh Mahkamah.

Kementerian ini sentiasa mengambil berat terhadap setiap kes bagi mempastikan mereka mendapat pekerjaan dan mengubah sikap ke arah pemulihan di tempat kediaman terhad masing-masing.

S.T.P./H.S.C.—KEUTAMAAN WARGANEGARA KE UNIVERSITI

19. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa penuntut-penuntut kelulusan Sijil Am Pelajaran Peringkat Tinggi melalui Biasiswa Asean tidak dibenarkan memasuki mana-mana Universiti di Malaysia dan jika tidak berapakah bilangan penuntut-penuntut golongan ini yang telah masuk Universiti dan nama universiti-universiti yang berkenaan.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Universiti-universiti telah diminta supaya memberi keutamaan kepada caun-calun warganegara yang mempunyai kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan/Higher School Certificate dan lain-lain kelayakan yang disyaratkan yang dikeluarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan sebelum calun-calun yang lain boleh dipertimbangkan.

PERUMAHAN AWAM

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada matlamat perumahan awam ialah untuk memberi rumah kepada orang miskin atau kepada orang yang kemampuan dan nyatakan langkah-langkah Kementerian beliau telah ambil untuk menentukan bahawa orang-orang yang berkemampuan tidak diberi perumahan awam sedangkan orang miskin sangat memerlukannya yang bertentangan dengan pengisytiharan matlamat Rancangan Malaysia Kedua untuk membasmi kemiskinan.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Matlamat perumahan awam, semenjak ia diperkenalkan sememangnya bertujuan untuk memberi kemudahan rumah-rumah murah kepada golongan-golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Untuk makluman Y.B., syarat-syarat utama yang dipertimbangkan dalam pemberian rumah-rumah awam adalah seperti berikut:

(i) *Pendapatan Bulanan*

(*a*) Keutamaan adalah diberikan kepada pemohon-pemohon yang berpendapatan kurang daripada $300 sebulan;

(*b*) Pertimbangan juga diberi kepada pemohon-pemohon yang berpendapatan lebih dari $300 sebulan menurut keadaan tertentu.

(ii) *Bilangan Tanggungan*

(*a*) Kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan seperti 1 (*a*), kelayakan tidak bergantung kepada besar atau kecil bilangan keluarganya;

(*b*) Tetapi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan seperti 1 (*b*) bilangan tanggungannya adalah dipertimbangkan juga. Umpamanya, untuk sekeluarga yang berpendapatan lebih dari $300 tetapi kurang daripada $350 sebulan, keluarga itu mesti terdiri tidak kurang daripada 7 orang dan sebagainya.

(iii) *Pemilikan Rumah/Harta*

Keutamaan adalah diberi kepada pemohon-pemohon yang:

Pertama: Tiada mempunyai rumah dan tanah.

Kedua: Ada tanah tiada rumah.

Ketiga: Ada rumah tiada tanah (tapak rumah).

(iv) *Lama Tinggal*

Lamanya seseorang pemohon tinggal di kawasan itu adalah dipertimbangkan

oleh kerana, rumah-rumah awam ini lebih diutamakan kepada pemohon-pemohon yang tinggal menetap di situ.

Oleh yang demikian sebuah rumah murah dengan mengikuti syarat-syarat di atas tetap dapat dimiliki oleh orang-orang miskin selaras dengan pengisytiharan matlamat Rancangan Malaysia Kedua.

SETOK PENIMBAL GETAH ANTARABANGSA

21. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kemajuan yang telah dicapai sehingga ini di atas cadangan Malaysia untuk menubuhkan Setok Penimbal Getah Antarabangsa.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Soalan ini telahpun dijawab semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pada 8hb Julai yang lalu.

SENJATAPI—LESEN DIKELUARKAN

22. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(*a*) memberi butir-butir mengenai lesen-lesen senjatapi yang dikeluarkan di seluruh Malaysia mengikut negeri dalam tahun 1971, 1972, 1973, 1974; dan

(*b*) menyatakan angka-angka pecahan mengikut bangsa dan bilangan senjatapi yang hilang atau kena curi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

(*a*) lesen-lesen senjatapi yang dikeluarkan di seluruh Semenanjung Malaysia mengikut negeri adalah seperti tersebut. Ini tidaklah termasuk perangkaan untuk Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak mempunyai peraturan-peraturannya sendiri yang mana senjatapi dikeluarkan lesen oleh Kerajaan Negeri. Angka-angka ini adalah termasuk untuk senjatapi jenis Pistol/Revolver, Senapang Patah, Carbine, Air Rifle, Air Pistol, Serampang, Fastening Tool dan lain-lain jenis.

Negeri	*1971*	*1972*	*1973*	*1974*
Selangor	11,515	11,824	6,524	6,753
Negri Sembilan ...	4,649	4,732	4,735	4,639
Melaka	1,752	1,750	1,668	1,627
Johor	7,039	6,952	6,848	6,163
Perak	12,272	11,744	11,465	11,822
Pahang	7,735	7,631	7,610	8,202
Pulau Pinang ...	2,309	2,285	2,055	2,382
Kedah/Perlis ...	9,490	9,903	9,801	9,219
Trengganu ...	2,361	2,351	2,241	2,331
Kelantan	3,114	3,089	3,046	2,109
Ibu Kota	—	—	5,495	3,070

(*b*) Tidaklah menjadi amalan Kementerian ini memberi perangkaan mengikut bangsa. Bilangan senjatapi yang hilang ataupun dicuri pada tahun 1974 adalah seperti berikut:

(i) Kedah/Perlis—1 laras Senapang Patah

(ii) Kelantan—1 laras Senapang Patah

(iii) Perak—Satu .22 Pistol dan satu .22 Rifle

(iv) Trengganu—1 laras Senapang Patah

SENJATAPI—LESEN PERBAHARUI

23. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah lesen senjatapi yang telah diperbaharui dalam tahun 1974, peratus permohonan-permohonan yang telah dilulus, peratus yang ditolak, peratus yang masih dalam pertimbangan dan peratus yang telah dilulus selepas rayuan dibuat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

(*a*) Dalam tahun 1974 sebanyak 58,325 lesen senjatapi telah diperbaharui. Angka ini termasuk lesen-lesen senjatapi bagi permohonan baru.

(*b*) & (*c*) Soalan Yang Berhormat ini terlalu umum. Oleh itu saya tafsirkan Yang Berhormat inginkan peratus permohonan-permohonan yang telah diluluskan bagi permohonan baru iaitu 39% dan 61% yang telah ditolak.

(*d*) Peratus yang masih dalam pertimbangan ialah 85.38%.

(*e*) Peratus yang telah lulus selepas rayuan ini ialah 9.9%.

MINYAK DIESEL

24. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh beliau mengenai kekurangan minyak diesel di penghujung bulan Mei, 1975 dan nampaknya pada penghujung tiap-tiap bulan.

Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Soalan ini adalah sama dengan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan K. Pathmanaban yang telah dijawab pada 7-7-1975.

TV PENDIDIKAN—RANCANGAN

25. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mengadakan Rancangan-rancangan Pendidikan Talivisyen di dalam Bahasa Tamil dan China untuk kepentingan murid-murid di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) atau (China), dan jika tidak, nyatakan sebab-sebab diskriminasi dilakukan ke atas murid-murid dari aliran bahasa yang berlainan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan rancangan TV Pendidikan di dalam Bahasa Tamil dan China disebabkan kemudahan-kemudahan, terutamanya waktu siaran sangatlah terhad. Dalam keadaan begini Kementerian Pelajaran hanya dapat menyiarkan pelajaran ETV ini di dalam beberapa matapelajaran bagi sekolah-sekolah rendah dengan menggunakan Bahasa Malaysia, iaitu bahasa yang boleh difahami oleh semua kanak-kanak. Matapelajaran-matapelajaran yang disiarkan adalah dipilih mengikut objektif-objektif Kementerian Pelajaran sebagaimana yang ditentukan oleh Rancangan Malaysia Kedua.

"MALAY DILEMMA"—PENGHARAMAN

26. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa senaskah buku bertajuk "The Malay Dilemma" yang dikarangkan oleh Menteri Pelajaran Dr Mahathir Mohammad selepas peristiwa Mei 13 masih diharamkan; jika ya, nyatakan sebab-sebab pengharaman tersebut dibuat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Buku itu masih tidak dibenarkan diedar untuk bacaan awam di negara ini. Walau bagaimanapun, buku saumpama itu dikaji semula dari semasa ke semasa dan jika didapati buku itu tidak lagi mudzarat kepada keselamatan dan kententeraman negara ini, maka dibenarkan pengedarannya.

IBUKOTA PERSEKUTUAN—KEBERSIHAN

27. Datuk Albert Mah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

(*a*) apakah langkah-langkah yang berkesan akan diambil untuk menjadikan Ibukota Persekutuan bersih;

(*b*) berapa banyak wang, masa dan tenaga manusia telah dibelanjakan pada masa yang lalu semasa pelbagai kempen-kempen untuk menjadikan Ibukota Persekutuan bersih di dalam tahun 1971, 1972, 1973, 1974 dan 1975;

(*c*) berapa orang telah didenda kerana kesalahan membuang sampah pada tahun 1971 ke 1975; dan

(*d*) berapakah jumlah wang denda telah dipungut kerana kesalahan-kesalahan membuang sampah dalam tahun 1971 ke 1975.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):

(*a*) Langkah-langkah yang tersebut di bawah ini akan diambil untuk menjadikan Ibu kota Persekutuan bersih:

1. Membanyakkan tenaga pekerja mengangkat sampah dari 1100 orang kepada 1500 orang;
2. Menambahkan bilangan lori-lori mengangkut sampah kepada 70 buah. Tiga puluh lima di antaranya merupakan lori-lori jenis baru compaction (new compaction type);
3. Pemeriksaan tiap-tiap hari oleh Merinyu-merinyu Kesihatan bagi mengambil tindakan terhadap pekedai-pekedai, pemaju-pemaju (developers) dan orang-orang perseorangan yang membuang sampah dan tidak menjaga kebersihan bangunan-bangunan/kedai-kedai mereka;

4. Satu Squad khas yang terdiri dari Merinyu-merinyu Kesihatan dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa telah dan akan terus mengadakan pemeriksaan di sebelah petang dan malam untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan dari segi undang-undang membuang sampah;

5. Satu hari pada tiap-tiap minggu telah ditetapkan bagi kesemua Merinyu-merinyu Kesihatan Dewan Bandaraya menjalankan kerja-kerja kebersihan;

6. Denda-denda membuang sampah akan dinaikkan.

(*b*) (i) Wang yang telah dibelanjakan semasa menjalankan pelbagai kempen untuk menjadikan Ibukota ini bersih dalam tahun-tahun 1971 hingga 1975 adalah seperti berikut:

1971	*1972*	*1973*	*1974*	*1975*
$3,456,146	$3,495,722	$3,746,223	$4,840,145	$6,017.200

(ii) Masa tenaga manusia yang digunakan bagi tujuan yang sama secara purata ialah 7,000 masa tenaga manusia tiap-tiap hari.

(*c*) Bilangan orang yang telah didenda kerana kesalahan membuang sampah dari tahun 1971 hingga 1975 adalah seperti berikut:

1971	8,136
1972	3,788
1973	5,259
1974	8,382
1975	1,502
	27,067

(*d*) Jumlah wang denda yang telah dipungut kerana kesalahan-kesalahan membuang sampah dari tahun 1971 hingga 1975 adalah seperti berikut:

1971	$213,831
1972	58,609
1973	77,181
1974	175,415
1975 (30-6-75) ...	41,527
	$566,563

SENJATAPI—PENYELUDUPAN

28. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan sedar bahawa penggunaan senjatapi secara haram semakin luas di negeri ini;

(*b*) apakah langkah-langkah untuk mengatasi masaalah ini; dan

(*c*) apakah persiapan yang diambil agar senjatapi dari Vietnam dan Republic Khmer, yang telah terlibat dalam peperangan, tidak akan diijual atau diseludupkan ke negeri ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan kepada soalan yang serupa ini telah saya beri di Sidang Dewan ini pada 9hb Julai, 1975.

TALIPON—PERKHIDMATAN

29. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memasang talipon di Bandar Telipok, Sabah kerana pertanyaan ini telah kemukakan beberapa kali, tanpa sebarang jawapan dari pihak Kementerian.

Tan Sri V. Manickavasagam: Soalan yang sama ini telah dibentangkan di Dewan ini dalam bulan April dimana telah diberitahu bahawa Jabatan Talikom telah menjalankan penyiasatan atas kesulitan ini supaya mencari jalan yang baik sekali untuk memberi perkhidmatan talipon kepada enam orang pennuggu talipon di kawasan Telipok di Sabah. Semenjak itu, tindakan telah diambil untuk memberi perkhidmatan dengan cara kebel udara (overhead cable route). Kabel-kabel dan alat-alat yang penting telah dipesankan (ordered). Sebaik-baik sahaja bahan-bahan ini diterima, kerja akan mula yang dijangkakan dalam masa lima hingga tujuh bulan.

PASUKAN POLIS—KEHILANGAN CERDIK PANDAI

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang kehilangan cerdik pandai dari pasukan Polis dan nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kehilangan cerdik pandai ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sukalah saya menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa peratus anggota-anggota dan pegawai-pegawai Polis yang meletakkan jawatan mereka pada tahun 1974 dan setakat 30-6-75 ialah seperti berikut:

	1974	*1975*
(i) Pegawai-pegawai yang diwartakan	1.2 %	0.3 %
(ii) Inspekter	1.13%	0.35%
(iii) Pegawai-pegawai Rendah dan Mata-mata	0.44%	0.2 %

Pada keseluruhannya peratus mereka yang meletakkan jawatan ialah 0.5% pada tahun 1974 dan 0.24% pada tahun 1975 setakat ini. Daripada peratus yang di atas nyatalah bahawa tidaklah besar kehilangan cerdik pandai dalam Pasukan Polis dan keadaan ini adalah lebih baik daripada yang dialami oleh perkhidmatan lain.

PERTANIAN KEPADA PETANI-PETANI DI PADAWAN

31. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan iaitu untuk meninggikan taraf hidup orang-orang desa yang tinggal bertaburan di kawasan-kawasan bukit-bukau seperti di Padawan, Sarawak, samada beliau akan memperuntukkan wang bagi membuat penyiasatan dan kajian dengan tujuan untuk menampung orang-orang kampung yang tidak boleh bercucuk tanam dan mengeluarkan hasil yang cukup supaya dapat berbuat demikian dalam kawasan-kawasan yang mudah dimasukki dan sesuai untuk pembangunan.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Mengikut keterangan yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Negeri Sarawak, kajian yang telah dibuat di Padawan menunjukkan bahawa lebih setengah daripada kawasan-kawasan di situ mempunyai slope lebih dari 30 darjah dan tanahnya pula tohor (shallow). Kawasan yang bukitnya tidak berapa tinggi hanya sedikit sahaja. Memandangkan kepada keadaan ini, pembangunan pertanian secara besar-besaran tidak mungkin dilakukan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri memberi bantuan-bantuan yang diperlukan kepada petani-petani untuk menggalakkan mereka bercucuk-tanam di kawasan-kawasan rendah.

ANAK WARGANEGARA MASUK SEMULA KE MALAYSIA

32. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan membenarkan anak-anak warganegara yang terkandas di Hong Kong buat beberapa tahun selepas meninggalkan Negeri China, masuk ke Malaysia untuk menyertai kaum keluarga mereka masing-masing, dengan syarat bahawa mereka melalui pemeriksaan keselamatan dengan memuaskan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak.

Untuk makluman, saya telah menjawab soalan yang mempunyai maksud yang sama pada 7-7-1975—soalan (12).

RUKUN TETANGGA

33. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi butir-butir lanjut mengenai Gerakan Rukun Tetangga dan nyatakan samada ini akan menyekat kebebasan bergerak rakyat yang mana adalah salah satu hak asasi rakyat Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri baru-baru ini tujuan utama Rukun Tetangga ialah untuk memberi peluang kepada setiap rakyat untuk berbakti secara langsung dalam usaha-usaha mengawal keamanan dan ketenteraman di tempat tinggal mereka sendiri samada di kampung atau di bandar. Rancangan teliti sedang disusun dan diharap akan dapat dilancarkan dalam sedikit masa lagi. Rancangan ini tidak bercanggah dengan kebebasan rakyat untuk bergerak.

LALULINTAS DI JALAN SUNGAI BESI

34. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa sebahagian Jalan Sungai Besi, mulai dari jambatan "overhead" keretapi selepas Salak Selatan hingga ke Jalan Kuchai Lama yang berdekatan terlalu sempit dan penuh dengan lubang-lubang dan jika ya, nyatakan bilakah Kerajaan akan memperbaiki jalan tersebut

memandangkan bertambahnya bilangan-bilangan kenderaan yang menggunakan jalan tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya sedar bahawa sebahagian Jalan Sungai Besi yang disebutkan itu adalah terlalu sempit untuk memuatkan lalulintas yang kian bertambah. Tindakan sedang diambil untuk membina sebuah Leboh Raya iaitu Leboh Raya Kuala Lumpur—Seremban untuk mengasingkan lalulintas terus (through traffic) daripada lalulintas tempatan (local traffic). Kerja-kerja telah dimulakan 2 bulan dahulu di bawah jagaan Jabatan Kerja Raya. Buat sementara, pembaikan segera Jalan Sungai Besi dan Jalan Kuchai Lama selaras dengan pembinaan Leboh Raya ini akan ditimbangkan.

RAPAT UMUM

35. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah rapat-rapat umum boleh diadakan di negara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Akan dipertimbangkan dalam segi keselamatan dan ketenteraman awam.

PINJAMAN DARI KUMPULAN BANK (BANK CONSORTIUM)

36. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kewangan menyatakan apakah projek-projek 'on-going' yang membolehkan Kerajaan mendapatkan $345 juta pinjaman dari 29 kumpulan bank (bank consortium) baru-baru ini.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan boleh mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada pasaran wang dari masa ke semasa untuk membiayai projek-projek pembangunan di dalam rancangan pembangunan ekonomi Malaysia. Pinjaman-pinjaman ini tidak terikat kepada projek-projek tertentu seperti pinjaman-pinjaman yang diperolehi daripada Bank Dunia atau Bank Pembangunan Asia. Oleh yang demikian, secara amnya, pinjaman yang berjumlah lebih kurang $345 juta yang diperolehi baru-baru ini akan diperuntukkan kepada beberapa buah projek pembangunan bila didapati perlu.

CUKAI IMPOT DISELARASKAN

37. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah cukai dua kali bagi setengah-setengah barang yang dibawa masuk ke Sarawak dan Sabah akan dihapuskan dan cukai impot diselaraskan dengan Semenanjung Malaysia.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi kepada jawapan yang telah saya beri kelmarin kepada satu soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan.

ANGKATAN TENTERA—KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI

38. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah asas-asas yang diambil untuk menjadi landasan bagi perlantikan jawatan-jawatan dalam Angkatan Bersenjata (Darat/Udara/Laut) daripada Jawatan General hingga kepada jawatan Kaptan dan adakah ia dikajikan kepada aspek-aspek yang berikut:

1. Umur;
2. Kesetiaan;
3. Kepandaian/Kebolehan/Kelulusan;
4. Keberanian; dan
5. Jasa Bakti.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Kenaikan pangkat pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera adalah berasaskan kepada beberapa perkara. Pertama, mestilah ada jawatan kosong. Apabila ada jawatan kosong, pegawai-pegawai yang layak akan dipertimbangkan dengan teliti oleh satu Lembaga Kenaikan Pangkat. Pegawai yang layak yang dimaksudkan ialah pegawai-pegawai yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Misalnya, untuk kenaikan ke pangkat Kaptan, pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan ialah mereka yang telah lulus peperiksaan naik pangkat dan telah berkhidmat dengan memuaskan sekurang-kurangnya lima tahun dalam pangkat Kaptan.

Perkataan "berkhidmat dengan memuaskan" adalah luas maknanya dan ini dapat ditentukan daripada Lapuran Sulit Tahunan atau Lapuran Sulit Khas di mana seseorang pegawai itu dinilai dalam berbagai-bagai

aspek, seperti kelakuan, dayausaha sendiri, kecekapan menjalankan kerja, kebolehan, potensi untuk kenaikan pangkat dan lain-lain.

Dimana bilangan pegawai-pegawai yang berkelayakan lebih daripada bilangan jawatan kosong yang perlu diisi, pegawai-pegawai yang telah berkhidmat dengan paling memuaskan iaitu mereka yang mempunyai lapuran yang paling baik akan dinaikkan ke pangkat yang berkenaan.

INSTITIUT LATIHAN DI SARAWAK

39. Tuan Richard Ampeng anak Laki minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menubuhkan sebuah institiut latihan di Sarawak sebagai satu kemudahan untuk membolehkan pasukan tenaga buruh yang kebanyakannya tidak mahir itu menjalani kursus-kursus jangka pendek untuk memaju dan meninggikan kemahiran mereka.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Adalah memang menjadi tujuan Kementerian saya untuk memperbanyakkan Institiut-institiut Latihan di negara ini untuk memberi kemudahan-kemudahan latihan perindastrian tetapi oleh kerana kekurangan tenaga-tenaga pengajar yang mahir di negara ini sekarang dan juga masaalah kewangan maka rancangan Kementerian saya ini terpaksa diperlahankan. Walaupun begitu soalan Yang Berhormat telah diambil ingatan oleh Kementerian saya untuk perancangan pada masa akan datang.

LETRIK KE MAJLIS TEMPATAN BEKOK

40. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar di Majlis Tempatan Bekok, Johor bekalan letrik hanya 12 jam dalam satu hari sahaja dan selalu terganggu, jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki bekalan letrik di kawasan itu.

Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Bekalan letrik ke Majlis Tempatan Bekok, Segamat adalah dibekalkan oleh Pelesen Awam Syarikat Power Bekok yang dahulunya membekalkan kuasa selama 24 jam, tetapi pada masa-masa kebelakangan ini oleh kerana harga minyak disel telah naik berkali ganda, pihak pelesen awam tidaklah mampu memberi perkhidmatan seperti dahulu dan hanya menjana kuasa selama 15 jam sehari. Ketua Pemeriksa Letrik sedang mengkaji tarif baru untuk kawasan-kawasan Pelesen Awam supaya mereka tidak menampung kerugian yang amat berat dan dengan demikian boleh memberi perkhidmatan yang lebih sempurna. Pihak Lembaga juga ada rancangan untuk memberi bekalan pukal (bulk supply) ke kawasan Labis dan Chaah termasuk juga Majlis Tempatan Bekok. Adalah dianggarkan bahawa rancangan ini akan dapat dilaksanakan pada penghujung tahun 1977.

PERBADANAN-PERBADANAN AWAM (PUBLIC CORPORATIONS)— PERLAKSANAAN

41. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menyelaraskan perlaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab Perbadanan-perbadanan Awam termasuk berbagai-bagai badan-badan berkanun Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menjadikan mereka lebih berkesan, tidak bertindih dan tidak melumpuhkan usaha-usaha peniaga-peniaga bumiputra.

Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Sebuah Jawatankuasa Tetap Penyelaras Perbadanan-perbadanan Awam yang dianggotai oleh Perbadanan-perbadanan Awam kecuali P.K.E.N., telah ditubuhkan untuk menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul di antara mereka. Jawatankuasa ini juga menyelaraskan kegiatan-kegiatan Perbadanan-perbadanan Awam ini, supaya usaha-usaha mereka tiada bersaingan. Hasil daripada langkah-langkah tersebut maka pada masa ini MARA tiada lagi menjalankan perkhidmatan bimbingan bagi peniaga-peniaga kecil. Tanggungjawab ini telahpun diambil aleh oleh Pernas Edar. Begitu juga seperti pembinaan rumah-rumah kedai yang dahulunya dijalankan oleh MARA tetapi sekarang dijalankan oleh UDA, atau usaha bersama UDA dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Di samping itu Kementerian saya sentiasa mengkaji usaha-usaha Perbadanan-perbadanan di bawah Kementerian ini supaya tiada bersaingan atau tiada bertindih. Tindakan ini bukan sahaja dapat

memberi satu-satu badan ini kemahiran di dalam bidang tersebut tetapi juga menjimatkan wang Kerajaan serta kegunaan tenaga pekerja-pekerja dengan sepenuhnya.

Kementerian ini juga adalah dalam proses menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap Penyelaras Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang akan dianggotai oleh semua P.K.E.N., dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang bersangkutan. Dengan penubuhan Jawatankuasa ini Kementerian akan dapat mengetahui dengan lebih dekat lagi masaalah-masaalah yang dihadapi oleh P.K.E.N. dan membolehkan Kementerian mencari jalan yang sesuai untuk mengatasinya. Dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini, adalah diharapkan penyelarasan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

MINYAK TANAH—KEKURANGAN

42. Tuan Johanathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan minyak tanah di setengah-setengah pekan di Sarawak, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mempastikan bekalan yang cukup bagi barang-barang keperluan tersebut.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya memang sedar tentang kekurangan minyak tanah di setengah-setengah tempat di negeri Sarawak terutama sekali di kawasan pendalaman. Ini adalah disebabkan kesulitan pengangkutan minyak tanah ke kawasan tersebut. Mengenai tindakan yang diambil oleh Kementerian saya maka Bahagian Penguatkuasa telah mengambil beberapa langkah iaitu mengarahkan syarikat-syarikat minyak berkenaan supaya membekalkan minyak tanah itu dengan serta-merta ke tempat yang terlibat dan pegawai-pegawai Penguatkuasa juga menjalankan pemeriksaan yang rapi di atas simpanan dan pengedaran minyak tanah. Selain daripada itu pengedar-pengedar minyak akan ditambah di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu.

JALANRAYA DI KAMPUNG-KAMPUNG

43. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan jalanraya-jalanraya yang baik di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali di kampung-kampung dan sawah-sawah padi yang telah lama diduduki orang.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Ya, saya sedar. Walau bagaimanapun, saya, suka memaklumkan bahawa jalan-jalan di kampung-kampung dan sawah-sawah padi yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk dalam jalan-jalan luar bandar dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya mengikut kesanggupan dan keutamaan masing-masing. Semenatara itu Kerajaan Persekutuan adalah menyumbangkan peruntukan tertentu melalui Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan pembinaan jalan-jalan ini mengikut cadangan dan keutamaan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Negeri masing-masing.

JALANRAYA TELOK ANSON/LUMUT

44. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah penyambungan Jalanraya Telok Anson/Lumut yang telah diuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua, muka surat 191 Jadual 12-4 (Edisi: Inggeris) akan dibina

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Di dalam Rancangan Malaysia Kedua, Penempatan dan kerja merekabentuk jalan yang menyambungkan Telok Anson dengan Lumut telah dijalankan tetapi kelambatan berlaku oleh sebab jajaran (alignment) pada bahagian-bahagian tertentu jalan tersebut terpaksa mengikuti aturan batas yang dibuat oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair. Sementara itu kerja-kerja merekabentuk telahpun siap dan tawaran untuk pembinaannya akan dipanggil dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

LORI MEMASANG GETAH PENAHAN LUMPUR (MUD FLAP)

45. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak lori-lori berat tidak menggunakan getah penahan lumpur untuk roda belakang dan bila ianya berjalan laju batu-batu kelikir kecil akan terpelanting jatuh pada cermin-cermin kereta

yang berjalan di belakangnya dan memecahkan cermin-cermin tersebut, jika sedar, adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah undang-undang mewajibkan lori-lori ini memasang getah penahan lumpur (mud flap).

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Mengikut Peraturan 31 Motor Vehicles (Construction and Use) Rule 1959 kesemua kenderaan, melainkan kenderaan-kenderaan yang dihadkan lajunya tidak melebihi 10 batu sejam dikehendakki mempunyai "wings or other similar fittings" bagi kegunaan menahan lumpur atau air yang mungkin memercik kepada kereta-kereta lain. Oleh yang demikian undang-undang mewajibkan lori-lori memasang getah menahan lumpur ini tidak timbul kerana peraturan-peraturan yang ada sekarang seharusnya mencukupi.

GULA YANG DIBERSIHKAN (REFINED SUGAR)

46. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan:

(*a*) berapa peratus gula yang digunakan dikeluarkan di negeri ini;

(*b*) samada tanaman tebu memberi lebih keuntungan dari tanaman-tanaman yang lain dan jika ya, tidakkah Kerajaan bercadang hendak membanyakkan lagi tanaman ini di tempat-tempat yang sesuai di negeri ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

(*a*) Pada keseluruhannya kesemua gula yang dibersihkan (refined sugar) yang digunakan di pasaran tempatan adalah dikeluarkan di negeri ini oleh dua kilang penapis yang sedia ada sekarang. Disamping itu, 2 daripada 5 projek yang disatukan sedang juga mengeluarkan gula yang sudah dibersihkan. Sementara pengeluaran gula yang dibersihkan oleh projek yang disatukan adalah berdasarkan kepada bahan-bahan mentah keluaran tempatan, kilang-kilang penapis ini bergantung kepada gula mentah yang diimpot. Projek-projek yang disatukan hanya mengeluarkan diantara 6 hingga 10 peratus sahaja daripada jumlah penggunaan tempatan. Walau bagaimanapun, apabila 3 projek yang disatukan itu memulakan pengeluarannya dan kilang-kilang yang sedang berjalan sekarang menambah pengeluarannya, peratusan ini dijangkakan akan meningkat dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang.

(*b*) Tanaman tebu secara berestet adalah tersangat baharu di Malaysia dan masih lagi menjalani eksperimentasi/percubaan dan kajian. Daripada perkembangan tanaman tebu setakat ini adalah sukar untuk menyatakan samada tanaman ini betul-betul akan memberi keuntungan yang lebih jika dibandingkan dengan tanaman yang sudah maju seperti getah dan kelapa sawit. Dengan adanya pihak swasta di negeri ini melaksanakan beberapa projek yang disatukan secara usaha sama dengan beberapa ajensi-ajensi Kerajaan Negeri menunjukkan bahawa kadar pulangan (rates of return) yang memuaskan boleh diharapkan daripada tanaman ini. Walau bagaimanapun, ini perlu dibuktikan kerana kesemua projek-projek ini masih lagi di dalam beberapa peringkat pelaksanaan dan belum lagi mencapai keupayaan pengeluaran maksima. Samada Kerajaan bertujuan untuk menanam lebih tebu di tempat yang sesuai, Ahli Yang Berhormat mungkin ingin mengambil perhatian bahawa kawasan yang boleh ditanam dengan tanaman ini adalah terhad oleh beberapa faktor terutamanya keadaan tanah, iklim dan topograpi sesuatu kawasan itu. Keadaan demikian yang sesuai untuk tanaman tebu tidak dapat di keseluruhan tempat di negeri ini tetapi didapati hanya di beberapa kawasan sahaja yang telahpun diketahui dan telahpun mempunyai projek gula mereka sendiri.

TEKSI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

47. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan permit-permit teksi yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan dan di Petaling Jaya sejak bulan Januari, 1975 dan nyatakan bilangan permit-permit yang dikeluarkan kepada:

(*a*) bekas perajurit;

(*b*) bumiputra-bumiputra yang bukan bekas perajurit; dan

(*c*) orang-orang yang bukan bumiputra.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Bilangan lesen-lesen teksi yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan dan di Petaling Jaya sejak bulan Januari, 1975 adalah sebanyak 460 lesen. Di antara bilangan lesen ini sebanyak:

(304) lesen diberi kepada bekas perajurit (semua bangsa);

(59) lesen kepada bumiputra-bumiputra yang bukan bekas perajurit; dan

(150) lesen kepada orang-orang yang bukan bumiputra.

JAMBATAN BATU PAHAT/MUAR

48. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa dengan adanya bayaran tol di jambatan-jambatan Batu Pahat dan Muar adalah salah satu daripada sebab kelambatan pembangunan industri dan perniagaan di kedua-dua buah bandar tersebut dan oleh yang demikian adakah Kementerian beliau akan memansuhkan pembayaran tol di situ untuk kemudahan orang ramai juga untuk menggalakkan pembangunan industri dan perniagaan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya percaya Yang Berhormat tentu sedar bahawa salah satu daripada tujuan-tujuan asal pembinaan jambatan-jambatan di Batu Pahat dan Muar yang mana dikenakan tol itu adalah untuk memberikan kemudahan perhubungan yang akan menolong mempercepatkan kemajuan pembangunan di bandar-bandar tersebut di samping untuk kemudahan lalulintas orang ramai menyeberangi sungai yang mana sebelum dari itu terpaksa menggunakan perahu atau feri. Tol adalah dikenakan sebagai bayaran kepada sesuatu kemudahan yang disediakan.

Setakat ini belum ada keputusan dibuat lagi memansuhkan kutipan tol di jambatan-jambatan tersebut.

BERAS—LESEN MENJUAL

49. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Penyelarasan dan Perbadanan Awam menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan telah mengeluarkan permit-permit untuk menjual beras syarikat-syarikat kerjasama atau Lembaga Persatuan Peladang, dan jika tidak, mengapa; dan

(*b*) bilangan permit-permit menjual beras yang di Kelantan sehingga sekarang dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut orang perseorangan, syarikat kerjasama dan pertubuhan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

(*a*) Kerajaan memang ada mengeluarkan lesen-lesen kepada syarikat-syarikat kerjasama dan juga Lembaga Persatuan Peladang.

(*b*) Bilangan lesen-lesen yang dikeluarkan di Kelantan sehingga akhir bulan Jun, 1975 ini ialah:

	Orang Perseorangan	*Syarikat Kerjasama dan Pertubuhan*
Lesen Borong ...	64 ...	32
Lesen Runcit ...	631 ...	5

JALAN TERUS KUALA LUMPUR—SEREMBAN

50. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyegerakan pembinaan jalan terus (express-way) Seremban-Kuala Lumpur kerana kesesakan lalulintas yang wujud pada masa sekarang di jalan tersebut kian menjadi buruk dan merbahaya dengan bertambahnya kemalangan-kemalangan dan kehilangan nyawa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Pada keseluruhannya kemajuan kerja-kerja bagi pembinaan jalan terus dari Kuala Lumpur ke Seremban (Kuala Lumpur-Seremban Expressway) adalah berjalan dengan memuaskan sungguhpun terdapat sedikit kelambatan pada permulaannya oleh sebab kelewatan dalam pergerakan (mobilization) pemborong-pemborong akibat tercetusnya peperangan Asia Barat lewat tahun 1973 dan juga oleh sebab masaalah pengambilan tanah (Land Acquisition). Kedua-dua masaalah ini sekarang telah dapat diatasi dan tindakan diambil untuk menjamin kerja-kerja kontrek siap mengikut tempoh yang dijadualkan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PENYELIAAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi penubuhan Majlis Penyeliaan Seni Mempertahankan Diri bagi pendaftaran pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (9hb Julai, 195).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perbahasan disambung semula.

Kepala B. 22 (Jadual Pertama)

Kepala B. 10, B. 22 dan B. 68 (Jadual Kedua)

Kepala B. 13 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1973)

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1975)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sewaktu mesyuarat ditangguhkan pada petang semalam rasanya telah diputuskan bahawa bila Majlis bersidang dalam Jawatankuasa pada petang ini, Yang Berhormat Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi akan menjawabnya, meliputi juga jawapan berkenaan Kementerian Luar Negeri.

3.35 ptg.

Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang bagi menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mulai dengan perkara-perkara di bawah Kementerian Luar Negeri, kemudian perkara-perkara yang berbangkit mengenai Kementerian saya sendiri. Terlebih dahulu saya inginlah mengucapkan ribuan terima kasih atas beberapa teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan dan Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas telahpun memberi pandangan mereka terhadap kebajikan pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di perwakilan-perwakilan kita di luar negeri. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil perhatian berat terhadap perkara-perkara ini dan dari masa ke semasa akan seperti pada masa lepas membaiki keadaan mengikut rupa kemampuan kita bagi mengurangkan kesusahan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kita di seberang laut.

Mengenai elaun seberang laut yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan, sukalah saya menyatakan bahawa kita sekarang mempunayi sistem baru bagi mengatasi keadaan yang cepat berubah akibat daripada inflasi yang melandakan banyak negeri di dunia ini. Mengikut peraturan baru ini tiap-tiap perwakilan kita di luar negeri mempunyai kadar elaun yang tersendiri dan ia mempunyai "trigger point" baru, iaitu apabila sara hidup di satu tempat itu naik sebanyak 7% ataupun lebih dan kekal selama sekurang-kurangnya 3 bulan maka kadar elaun bagi tempat tersebut dinaikkan bagi menampungkan kenaikan sara hidup tersebut.

Mengenai gaji staff ambilan-tempatan kita di luar negeri patutlah ditegaskan bahawa memang kita ada persamaan dengan gaji-gaji pegawai-pegawai kita dan yang dihantar daripada Malaysia ini, kerana gaji dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi kepada staff ambilan-tempatan pada hakikatnya adalah bergantung kepada keadaan labour market di tempat itu dan juga kemampuan kita membayarnya. Namun demikian, pada amnya gaji dan elaun yang dibayar kepada staff ambilan-tempatan itu adalah setanding dengan kebanyakan majikan tempatan termasuk Kerajaan di tempat itu, firma-firma dan juga perwakilan-perwakilan lain yang ada di satu-satu tempat itu.

Mengenai gaji staff ambilan-tempatan di London yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, sukacitalah saya di sini menyatakan bahawa perkara itu telahpun diselesaikan baru-baru ini berikutan dengan lawatan Bahagian Naziran (Inspectorate Division of the Foreign Ministry) ke London pada bulan lepas.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah juga menyentuhkan sikap Kerajaan kita kepada keadaan yang berlaku di Indo-China. Ahli Yang Berhormat dari Seremban misalnya, telah mencadangkan supaya Malaysia patut mengambil kesempatan untuk mengambil langkah-langkah yang konkrit untuk menolong membinakan ataupun menolong rehabilitate negara-negara di Indo-China. Seperti yang telahpun dijelaskan dalam Dewan ini baru-baru ini sambil Malaysia mengiktirafkan Kerajaan-kerajaan baru di Indo-China itu, kita juga telah menyatakan kesediaan sekadar yang boleh dalam usaha membina semula ekonomi mereka. Tetapi sebelum kita dapat mengambil langkah-langkah konkrit dalam hal ini adalah perlu bagi kita menunggu terlebih dahulu reaksi sambutan negara-negara di Indo-China. Lagi pun soal jentera yang akan membolehkan kerjasama dalam soal rehabilitation ini mesti hanya dapat timbul apakala perhubungan yang tetap sudah dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta pula menyatakan kehairanannya bahawa Malaysia tidak ada kedutaan-kedutaan di negara-negara di Indo-China dan mencadangkan supaya langkah-langkah diambil untuk membuka kedutaan-kedutaan di negara-negara tersebut. Malaysia ada mempunyai satu kedutaan besar di Vientiane, Laos semenjak beberapa tahun dahulu. Malaysia juga pernah mempunyai kedutaan-kedutaan besar di Phnom Penh dan Saigon buat beberapa lama, tetapi kedutaan-kedutaan itu telah terpaksa ditutup pada awal tahun ini, kerana pertempuran yang telah berlaku di sekitar bandar-bandar tersebut. Akibat dari pertukaran keadaan di Indo-China itu Kerajaan telahpun mengiktiraf Kerajaan P.R.G. dan Kerajaan yang ada di Kemboja sekarang ini. Soal formalisation of relationships mestilah memakan masa, kalau kita sama-sama dapat memahami keadaan sekarang ini. Dari itu, sebelum Ahli Yang Berhormat dari Kinta memberi komen mengenai dasar-dasar luar Kerajaan kita di Indo-China beliau hendaklah menentukan assumption beliau itu memang betul. Daripada ucapan yang diberi oleh beliau semalam saya terpaksalah menyatakan bahawa beliau telah membuat assumption yang tidak sejajar dengan sikap Kerajaan kita yang ada pada sekarang ini. Assessment beliau mengenai apa yang berlaku di Indo-China hendaklah diasaskan kepada fact yang teliti. Seperti Ahli Yang Berhormat telah tahu dari ucapan Kerajaan di Dewan ini pun, kita adalah sebuah negara yang paling dahulu menolak "Domino Theory".

Mengenai Kementerian saya sendiri pula, Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Kuala Lumpur Bandar kelmarin. Sebagaimana sedia termaklum umur Kementerian ini baru meningkat 10 bulan, sebahagian besar tugas-tugas Kementerian ini dalam tempoh tersebut adalah lanjutan daripada tugas Bahagian Perancangan Am dahulunya yakni khusus menjalankan kajian-kajian secara *ad hoc* atas arahan Kabinet atau Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Kementerian ini seterusnya memainkan peranan yang amat luas. Dasar sifatnya yang flexible serta pendekatan yang bercorak interdepartmental dalam menjalankan kajian-kajian mengenai perkara-perkara tertentu, maka itulah sebabnya walaupun Kementerian telah ditubuhkan Kementerian ini masih bercorak central agency.

Dalam hubungan ini Kementerian ini terlibat dalam kumpulan kerja ataupun jawatankuasa-jawatankuasa yang mana Bahagian itu diambil atau diarah oleh Kementerian saya diketuai ataupun dari Kementerian saya untuk memberi urusetianya.

Sebagaimana juga diketahui, Kementerian ini adalah gabungan tiga bahagian iaitu Bahagian Perancang Am, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia yang dahulunya masing-masing berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan Kementerian ini adalah membayangkan kesedaran Kerajaan terhadap peranan penting yang dimainkan oleh tiap-tiap bahagian tersebut sebelumnya dan menyatukan dalam sebuah kementerian bagi memainkan peranan yang lebih besar dan berkesan terutama sekali dalam lapangan sosio-ekonomi. Ianya juga menunjukkan kejujuran dan keazaman Kerajaan untuk mempergiatkan lagi usaha pembangunan kebangsaan dan mempastikan supaya usaha pembangunan itu dinikmati faedahnya oleh segenap lapisan rakyat. Dalam hubungan ini Kementerian ini adalah berperanan untuk memberi perhatian terhadap aspek-aspek sosio-ekonomi dalam usaha perancangan bagi membentuk satu masyarakat yang adil dan makmur berasaskan Rukunegara. Kementerian ini adalah secara giat terlibat dalam kegiatan jawatankuasa-jawatankuasa yang disebutkan di bawah ini:

(1) Jawatankuasa mengenai pemilihan/perlantikan/pakar-pakar perunding swasta;

(2) Jawatankuasa Perancang Pembangunan Kebangsaan;

(3) Jawatankuasa Pegawai-pegawai mengenai Perkapalan Kebangsaan;

(4) Jawatankuasa bagi mengkaji kegiatan Keretapi Tanah Melayu;

(5) Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecil mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan; dan

(6) Pasukan Petugas mengenai Indastri Filem.

Selanjutnya bahagian ini telah juga diarah mengetuai sebuah jawatankuasa bagi melihat ke dalam soal tenaga dalam usaha mewujudkan satu dasar tenaga ataupun policy bagi negara kita ini.

Dalam hubungan ini juga bahagian ini mengetuai jawatankuasa seperti jawatankuasa bagi menimbang permohonan syarikat-syarikat tenaga minyak untuk meletakkan paras harga minyak yang lebih realistic kepada pengguna-pengguna.

Selain daripada itu bahagian ini juga terlibat secara aktif dalam perjalanan-perjalanan beberapa jawatankuasa lain berhubung dengan minyak termasuk satu jawatankuasa penyelaras mengenai sumber minyak tenaga, jawatankuasa perkongsian untung dan jawatankuasa perundingan dengan syarikat-syarikat minyak. Perlulah dijelaskan di sini bahawa tugas bahagian ini tidak sahaja berakhir dengan mengeluarkan lapuran-lapuran yang berkenaan itu. Sering kali bahagian ini telah diarah untuk mengambil tindakan lanjut ke atas lapuran-lapuran tersebut. Umpamanya, bahagian ini sedang mengambil tindakan yang giat atas lapuran Pasukan Kerja mengenai perusahaan getah di mana sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Kementerian saya sedang mengkaji usaha memperkuatkan pasaran getah kebangsaan di Kuala Lumpur. Di samping tugas-tugas di atas Kementerian ini juga bertanggungjawab menyediakan khidmat urusetia kepada Suruhanjaya Tetap bagi mengawal banjir. Dalam hal ini Kementerian ini memainkan peranan utama. Suruhanjaya tersebut mengadakan lawatan ke negeri-negeri tertentu bagi mendapatkan gambaran yang lengkap dan mendalam mengenai soal kawalan dan jentera pengawalan banjir yang wujud di negeri-negeri yang berkenaan dan ianya juga bertanggungjawab menyelaraskan usaha mengawal banjir pada peringkat Pusat dan peringkat-peringkat Negeri.

Soal yang akan timbul di negara kita ini pada masa akan datang ialah soal co-ordinated water management di peringkat negara.

Dari segi Biro Pengaduan Awam maklumbalas (feedback) yang berguna telah disalurkan kepada bahagian ini untuk perhatian lanjut dan untuk diambil tindakan sewajarnya. Dalam hubungan ini jika perlu bahagian ini akan memanggil mesyuarat Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian berkenaan bagi menimbang dan menyelesaikan masaalah-masaalah yang dibangkitkan oleh rakyat menerusi komplen mereka. Kementerian ini juga berperanan membekalkan maklum balas kepada Kerajaan mengenai

perkara-perkara pentadbiran dan untuk mengendalikan bidang masaalah yang ada supaya tindakan penyelesaian boleh diambil di mana perlu. Berdasarkan kiraan-kiraan awal bagi jangka masa tahun 1974 tidak kurang daripada 3,000 aduan telahpun diterima. Kesedaran orangramai terus meningkat mengenai fungsi-fungsi Biro Pengaduan Awam dan sebahagian besar aduan-aduan yang diterima adalah bersifat *bona fide* Keadaan menunjukkan bahawa penerimaan aduan-aduan akan terus bertambah melihat kepada perkembangan ajensi-ajensi Kerajaan pada masa ini serta penubuhan ajensi-ajensi yang baru. Kementerian ini juga sedang giat terlibat dalam perjalanan jawatankuasa-jawatankuasa indok ataupun jawatankuasa kecil mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan. Di samping itu baru-baru ini Kabinet telah mengarahkan juga supaya Kementerian ini memberi perhatian terhadap kedudukan perdagangan luar negeri bagi mengelakkan Malaysia daripada menjadi tergantung sangat-sangat kepada negara-negara yang sedikit sahaja. Di samping itu juga berusaha memperluaskan perdagangan dengan negara-negara lain yang menjadi rakan perdagangan kita. Sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Kementerian ini yang juga akan menyediakan khidmat urusetianya sedang ditubuhkan.

Selain dari itu berdasarkan kedudukannya pada masa ini Kementerian ini juga bertanggungjawab menyelaraskan kegiatan penyelidikan dalam bidang ekonomi dan dalam bidang ini Kementerian ini sedang terlibat dalam satu kajian yang dibuat mengenai perkara hak milik peserta-peserta FELDA serta kajian di kawasan Kemubu yang diusahakan oleh FELCRA.

Sebagaimana dapat diperhatikan perlibatan Kementerian ini telah bertambah luas sejak tercapainya taraf Kementerian tersebut, walaupun pegawainya masih lagi kecil bilangannya. Saya adalah berpendapat bahawa Kementerian ini hanya dapat bergerak dengan lebih lancar dan berkesan apabila kita dapat tambahan tenaga pegawai sebanyak 20% lagi nanti.

Mengenai kajian sosio-ekonomi, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mengemukakan beberapa cadangan yang sangat membina. Sambil kita cuba mengatasi soal keselamatan negeri kita dengan tindakan Keselamatan Kearajaan Malaysia memanglah daripada mula-mula dahulu berpegang teguh dengan kepercayaan bahawa cara yang paling berkesan untuk menjaga keselamatan, malahan kesetabilan negara kita ini ialah melalui rancangan yang berkesan dan yang dapat memperbaiki taraf sosio-ekonomi rakyat amnya. Menjelang perlaksanaan Dasar Ekonomi Baharu sikap Kerajaan terhadap soal pembangunan bertambah jelas tertumpu kepada memperbaiki taraf pendapatan rakyat jelata. Itulah sebabnya Rancangan Malaysia Kedua bukan lagi ditumpukan untuk menambahkan GNP sahaja, tetapi cuba hendak mengurangkan jurang perbezaan di antara pihak yang terkebelakang dengan pihak yang sudah maju. Matlamat untuk menghapuskan kemiskinan dalam masa 20 tahun adalah asas kepada dasar pembangunan kita, dan rancangan pembekalan sosial memanglah ditegaskan sebagai satu daripada cara-cara mengseimbangkan taraf pihak yang berpendapatan rendah dengan pihak yang sudah ada. Oleh sebab itu, dalam perlaksanaan rancangan pembangunan kita yang akan datang bukan sahaja kita berusaha membina banyak lagi rumah-rumah murah dan kelinik, tetapi juga akan merancang pembinaan ini supaya dapat dinikmati oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Di dalam hal ini, saya akan mengemukakan konsep accessibility of benefits sebagai satu criterion dalam proses perancangan. Sambil konsep ini akan membawa perubahan yang lebih baik lagi dalam cara perlaksanaan rancangan, konsep ini juga berasas kepada usaha membawa atau meminta positive response daripada rakyat sendiri. Itulah sebabnya value orientation study telah pun dijalankan. Hasil penyelidikan ini Kerajaan dapat mengenali concentrated—development-target groups sebagai kumpulan yang sangat jauh tinggal dalam pembangunan dan patut diberi pertimbangan yang lebih pesat dalam pembangunan. 7 kumpulan telahpun dikenali termasuk kaum nelayan, penanam-penanam padi, pekebun-pekebun kecil, pekerja-pekerja estate dan penduduk-penduduk kampung baru. Kumpulan-kumpulan ini telah dipilih berasas kepada pendapatan mereka yang rendah dan cara mereka mencari nafkah.

Soal sosio-ekonomi seperti ini memanglah menggambarkan keazaman Kerajaan kita untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara penduduk-penduduk yang berada dan yang berpendapatan rendah. Kita sekarang ini sedang menimbangkan cara-cara yang boleh menentukan "poverty

line" daripada kajian household income survey yang telah dijalankan. Kita sedang juga membentuk sosio-ekonomi indicators yang boleh menggambarkan dengan lebih terang lagi keadaan yang kurang seimbang dalam negara kita ini dan yang boleh menentukan strateji yang lebih berkesan untuk mengurangkannya. Soal monitoring dan economic indicators adalah sangat perlu kalau kita akan berjaya menyukatkan kesan-kesan strateji pembangunan kita di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah. Seperti Ahli Yang Berhormat lebih maklum dengan approach yang baharu ini kita masih meraba-raba dalam lapangan yang sangat luas dan yang belum lagi diexplore ataupun diterokai dengan cukup luas oleh semua pihak di Malaysia ini. Oleh sebab itu approach baharu ini akan mengambil masa untuk dapat disempurnakan. Walau bagaimanapun, keazaman Kerajaan menjayakan rancangan-rancangan tersebut dapat dibuktikan dan boleh diketahui dengan lebih jelas lagi apabila Rancangan Malaysia Ketiga dikemukan dalam Dewan ini. Maka dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon izin menamatkan jawapan saya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $1,530,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak $1,146,870 untuk Kepala B. 10, $2,877,900 untuk Kepala B. 22 dan $300,600 untuk Kepala B. 68 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak $329,265 untuk Kepala B. 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; wang sebanyak $49,695 untuk Kepala P. 22 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1973; dan wang sebanyak $163,720 untuk Kepala P. 25 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975.

Tuan Pengerusi: Sebagaimana yang dipesankan oleh rakan saya Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua semalam, hari ini sahaja masa yang ada bagi kita hendak menghabiskan semua Jadual dalam Jawatankuasa ini dan saya mintalah kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat tolong pendek-pendekkan ucapan, apa-apa teguran biarlah tepat, jangan melarat supaya kita tidak rugi masa.

Kepala B. 69 (Jadual Kedua)

Kepala B. 16 (Jadual Ketiga)—

3.48 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sun): Tuan Pengerusi, saya memohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1974 di bawah Kepala B. 69 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1975 di bawah Kepala B. 16 untuk Kementerian saya. Sebelum saya meminta kelulusan Dewan ini, saya mohon izin memberi sedikit penerangan ringkas mengenai keperluan tambahan atas Kepala-kepala tersebut dalam bahasa Inggeris.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1974—Kepala B. 69

(*Dengan izin*) As Honourable Members are aware, this Ministry was established in September, 1974. Following the restructuring of Cabinet and the reshuffling of Ministerial portfolios after the General Elections, the Housing Division of the former Ministry of Local Government and Housing and matters concerning new villages, which were dealt with previously by the Ministry of Technology, Research and Co-ordination of New Villages, were merged to form the present Ministry of Housing and New Villages. For a period between September to December 1974, the Ministry required an allocation of $182,000 to meet its operating expenses.

Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan Pertama 1975)—Kepala B. 16

As has been explained earlier, my Ministry was formed in late 1974. Due to the lack of time and opportunity for a proper examination on the operating requirements of the Ministry an interim provision of $498,000 was approved to meet its operating expenses in 1975. However, after close observation has been made on the Ministry's operating requirements and taking into consideration the increase of staff to carry out the Ministry's functions, it is apparent that the approved provision is not sufficient to meet the operating expenses until the end of 1975. A supplementary provision totalling $388,031 is now required to top up the approved provision of $498,000 mentioned earlier.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya peruntukan tambahan yang saya terangkan tadi diluluskan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusi Jawatankuasa*)

4.02 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, dengan sukacitanya saya menyokong Anggaran Peruntukan (Tambahan) bagi Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

Saya berasa sukacita kerana baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan peruntukan sebanyak $10 juta bagi tujuan memperluaskan projek perumahan yang diperuntukkan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Walaupun kita tahu jumlah sebanyak itu adalah kecil namun demikian dalam keadaan ekonomi dunia sekarang, saya sungguh berasa bangga atas kesedaran Kerajaan yang telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada rakyat yang miskin. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan supaya Kerajaan akan memberikan pertimbangan selanjutnya untuk menambahkan peruntukan itu apabila sahaja keadaan ekonomi menjadi baik.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi pandangan saya yang tegas bahawa perumahan adalah satu perkara yang menjadi idaman setiap hari. Pada pendapat saya bilangan yang biasanya diperuntukkan oleh Kementerian sentiasa sahaja tidak mencukupi untuk dibahagi-bahagikan kepada penduduk-penduduk yang tidak berumah di dalam negara kita. Sukalah saya mencadangkan supaya Kementerian dan pegawai-pegawai dalam Kementerian ini memberikan sedikit perhatian terhadap pembinaan rumah-rumah terutama sekali di kawasan-kawasan ladang-ladang dan kampung-kampung. Tentukan untuk mendapatkan rumah-rumah dan rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan kini telah bertambah dari masa-masa yang sudah. Sukacitalah saya menegaskan terhadap syarat-syarat perumahan di dalam ladang-ladang yang mana saya rasa sebilangan besar penduduk-penduduk tidak diberikan peluang menikmati kemudahan-kemudahan Dasar Ekonomi Baru, semata-mata kerana mereka tinggal di dalam kawasan terpencil di ladang-ladang. Kita harus sedar bahawa mereka yang datang daripada ladang-ladang ini telah memberikan sumbangan terhadap perkembangan nasional dan kemajuan negara kita. Mereka tidak dapat melihat benda-benda.

Yang kedua, di dalam kampung-kampung, rumah-rumah papan mestilah kelihatan dengan gayanya. Di kawasan-kawasan kampung dan keadaan hidup mereka telah diketahui umum, dengan demikian tidaklah perlu ditegaskan lagi. Saya berpendapat adalah menjadi kewajipan Kerajaan memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada kawasan-kawasan kampung yang mana kebanyakan penduduk-penduduk terdiri dari anak-anak bumiputra. Dalam peruntukan rumah murah dimasa hadapan perhatian khas hendaklah diberikan supaya menempatkan mereka di sekitar ladang-ladang dan kampung-kampung.

Akhir sekali, Kepala B. 69, Pecahan Kepala 1103—Kampung-kampung Baru. Walaupun penduduk-penduduk Kampung Baru telah berlipat-ganda bilangannya dalam masa dua decade yang lalu, namun luas kawasan kampung-kampung baru masih tinggal seperti biasa sahaja. Memandangkan kesesakan kian bertambah, maka penderitaan insan turut juga bertambah, terutama sekali dalam perkara-perkara perhubungan, kesihatan, pelajaran dan pekerjaan. Dalam kawasan saya di Sungai Siput terdapat kampung-kampung baru yang besar seperti Lembah Panjang dan Jalong Camp. Keperluan untuk meluaskan kampung-kampung ini amatlah dikehendaki, tetapi tidak ada tanah yang boleh didapati di sekitar kawasan ini, kerana tanah yang ada telah dikhaskan untuk projek-projek yang dicadangkan, tetapi malangnya masih belum dilaksanakan sejak 10 tahun lepas. Oleh itu, saya minta Kementerian dan Yang Berhormat Menteri dapat menggunakan jasa baiknya agar dapat dirundingkan perkara ini dengan Kerajaan Negeri supaya ianya dapat diberikan secara compulsory alienation sekurang-kurangnya 50 ekar tanah kepada tiap-tiap sebuah kampung baru di Sungai Siput dengan seberapa segera yang dapat sebelum kampung-kampung baru itu dijadikan kawasan yang tidak bergerak.

4.08 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong perbelanjaan tambahan bagi Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru iaitu satu Kementerian yang baru sahaja ditubuhkan dan Kementerian ini pada pandangan orangramai sepatutnya memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara kita. Tetapi dalam lawatan saya ke Kementerian ini, saya dapati Kementerian ini masih lagi mempunyai kekurangan pegawai, kekurangan

alat-alat dan tidak ada mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu untuk menjalankan tugas-tugas yang penting untuk negara. Kita semua sedar pada hari ini perumahan adalah menjadi satu masaalah yang besar yang mana menimbulkan berbagai-bagai masa-alah sosial. Salah satu daripadanya yang boleh merebaknya dadah berkembangan di dalam negara ini ialah kerana keadaan perumahan yang tidak tersusun di dalam Bandaraya khasnya dan juga keadaan rancangan-rancangan perumahan yang di-usahakan oleh pihak Kerajaan ataupun negeri mahupun swasta tidak cukup tersusun iaitu tidak menyediakan satu kemudahan sosial yang patut diadakan apabila satu-satu rancangan perumahan itu diadakan. Jadi memandangkan kepada keadaan ini, saya rasa, Kementerian ini sepatutnya menjalan-kan tugas-tugas yang penting diberikan kuasa untuk berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga mengetatkan undang-undang supaya pihak swasta dapat melaksanakan apa yang dicatitkan di dalam syarat-syarat itu apabila diluluskan lesen untuk memajukan sesuatu kawasan pe-rumahan. Saya percaya dan saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dapat mengadakan satu Bahagian Penguatkuasa di dalam Kementerian ini supaya penghuni-penghuni yang membeli rumah terutama sekali daripada badan-badan swasta tidak terkorban ataupun tidak teraniaya. Sebagai contoh yang berlaku seperti kawasan Setapak Garden pada hari ini di mana penduduk-penduduk di situ menderita keadaan kerana mereka telah membeli rumah tersebut, tetapi keadaan kawasan-kawasan itu tidak dijaga dan pihak perumahan senang sahaja me-larikan diri menuduh pihak Kerajaan tanpa cara rasmi. Inilah satu corak penganiayaan di mana kita tahu sekarang orangramai memang sentiasa sibuk, sentiasa sedia hendak membeli rumah dan pihak swasta yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan atas masaalah ini. Keadaan ini patutlah dikuasai oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, dalam pembukaan Parlimen pada tahun yang lalu kalau tidak salah, kita telah meluluskan penggunaan kayu-kayan hasil negara kita dalam rancangan perumahan, dan saya ber-harap Yang Berhormat Menteri yang ber-kenaan akan menggunakan jasa baik Ke-menteriannya bagi melaksanakan dasar ini, supaya betul-betul memberi nikmat kepada negara kita. Saya percaya Kementerian yang baru ini dan dengan adanya seorang Menteri yang muda dan kalau dapat sokongan daripada Dewan dengan menambahkan belanja dapat menjalankan kerja yang jujur dan ikhlas dan yang sungguh-sungguh akan memberikan nikmat kepada orangramai dalam negara kita.

4.11 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Saya ingin bercakap dengan pendeknya dan disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya bercakap atas Kepala B. 69 dan juga di bawah Jadual Kedua dan B. 16 di bawah Jadual Ketiga. Memandangkan wang sebanyak ini yang telah diperuntukkan untuk belanja mengurus, saya harap bahawa Kementerian ini dapat merancang satu-satu dasar perumahan jangka panjang untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat berkenaan dengan masa-alah perumahan.

Tuan Pengerusi, perumahan untuk rakyat ialah satu tanggungjawab yang berat dan mustahak pada Kerajaan, tetapi dengan dukacitanya rakyat di Malaysia hari ini mengalami kekurangan perumahan khasnya rakyat yang berpendapatan rendah. Sungguh-pun Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru telah menubuhkan satu Jabatan Perumahan di dalam Kementerian-nya, tetapi malangnya Kementerian ini tidak dapat merancang dan melaksanakan satu dasar perumahan yang bertujuan membolehkan rakyat yang tidak ada rumah mempunyai rumah. Masaalah kekurangan rumah untuk orang yang berpendapatan rendah adalah sangat buruk dan telah dibuktikan bahawa Jabatan Perumahan tidak dapat mengatasi masaalah ini.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, having a Housing Department alone will not be sufficient to plan and implement successful housing schemes for the country. Much more needs to be done to speed up the housing development for the income group and the poor in the country.

Untuk mencapai tujuan ini, saya ingin mencadangkan di sini bahawa Kerajaan membentuk satu Lembaga Pembangunan Perumahan atau Housing Development

Board untuk mengatasi masaalah keperluan perumahan jangka panjang. Lembaga ini juga boleh merancangkan dan melaksanakan projek-projek perumahan untuk memenuhi kehendak rakyat yang berpendapatan rendah atau miskin.

4.14 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sepatah dua dalam usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Kerajaan kita benar-benar hendak mengatasi masaalah perumahan untuk orang miskin di tanahair kita, Kerajaan mesti dan terpaksa menguntukkan lebih wang kepada Kementerian ini. saya bukan mengatakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sekarang tidak menjalankan tugasnya, tetapi bagaimanakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh menjalankan tugasnya kalau sekiranya beliau tiada mempunyai wang. Beliau sekarang diberi $10 juta untuk Revolving Fund di seluruh Malaysia untuk semua si miskin di ladang-ladang, lombong-lombong dan bandar, bagaimanakah boleh mencukupi, dan dalam bahasa Inggeris disebut "a drop in the ocean." Kalau kita benar-benar hendak mengatasi masaalah ini, kita mesti lihat apa yang dilakukan oleh jiran tetangga kita. Jiran kita di selatan, mereka menguntukkan $200 juta satu tahun untuk perumahan; kita menguntukkan $200 juta untuk lima tahun, itulah bukti kita memandang ringan sahaja tentang masaalah ini. Kalau benar-benar kita hendak mengatasi masaalah ini khasnya membina rumah untuk di miskin di tanahair kita, kita mesti menguntukkan $200 juta kepada Kementerian Perumahan di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Tuan Pengerusi, saya pun bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar iaitu beliau telah mencadangkan bahawa perlu ditubuhkan Lembaga Kemajuan Perumahan di dalam Kementeriannya. Pada masa sekarang hanya ada Jabatan Perumahan sahaja. Saya masih ingat lagi bahawa pada masa dahulu ada satu Housing Board, tetapi diletakkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Housing Board ada peruntukan wang, tetapi tidak digunakan. Saya berharap kalau kita menubuhkan satu Lembaga Perumahan di dalam Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, kita boleh bertindak supaya semua aspek perumahan di tanahair kita boleh dikaji dan cadangan-cadangan yang perlu dan sesuai boleh dilaksanakan.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, we do not have to go far. We need only go to Singapore to see how the Island State has been the envy of government the world over and they have a very efficient Housing Board and we do not have to go overseas—we can just hop across the Causeway—and we can get all the know-how that we need and we can certainly set-up a Housing Trust here.

I do know that in this country the conditions are entirely different from that of Singapore. Singapore has one Authority and that is good enough but here we have to deal not only with the Wilayah Persekutuan but also we have to deal with the 13 other States. Nevertheless, Mr Chairman, Sir, if we have a Housing Board, then we can co-ordinate all the efforts of the various State Governments—we have now the various State Economic Development Boards which are involved in housing—and we can co-ordinate all these and especially so if, as I hope, in the coming Third Malaysia Plan, the Minister of Housing and New Villages can persuade his Treasury colleague and his other colleagues in the Cabinet to get not just a trifling $200,000 but get $1,000 million for housing. The so-called low-cost housing that we have now, although it is named "low-cost housing", it is by no means "low-cost" to the poor of this country particularly because, as the Minister knows, his Ministry has not ventured into providing housing for the rural areas. Up till now we have been concentrating on housing in the urban areas—and I do not quibble at that—but if we want to redress or "menyusun masyarakat di dalam Tanah Air kita", we should also provide housing in the rural areas and if you charge the rural folks $20,000 or $10,000 per house, they cannot afford it, but if you can build houses that cost in the region of $3,000, $4,000, or $5,000 each then with this revolving fund, you can provide houses that are within the reach of the poor. I submit that we should cater for the poor in this country. The rich in this country can have the private sector—you have Tun Ismail

Garden, Lee Yan Lian Garden, a whole heap of Gardens all over the Country, the rich can be catered for by the private sector. But it is the duty of the Minister to see that the poor in this country can have a stake in housing in this country by providing them with houses that are within their reach and not building houses costing $10,000 or $20,000 which are not within their reach.

4.20 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) dan Anggaran Pembangunan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) untuk Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru dan, Tuan Pengerusi, saya suka mendapat izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I note that no additional development expenditure has been set aside for this Ministry, but it is generally known that Yang Amat Berhormat the Prime Minister had recently allotted 10 million ringgit to this Ministry as an initial grant to launch the construction of low-cost houses for the lower income group. The move is most timely and welcomed by one and all.

I take this opportunity to call upon the Honourable Minister to spare a thought for the people of Telok Anson in general and the labourers who work in the various Government departments in particular. Tuan Pengerusi, I would like to refer specifically to the Telok Anson Town Council. The strange anomaly is that the Council does not have enough labour lines of its own and yet the Council is generous enough to rent out some of its out-dated labour lines to other departments, such as the health department because the health department does not even have any quarters of its own. Whether the labour lines are occupied by this or that department it is a fact that many of the labour lines in Telok Anson by today's standards should be condemned. Some of the quarters, Tuan Pengerusi, are actually converted from smoke houses left behind by a fragmented rubber estate. It is very saddening to see that human beings are being housed under such undignified and degrading conditions. I think the labourers deserve more humane and respectable treatment, and I hope therefore the Minister would lend a helping hand to the Telok Anson Town Council in particular and the public in general by bringing more low-cost housing to the Lower Perak District. Thank you very much.

4.24 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Sesudah bercakap dalam Bahasa Malaysia, baru boleh dicampurkan.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan peruntukan tambahan tahun 1974 dan tahun 1975 berjumlah $570,000.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, it is sad to say that we have this allocation for supplementary provision for 1974 and 1975 totalling $570,000 all for operating expenses. There is nothing we can see from the Development Fund. Mr Chairman, we have just read an announcement by the Prime Minister of a $10 million Revolving Fund for housing. This should be shown in one of these supplementaries. It does not appear in the 1973 Supplementary, neither in the 1974, 1975 Supplementary. The Prime Minister has clearly stated that he has directed, he has given an order for a $10 million Revolving Fund, but I regret to say that it does not appear in the 1975 supplementary allocation. Where is the action-oriented policy of the Government? The fund should start revolving now because the problem is such a great one. Have we got to wait for 1976 or have we got to wait for the Third Malaysia Plan? It has got to revolve now to be action-oriented.

Sir, I feel that this Ministry of Housing and Kampung Baru has got too much of publicity, but actual work done is negligible. The Minister goes round the towns and kampung-kampung baru and makes announcements; lots of headlines are made but the actual work done is negligible. I have just got an answer from the Minister to my question as to how many units of houses have been built from January to June this year; we have just got the answer that the total low-cost houses built for the six months is 2,850 units. This performance is very poor and does not reach the target established in the 1975 Budget. So I feel that the Minister should concentrate

more on the work to be done and not seek mere publicity going round to new villages talking nothing but politics.

Tuan Pengerusi: Under which sub-head are you talking?

Tuan Oh Keng Seng: Under Administration, Sir. He talks nothing but politics—Mao Tse Tung and all that.

Tuan Pengerusi: That is something.

Tuan Oh Keng Seng: Well, he should concentrate more on housing and problems of the Kampung Baru. The new villagers gather to listen to him hoping for an announcement how to get the land titles, get water supply, schools and so on, but I regret to say that in the Minister's visits these are all lacking. I also feel that during the Minister's visits the local M.C.A. used to collect money from the villagers to give a tea party.

Tuan Pengerusi: I rule you out. I draw your attention again to Standing Order 67 (9) which states that you should limit your observations to the particulars for which the money is asked for.

Tuan Oh Keng Seng: Mr Chairman, I would like to come to a specific problem.

Tuan Pengerusi: Now only you come!

Tuan Oh Keng Seng: The squatter problem in my area, Sungei Way New Village. Mr Chairman, I have asked a question regarding this Sungei Way New Village, Section 51A Petaling Jaya, where there is a Squatter Committee headed by one Madam Ng Siong Kang. She has got the blessing from the Minister to process applications and approve and give land to the new villagers who are actually illegal squatters in that area.

The reply from the Minister says:

> "Perkara ini berlaku sebelum Kementerian saya ditubuhkan. Ia tidak ada kaitannya dengan Menteri atau Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru".

In other words, the Minister denies that he has agreed to the formation of this Squatter Committee. In fact, he denies everything. But then I would like to bring to the attention of the Minister of a letter written by his Political Secretary and I wish to have your permission . . . . .

Tuan Pengerusi: No need to read it, because we have very little time.

Tuan Oh Keng Seng: Mr Chairman, the letter by the Secretary is already . . . . . .

Tuan Pengerusi: I said, no need to read.

Tuan Oh Keng Seng: I do not want to read it but I would try to . . . . .

Tuan Pengerusi: Please be brief about it. We have twenty more Ministries.

Tuan Oh Keng Seng: Yes. There are a lot of complaints in Sungei Way New Village of this Squatter Committee, and I hope the Minister must be fair on this problem, so that there should not be any politics involved in the allocation of land to the squatters. This is a very serious problem in my kawasan and because it involves corruption, I hope the Minister will give us a reply so that there would not be any misunderstanding on this matter.

4.32 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan tambahan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

Dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi kebanyakannya menyatakan tidak puas hati di atas peruntukan yang begitu kecil yang telah diuntukkan oleh pihak Kerajaan kepada Kementerian ini, pada hal boleh dikatakan rakyat seluruhnya terutama mereka yang berpendapatan rendah meletakkan sepenuh harapan kepada Kementerian ini untuk mendapatkan sebuah rumah dalam masa hidupnya untuk mereka tinggal. Kepada mereka yang berpendapatan tinggi barangkali perkara rumah ini tidaklah begitu berat dan tidak begitu besar. Saya suka menyarankan kepada Kementerian ini bahawa patutlah diadakan satu siasatan menyeluruh seluruh negara berapa ramaikah atau berapa banyakkah rakyat kita yang berkehendakkan rumah dan apabila kita mendapat gambaran-gambaran yang lengkap barulah peruntukan

itu dapat kita buat sesuai dengan kehendak-kehendak rakyat apabila telah kita dapat angka-angkanya yang tepat.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan rumah ini ada juga rakyat kita yang mampu untuk mendirikan rumah tetapi apa yang menjadi masaalah ialah tapak rumah atau tempat untuk mendirikan rumah. Perkara ini timbul terutama di negeri yang kecil seperti di Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai di mana tanah-tanah sangat sukar untuk didapati. Kalau hendak dapatkan tanah bukan dikira ekar, bukan dikira itu dan ini tetapi dikira kaki, mengikut kaki hingga lima atau enam ringgit satu kaki. Ini adalah jauh daripada kemampuan mereka yang berpendapatan rendah. Itulah tadi saya katakan rakyat yang berpendapatan rendah sangat meletakkan harapan yang penuh kepada Kementerian ini. Kalau sekiranya Kementerian ini fikir setelah diadakan penyiasatan bahawa bukan rumah yang dikehendaki oleh setengah-setengah pihak tetapi tapak-tapak rumah, Kerajaan hanya menyediakan tapak rumah sahaja dan diberi kepada rakyat yang mampu untuk mendirikannya. Jadi tidaklah payah kita mendirikan rumah dengan menyediakan tanah. Kita menyediakan tapak. Ada setengah tempat menyediakan tapak dan ada tempat-tempat yang lain menyediakan tapak dan rumahnya sekali.

Selain daripada itu patut juga kita menyiasat faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan rumah. Saya suka menyarankan bahawa patut juga Kementerian ini mengadakan undang-undang menghadkan tiap-tiap orang mempunyai rumah. Hal ini kalau kita siasat, kita akan dapat tahu bahawa ramai orang-orang kaya yang hidupnya kerana mengadakan rumah-rumah sewa berpuluh-puluh, beratus-ratus rumah sewa, hanya dia seorang sahaja dapat mengadakan rumah sebab dia mempunyai wang. Jadi patut Kerajaan menghadkan seseorang itu sepatutnya boleh mempunyai rumah sekian banyak, katalah lima atau enam buah rumah sahaja. Dengan ini rakyat yang kurang mampu dapat membeli rumah dan harga rumah tidaklah meningkat begitu tinggi.

Tuan Pengerusi, untuk menyelesaikan masaalah rumah ini saya teringat kepada Tabung Haji. Kalau pihak Kerajaan dapat menubuhkan Tabung Haji bahawa tabung ini khas untuk mengumpulkan wang-wang daripada rakyat yang ingin menunaikan haji, apakah perkara ini atau contoh ini dapat kita bawa kepada Tabung Rumah Negara. Saya cadangkan dan saya sarankan supaya Kementerian ini dapat membentuk satu Tabung Rumah Negara dan ahli-ahlinya adalah terbuka kepada seluruh rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah bukan semestinya apabila ahli-ahli yang menjadi ahli Tabung Rumah Negara ini mesti mendapat rumah dalam masa yang singkat, tidak semestinya. Kalau dalam Tabung Haji wang-wang yang terkumpul oleh ahli-ahlinya itu kalau dia tidak dapat rumah, dia boleh menggunakan wang tadi untuk lain-lain tujuan misalnya untuk pelajaran, membeli tapak tanah dan sebagainya. Jadi eloklah juga Kementerian ini menyiasat samada kemungkinan mengadakan Tabung Rumah Negara dan ahli-ahlinya terbuka kepada seluruh rakyat dan dengan cara ini, saya fikir rakyat yang kurang mampu terutama mereka yang menjadi buruh yang masih muda dapat menabung wangnya dalam Tabung Rumah Negara ini dan pada suatu masa nanti apabila dia betul-betul berkehendakkan rumah dia akan boleh mempunyai rumah.

4.37 ptg.

Tuan Michael Chen Wing Sum: (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, the Honourable Member for Sungai Siput made an observation on the $10 million as announced by Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri recently. This sum is, in fact, a Revolving Fund as an initial step towards the cause of building houses for the workers of all kinds and the low-income groups which include new villagers and others. I agree that the initial sum is a bit small but I hope we can get more money in time to come and I do hope the Opposition Members in particular will not accuse the Government for borrowing money from overseas for a good cause like this in future.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak made a few remarks on this Ministry. He has also made a few observations on the housing schemes in Setapak, which my Ministry has taken note of. I would like to say that certain steps have already been taken to rectify the existing problems such as the strengthening of the Enforcement Unit, and also action has been taken to improve the situation.

As far as the planning of the housing schemes is concerned, I hope the Honourable Member would appreciate that planning is not done by my Ministry. My Ministry is purely to see that the housing schemes are being properly carried out under the Act. So, if the Honourable Member has any problems on environment and so on, then I do hope that the Honourable Member will bring them up to the Ministry of Environment and also to the City Hall which perhaps could give the Honourable Member more help.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar and also Ahli Yang Berhormat dari Kepong have suggested that we should have a Housing Board. In fact, I share their view. I had suggested to the Government to have a Federal Housing Board set up. As Honourable Members would recall, both Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri and Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri had been very kind to visit my Ministry a few months ago to see for themselves how to improve the machinery and the technical capability of my Ministry to help to build houses. As a result of that visit, both Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri and Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri agreed, together with the experts, to set up a Housing Department first. If that Department were to prove to be ineffective or inadequate to cope with the situation, Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri himself has promised to see to the setting up of a Federal Housing Board. But, before that, in view of the sensitivities and possible problems which may arise between the State Governments and the Federal Government, a Housing Department is necessary as a further step towards the improvement of the machinery of the Ministry.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong also commented here that the amount given to the Ministry of Housing is too small to which I personally agree and I do hope I can get more money. But the observation made by Ahli Yang Berhormat that a neighbouring country has spent $200 million a year to build houses whereas we spend only $200 million for five years is not quite true in the sense that in Malaysia, apart from the Ministry of Housing, we have other Government agencies such as UDA and others which also cater houses for the public and groups of people.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson has suggested that the Ministry should pay special attention to the workers in general and also the Local Council workers in particular in his constituency as far as the provision of housing is concerned. In fact, the $10 million as announced by Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri is for that purpose, and I do hope that with the initial grant for the Revolving Fund would be a starting point to a real spectacular course for providing housing to the lower income groups.

As regards Ahli Yang Berhormat dari Petaling, I regret to say that his remark rather personal—if it is not personal, I think it is rather immatured—and I can assure Honourable Members of the DAP that my visits to the new villages although have always drawn a big crowd, I have never used them as a weapen to defeat the cause of the DAP. If any of the Opposition Members, in particular Ahli Yang Berhormat dari Petaling, is scared of my visit to the new villages, I suggest that he can come along. If he wants to get some publicity, perhaps he can stand near me to make sure that the television camera man will also put him into the picture. I am quite sure that in the course of my duty, it is imperative that I must visit all these new villages, otherwise I am not doing my work as a Minister. I do not think I should just give away money in my air-conditioned room without knowing what is going on on the ground. My visits to the new villages and also my talks to the people are to advise them how they should make full use of the money—not one cent is being wasted—and also how they should behave as good citizens and I am doing just a job as an honest Minister to see how the Government can help the new villagers and at the same time to see how the new villagers can co-operate with the Government. If the Honourable Member for Petaling thinks that my visit, together with my talks with the people, would affect the future of the DAP, I suggest that the best course for him is either to leave politics or to join the Barisan Nasional.

Before I go on, this point has been raised once again—the matter of squatters in Sungei Way. I regret to say that the Honourable Member for Petaling should bring this matter up in this House, because this is purely a problem in his constituency.

He should go back more often to look after the people there, not me. It is not for me to try to get land for the squatters in Sungei Way. As a matter of fact, it should be the duty of the Honourable Member for Petaling to see that the squatters there would get land. Once again, I want to emphasise here that I do not know why Ahli Yang Berhormat dari Petaling is so angry with Madam Ng Seong Kam, probably because she was a member of the DAP and later she left. Even now she is still known as "Madam Rocket". I think that was the reason—that because she has left the DAP Ahli Yang Berhormat dari Petaling is so keen to get rid of her.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling also suggested that there were some malpractices in the carrying out of this squatter's problem. I would like to explain here that there were about 56 illegal squatter houses along the edge of the Sungei Way New Village. When the P.K.N.S. had started to develop housing and industrial lands along that village a high-tension cable line was installed there. As a result of which all these 56 squatters were given notice to leave. At that time I was not even a Member of Parliament, although I was the Member of Parliament for that area before. Then these people came to see me asking me to help them to get land from the L.L.N. and to allow them to build houses under the cable line, taking the risk of the high-tension cable. The L.L.N. had kindly allowed them to build houses subject to the conditions imposed by them. Madam Ng Seong Kam happened to be one of the active representatives of these squatters. Apart from that, I had nothing to do with her; I had nothing to do with this case. My job was to get this piece of land for them and after that everything was carried out by the representatives of the squatters themselves. If there should be any malpractices or corruption as I had said before in my reply to the question put by the Honourable Member, then I suggest he should report the matter to the National Bureau of Investigation. For information, an Honourable Member of the Dewan Undangan Negri Selangor, Encik Kandan has headed a Committee to look into this matter.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau has made one revolutionary suggestion, that a limitation to the number of houses owned by people be imposed. At the moment, I believe, there is still no necessity for it. Perhaps one of these days when things really get worse such an observation may be taken into consideration.

Before I conclude, I can assure Honourable Members, that my Ministry would do our best within our financial ability and technical capability to build as many houses as possible, but I am glad that at least Honourable Members appreciate that my Ministry is not only facing financial limitation but also technical limitation. I would appeal to Honourable Members that to build houses is not like making cakes. It cannot be done overnight and problems which have been left over for so many years cannot be solved within a short period.

I do hope that I have replied to all the observations made by Honourable Members. Once again, I thank them.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $182,000 untuk Kepala B. 69 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak $338,031 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga.

Kepala B. 14, B. 50 dan B. 51 (Jadual Kedua)

Kepala B. 17 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 14 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1973)

Kepala P. 14 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974)

Kepala P. 17 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975)—

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Tambahan Belanja Mengurus, Tambahan-tambahan Ketiga Tahun 1974 dan Pertama Tahun 1975, dan Anggaran Tambahan Pembangunan, Tambahan-tambahan Keempat Tahun 1973, Ketiga Tahun 1974 dan pertama 1975 seperti berikut:

Bagi Tahun 1974 ... Di bawah Kepala B. 14	Tambahan sebanyak $3,662,000 untuk Butiran Perbelanjaan sebagai Pecahan-kepala 1100 dan 1200;
	Tambahan sebanyak $4,369,835 untuk Butiran Perbelanjaan sebagai Pecahan-kepala 2700 (2) (*b*); dan
	Tambahan sebanyak $5,300,000 untuk Butiran Perbelanjaan sebagai Pecahan-kepala 4100 (5).
Bagi Tahun 1974 ... Di bawah Kepala B. 50	Tambahan sebanyak $1,545,957 untuk Butiran Perbelanjaan sebagai Pecahan-kepala 4100 (4).
Bagi Tahun 1974 ... Di bawah Kepala B. 51	Tambahan sebanyak $41,650 untuk Butiran Perbelanjaan sebagai Pecahan-kepala 4100 (2) (*a*).
Bagi Tahun 1975 ... Di bawah Kepala B. 17	Tambahan sebanyak $8,746,000 untuk Butiran Perbelanjaan sebagai Pecahan-kepala 4100 (12).
Bagi Tahun 1973 ... Di bawah Kepala P. 14	Peruntukan tanda $10 untuk Pecahan-kepala 166.
Bagi Tahun 1974 ... Di bawah Kepala P. 14	Tambahan sebanyak $120,000 untuk Pecahan-kepala 8 (i);
	Peruntukan tanda $10 untuk Pecahan-kepala 146 (vii); dan
	Peruntukan tanda $10 untuk Pecahan-kepala 217.
Bagi Tahun 1974 ... Di bawah Kepala P. 50	Tambahan sebanyak $2,648,335 untuk Pecahan-kepala 2 (vi) (*a*).
Bagi Tahun 1975 ... Di bawah Kepala P. 17	Peruntukan tanda $10 untuk Pecahan-kepala 93 (vii);
	Peruntukan tanda $10 untuk Pecahan-kepada 145 (i); dan
	Peruntukan tanda $10 untuk Pecahan-kepala 146 (viii).

Keterangan-keterangan berkenaan adalah di dalam kertas-kertas berkenaan dan memandangkan bahawa kertas-kertas ini adalah berasingan dan untuk kemudahan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan huraikan dengan ringkasnya tambahan-tambahan yang dimaksudkan.

Tambahan sebanyak $3,662,000 bagi tahun 1974 adalah di bawah bekalan gaji dan elaun-elaun untuk menemui pembayaran bonus dan elaun bantuan khas kepada kakitangan Bahagian-bahagian Kementerian oleh sebab peruntukan itu tidak ada mulanya termasuk di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1974.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Pada pertengahan tahun 1974, Dewan yang mulia ini telah meluluskan peruntukan sebanyak $47.5 juta bagi mewujudkan Rancangan Subsidi Baja Urea. Seperti yang kita maklum rancangan subsidi ini dikehendaki untuk membolehkan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar mengimpot dan mendapatkan bekalan urea daripada peniaga-peniaga tempatan dengan harga pasaran yang sedang ada dan menjual serta membahagikan baja-baja itu kepada petani-petani dengan harga yang mereka mampu. Dalam ucapan tatkala membentangkan anggaran itu Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar telah juga membayangkan kemungkinan peruntukan asal itu perlu ditambahkan. Jadi perbelanjaan untuk melaksanakan rancangan subsidi baja urea ini pada tahun 1974 telah meningkat menjadi $51,869,835 iaitu berlebihan $4,369,835 yang dipohon sebagai tambahan.

Tambahan sebanyak $5,300,000 perlu untuk menampung belanja mengurus Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) seperti pembayaran gaji dan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan oleh kerana Institiut itu telah kurang dibekalkan di dalam Anggaran Belanja Mengurus tahun 1974 pada asalnya. Keadaan seperti ini berlaku juga dalam Lembaga Pertubuhan Peladang yang memerlukan tambahan sebanyak $1,545,957 oleh kerana peruntukan yang disediakan untuk Anggaran Belanja Mengurus tahun 1974, yang berjumlah $3,150,000 adalah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan dalam tahun itu memandangkan kepada kenaikan harga bekalan dan bahan-bahan dan keperluan membayar tunggakan gaji setelah Lapuran Suruhanjaya Harun dikuatkuasakan.

Bantuan kepada Syarikat-syarikat Kerjasama yang merupakan pembayaran gaji dan elaun Setiausaha/Pengurus Syarikat-syarikat Kerjasama telah diluluskan oleh Perbendaharaan selepas Anggaran tahun 1974 disediakan dan tambahan peruntukan yang terlibat ialah $41,650.

Dalam Anggaran Belanja Mengurus tahun 1975 Lembaga Pertubuhan Peladang telah pada pertamanya disediakan peruntukan sebanyak $2,600,000 yang merupakan anggaran sementara atau interim yang akibat dari kelewatan cadangan-cadangan anggaran Lembaga itu diterima oleh Ajensi-ajensi Pusat. Tambahan sebanyak $8,746,000 dikehendaki sekarang supaya segala perbelanjaan mengurus Lembaga ini dapat dibiayai dalam tahun 1975.

Pada tahun 1974 Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK) telah mengalami kerugian sebanyak $120,000 akibat dari pemberian subsidi harga daging yang ditetapkan $3.40 sekati menjelang Hari Raya tahun itu: harga pasaran daging pada masa itu adalah $3.80 sekati. Dewan adalah diminta meluluskan tambahan $120,000 di bawah Pecahan-kepala 8 (i) Anggaran Pembangunan Tahun 1974, yang telah diluluskan daripada Simpanan Luarjangka.

Pecahan-kepala 217 Anggaran Pembangunan Tahun 1974 disediakan peruntukan sebanyak $29,692 tetapi tambahan $110,000 dikehendaki bagi membina dua buah kapal ronda laju di Sarawak di bawah Rancangan Penguatkuasa Jabatan Perikanan Kementerian ini dan jumlah ini telah diperolehi secara pindah peruntukan dari pecahan-kepala lain. Dewan adalah diminta meluluskan tanda $10 sahaja yang telah didahulukan daripada Simpanan Luarjangka dan meminda anggaran harga Pecahan-kepala ini dari $260,000 ke $320,000.

Akhirnya, Peruntukan Institiut Teknoloji MARA yang disediakan di bawah Pecahan-kepala 2 (vi) (*a*), Kepala P. 50 Anggaran Pembangunan Tahun 1974 untuk perbelanjaan gaji dan elaun-elaun, Perkhidmatan dan bekalan dan sebagainya, yang berjumlah $20,753,500, telah didapati tidak mencukupi dan tambahan sebanyak $2,648,335 telah didahulukan daripada Simpanan Luarjangka untuk menampung bayaran tunggakan gaji mengikut pelaksanaan lapuran Suruhanjaya Harun. Dewan adalah diminta meluluskan tambahan sebanyak $2,648,335 yang telah didahulukan itu.

Penerangan-penerangan yang lain atas permintaan tambahan perbelanjaan terdapat dalam kertas-kertas yang berkenaan yang telah diedarkan.

Tuan Pengerusi, saya memohon peruntukan tambahan yang berjumlah $14,919,442 dan $8,746,000 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1974 dan Tahun 1975 masing-masing dan $10, $2,768,355 dan $30 untuk tiap-tiap Anggaran Pembangunan Tahun 1973, 1974 dan 1975.

5.03 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perdebatan untuk menyokong Bil yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan yang saya percaya dan yakin dengan peruntukan-peruntukan tambahan ini Jabatan-jabatan yang berkenaan akan dapat menjalankan tugas dengan lebih kemas dan lebih licin, khasnya untuk kepentingan petani-petani, nelayan-nelayan sesuai dengan Rancangan Buku Hijau yang sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan sekarang.

Tuan Pengerusi, perkara pertama yang saya suka hendak sentuh di sini ialah mengenai dengan petani-petani yang menjalankan perusahaan kebun kelapa yang saya percaya dan yakin bukan sahaja terdapat dalam kawasan pilihanraya saya, bahkan di

sepanjang-panjang pantai negara kita ini. Apa yang menjadi kemusykilan pekebun-pekebun kelapa pada masa ini ialah harga kelapa yang begitu merosot. Dan kalau dibandingkan beberapa bulan yang lalu harga kelapa hampir mencapai $100 sepikul. Jadi, apa yang menjadi masaalah kepada pekebun-pekebun kelapa ini, dan perkara ini telahpun disentuh oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu. Saya mencadangkan apalah kiranya pihak Kementerian yang berkenaan dapat memberikan atau menetapkan harga minima kelapa kering ini, sebagaimana yang dijalankan oleh pihak Kerajaan terhadap harga padi. Saya percaya dan yakin dengan cara ini dapatlah mengurangkan sedikit penderitaan petani-petani yang berkebun kelapa. Saya percaya dan yakin Kementerian tentulah sedang menjalankan ikhtiar menerusi badan-badan tertentu samada FAMA dan sebagainya untuk hendak mencari pasaran yang lebih baik kepada harga kelapa kering.

Perkara yang kedua, yang saya hendak sebutkan di sini ialah mengenai dengan pemasaran bahan-bahan ataupun hasil terutamanya setelah Rancangan Buku Hijau ini dijalankan. Sebagaimana kita maklum sambutan rakyat adalah sangat menggembirakan, tetapi sebagaimana perkara ini juga telah disebutkan dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu, perkara yang penting ialah mengenai pemasaran. Dan saya percaya Kementerian ini menerusi badan-badan yang tertentu akan dapat mencari jalan supaya masaalah pemasaran ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Perkara yang ketiga, saya suka hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Bank Pertanian. Bank Pertanian telahpun ditubuhkan dan telahpun menjalankan khidmatannya kepada petani-petani, nelayan-nelayan dan sebagainya. Apa yang saya hendak tegaskan di sini pada masa-masa yang lalu satu-satu keputusan pinjaman-pinjaman samada daripada petani-petani atau nelayan, samada yang berjumlah besar ataupun yang berjumlah kecil seperti $2,000, $1,000, $500 dan sebagainya terpaksa mengambil masa yang lama. Katalah kalau di Batu Pahat, pihak Bank Batu Pahat terpaksa merujukkan kepada ibu pejabat di Kuala Lumpur. Jadi, apalah kiranya kalau pinjaman-pinjaman kecil misalnya $2,000 ke bawah pihak yang berkenaan membenar atau memberikan kepercayaan kepada pihak Pengurus Bank yang ada di Batu Pahat, misalnya, untuk mengambil keputusan dan memberikan pinjaman itu supaya dapat melega dan memudahkan lagi petani-petani mendapatkan pinjaman dengan kadar yang segera.

Perkara yang keempat yang saya suka hendak sentuh iaitu masaalah ikan di perairan kita, khasnya di Pantai Barat. Mengikut apa yang diterangkan oleh Menteri yang berkenaan bahawa ikan kita sangat berkurangan. Jadi saya mencadangkan khasnya di Pantai Barat Semenanjung Malaysia ini iaitu supaya Kementerian ini mengadakan satu peraturan yang mana pukat-pukat tunda yang telah diberi lesen ditetapkan dalam setahun, misalnya, enam bulan sahaja mereka boleh menggunakan pukat tunda itu dan enam bulan yang lain mereka bolehlah menggunakan alat-alat yang selain daripada alat pukat tunda tadi. Dengan cara ini selain dapat memberi peluang kepada nelayan-nelayan pantai, dapat juga memberi peluang ikan itu berehat, sebab kalau dijalankan dengan pukat tunda ini ikan tidak ada peluang langsung hendak berehat untuk membiak dan sebagainya. Dengan cara ini dapatlah seperti saya katakan tadi mengurangkan apa yang dirasai oleh nelayan-nelayan pantai akibat daripada pukat tunda yang telahpun kita benarkan di perairan kita.

Akhir sekali, saya suka hendak bercakap berkenaan dengan satu perkara yang juga menjadi masaalah penduduk-penduduk, khasnya dalam kawasan pilihanraya saya iaitu masaalah benteng Sungai Lurus. Saya percaya dan yakin perkara ini adalah diambil perhatian berat dan dianggap penting oleh pihak Kementerian ini kerana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, Timbalannya, juga lain-lain pegawai yang berkenaan sendiri menengok keadaan benteng yang tersebut yang menjadi masaalah kepada beribu-ribu penduduk di kawasan ini. Jadi, apa yang saya harapkan supaya dengan apa cara sekali pun samada dengan peruntukan khas atau peruntukan daripada rancangan raksaksa Johor Barat dapatlah disegerakan untuk peringkat pertama bagi mengatasi masaalah ini. Saya percaya dengan cara ini Kementerian menerusi Jabatan-jabatan yang berkenaan akan dapat menjalankan khidmatnya dengan lebih meluas lagi kepada rakyat khasnya, sesuai dengan Rancangan Buku Hijau yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang.

5.10 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong pendek-pendekkan. Masa kita suntuk sangat dan ada banyak lagi Kepala-kepala.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh beberapa perkara dalam Kementerian ini. Pertamanya, berkenaan dengan kakitangan bahagian luar (extension officers) yang masih lagi didapati berkurangan bagi Jabatan Parit dan Taliair (Jabatan-Pertanian) yang mana banyak gunanya kepada petani-petani. Kerana kita dapati kekurangan kakitangan-kakitangan yang menyelenggarakan urusan pertanian menjejaskan hasil pendapatan petani-petani. Saya mendesak Kementerian ini supaya mengambil perhatian yang berat supaya kekosongan ini janganlah begitu lama terbiar dan tidak diambil tahu untuk mengisikannya. Sungutan daripada petani-petani berkenaan dengan kekurangan kakitangan Kerajaan ini sudah menjadi rumit, sepatutnya Jabatan-jabatan yang kekurangan kakitangan bersungut atau mengambil berat dalam perkara ini, tetapi sebaliknya sekarang petani-petani pula yang curiga atas kekurangan kakitangan.

Perkara yang kedua, ialah mengenai projek yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk membaiki keadaan perairan dan sebagainya untuk kebaikan pertanian. Adalah diharapkan dan didesak oleh petani-petani supaya rancangan-rancangan yang serupa itu boleh menjamin kesan yang baik dan meninggikan taraf hidup petani-petani. Diharapkan jangan dilanjutkan masa dan dapat disingkatkan supaya dapat memberi faedah-faedah yang cepat kepada petani-petani. Satu contoh iaitu seperti projek perairan di Tanjong Karang iaitu memperbaiki taliair dan cara-cara perairan bersawah padi yang sedang berjalan pada hari ini, yang menelan belanja $2.8 juta. Telah diberitahu bahawa projek ini akan mengambil masa sehingga 15 tahun. Keadaan ini adalah sangat mencurigakan dan petani-petani tidak begitu sabar menunggu sepanjang masa rancangan itu disiapkan. Mereka mendesak supaya Kementerian ini dapat meneliti dengan begitu dekat dan menggesa supaya projek-projek yang berfaedah itu dapat dicepatkan masanya dan dapat mereka menikmati hasil kesiapan projek itu untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Menyentuh perkara baja, di kawasan saya masih banyak didapati, hampir lebih daripada 25 petani di situ kurang dapat nikmat bantuan baja daripada Kerajaan. Ini disebabkan kurang peruntukan dan saya harap; mendengarkan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa peruntukan tambahan yang dikehendaki itu mudah-mudahan dapat diberikan lebih lagi kepada petani-petani di kawasan saya.

Satu lagi oleh sebab timbul masaalah kekurangan tanah dan desakan untuk meluaskan hasil tanaman, maka adalah didesak supaya Kementerian ini mula menggunakan hutan simpan yang masih lagi banyak terdapat di kawasan saya supaya dapat diperluaskan tempat pertanian di masa yang akan datang.

Selain daripada itu terdapat juga frustration di kalangan kakitangan Kerajaan disebabkan kedudukan tanggagaji mereka tidak sesuai dengan kerja-kerja yang dijalankan. Diharap Kementerian dapat memberikan perhatian supaya kebaikan itu dapat ditumpang sama oleh petani-petani dan nelayan-nelayan di kawasan luar bandar.

Menyentuh berkenaan dengan Rancangan Buku Hijau yang sekarang sedang pesat diterima oleh rakyat jelata, tetapi malangnya telah menjadi kerumitan tentang pasaran dan menimbulkan tandatanya yang begitu besar. Sebab pemasaran yang tertentu tidak dapat diyakinkan atau diberi jaminan kepada petani dan diharap FAMA benar-benar mengambil peranan menjalankan usahanya bagi mengatasi perkara ini. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

5.15 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya minta lagi sekali kerjasama daripada Yang Berhormat supaya pendek-pendekkan teguran dan apa-apa teguran biarlah kena tepat kepada Kepala-kepala dan Pecahan-pecahan-kepala yang diperuntukkan wang tambahan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya menyokong. . . . . .

Tuan Pengerusi: Kenalah disebutkan Kepala dan Pecahan-kepala mana.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya menyokong peruntukan tambahan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di atas Kepala-kepala yang dinyatakan tadi (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Tolong sebutkan satu persatu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya bercakap seberapa ringkas yang boleh.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya berharap Kementerian yang berkenaan menjadikan semua tanaman-tanaman khasnya padi supaya dapat diambil hasilnya, oleh kerana salah satu sebab yang membawa hasil yang kurang baik ialah kekurangan air. Dengan sebab itu, selain daripada taliair-taliair yang telah disediakan, saya berharap Kementerian yang berkenaan membanyakkan pamair-pamair khasnya di Perlis iaitu Perlis Utara, walaupun ada Rancangan Perairan Muda di Perlis tetapi di Perlis Utara air kadang-kadang tidak sampai.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Persatuan Peladang. Setakat hari ini kita dapat sanjungan yang mana Persatuan Peladang ini amat baik. Tetapi yang mendukacitakan saya kerana kebanyakan Pengurus-pengurus Persatuan Peladang telah dapat satu arahan baharu yang mana mereka mestilah memilih satu di antara dua, adakah mereka ini akan menjadi Pengurus Persatuan Peladang yang masih ada pada hari ini, ataupun akan balik kepada kerja lama iaitu di dalam Pejabat Pertanian. Setahu saya Persatuan Peladang di bawah satu Kementerian dan Pertanian juga di bawah satu Kementerian. Jadi, Pengurus Persatuan Peladang yang telah mahir, dapat berjalan dengan baik, saya berpendapat tidak payahlah lagi dibuat syarat yang berkenaan kalaulah didapati mereka ini sudah baik dalam Persatuan Peladang, biarlah mereka kekal di situ walaupun dia asal daripada Pejabat Pertanian ataupun sebagai pegawai daripada Pejabat Pertanian.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, tentang Pengurusan gaji-gaji dalam Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Saya telah beberapa kali bercakap mengenai Kementerian yang berkenaan. Kita telah naik gaji, dua hari yang lepas kita telah dapat pinjaman (loan) untuk membeli kereta, elaun kita juga sudah dinaikkan pada tahun ini. Yang mendukacitakan saya dalam Pejabat KEMAS, daripada tahun 1961; telah ditubuhkan KEMAS. . . . . .

Tuan Pengerusi: Ini di bawah kepala mana? Adakah berkenaan dengan gaji?

Tuan Shaari bin Jusoh: Elaun.

Tuan Pengerusi: Kepala mana dan Pecahan-kepala mana? (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi, disebabkan Kepalanya telah dibentangkan banyak sangat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, maka saya tidak dapat hendak camkan satu persatu, tetapi di sini saya katakan di atas pengurusan kakitangan.

Tuan Pengerusi: Tidak ada, berkenaan dengan gaji cuma Kepala B. 14, Pecahan-kepala Perikanan sahaja yang minta ditambah. Yang keduanya, Mergastua yang minta tambahan wang, iaitu dua itu sahaja. Kalau bercakap berkenaan dengan gaji Perikanan dan gaji Mergastua itu boleh.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya dapat faham daripada ucapan Menteri yang berkenaan tentang Anggaran Belanja Mengurus di dalam pejabat iaitu kakitangan. Saya faham kakitangan pejabat ini termasuk kakitangan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Tolonglah segera tamatkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, setahu saya daripada awal-awal lagi Kementerian ini ditubuhkan kakitangannya boleh dikatakan tidak bertambah, sedangkan rancangannya telah bertambah seperti hari ini rancangan Desa Usaha dan sebagainya. Maka saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan dan ini juga telah dijanji beberapa kali khasnya guru-guru KEMAS patutlah dinaikkan mengikut keadaan masa sebagaimana pegawai-pegawai yang lain.

5.23 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong peruntukan tambahan yang dipohonkan oleh Timbalan Menteri yang tersebut saya bercakap di bawah Kepala P. 14—Kementerian Pertanian.

Saya teringat kembali satu peristiwa terjadi di dalam kawasan saya di Baling semasa tunjuk perasaan lapar secara besar-besaran yang telah mencemaskan kedudukan politik negara sewaktu itu. Tunjuk perasaan itu dicetuskan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab semata-mata hendak menggugatkan teraju Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala mana tentang tunjuk perasaan itu?

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Di bawah Kepala Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala mana Yang Berhormat?

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: P. 14.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala mana?

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi, di bawah Kementerian . . . . . .

Tuan Pengerusi: Kalau tidak dapat menunjukkan Kepala mana jemputlah duduk, kerana ada orang lain hendak bercakap. Minta tunjukkan Pecahan-kepalanya supaya kita dapat memendekkan masa perbahasan kita.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Tuan Pengerusi, perkara ini sedikit sahaja mengambil masa tidak sampai 10 minit.

Tuan Pengerusi: Perbahasan polisi sudah habis pada hari itu, tak ada seorang pun hendak bercakap. Ini berkenaan dengan detailnya Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah lama di dalam Dewan ini sepatutnya tahu apa yang boleh ditegur sewaktu di dalam Jawatankuasa. Saya tidak melarang Yang Berhormat bercakap, tetapi tujulah kepada mana-mana tempat yang tertentu.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Peruntukan berkenaan Kementerian Perikanan.

Tuan Pengerusi: Perikanan. Soal gajikah dalam Perikanan ini?

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Diteruskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab semata-mata hendak menggugat Kerajaan. Tetapi di sebalik tunjuk perasaan itu ada juga bukti-bukti yang menunjukkan bahawa perkara ini ialah kerana kemerosotan harga getah dan kenaikan harga beras. Tetapi Alhamdullillah, dengan kebijaksanaan Kerajaan segala-galanya telah menjadi baik dan ekonomi rakyat telah menjadi lega. Apa yang saya ingin sebutkan di sini ialah janji-janji yang dibuat oleh dua Menteri yang datang ke Baling sewaktu itu untuk memujuk rakyat Baling. Janji mulut telah dibuat kepada rakyat Baling. Seorang Menteri telah berjanji hendak memberi $100 juta kepada Baling untuk keistimewaan pembangunan ekonomi dan pertanian.

Kementerian Pertanian sendiri berjanji hendak memperhebatkan bantuan-bantuan ekonomi dan pembangunan di bidang pertanian akan dilipat-gandakan. Saya sungguh kesal, sehingga hari ini tidak ada satu pun perubahan sebagaimana yang dijangka akan berlaku untuk tujuan menambahkan pembangunan pertanian dalam daerah ini. Saya cuma memperingatkan supaya keadaan ini hendaklah mendapat perhatian pihak Kementerian tersebut, kerana daerah ini tergantung ataupun bergantung semata-mata kepada pembangunan ekonomi. Itulah sebabnya saya minta kalau boleh saya bercakap dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya bercakap. Rancangan pembelaan ikan darat ataupun ikan air tawar patut diberi perhatian di dalam kawasan ini—perhatian istimewa yang saya katakan di sini, sebab banyak tempat-tempat yang sesuai boleh didapati di dalam kawasan saya. Inilah satu cara sumber ekonomi yang boleh menolong rakyat di Baling. Kalau sekiranya rancangan ini diperhebatkan dan Kerajaan memberi perhatian maka akan lega sedikit keadaan-keadaan kehidupan di tempat saya menerusi pertolongan yang diluluskan dalam peruntukan bidang pertanian, sebagaimana yang diminta oleh Timbalan Menteri tersebut.

5.25 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): Tuan Pengerusi, saya bercakap sedikit sahaja di bawah Kepala B. 17 Pecahan-kepala 4100.

Tuan Pengerusi: B. 17.

Tuan Patrick Anek Uren: Lembaga Pertubuhan Peladang. Semenjak tertubuhnya Lembaga Pertubuhan Peladang ini, pada tahun lalu ada juga cawangannya ditubuhkan di Sarawak. Dari pandangan saya Pertubuhan Peladang telah memberi kesan pada petani-petani iaitu supaya mereka dapat mengeluarkan hasil yang lebih baik.

Di kawasan saya sendiri iaitu di Bau-Lundu, mereka di sana memiliki tanah sawah padi yang begitu luas. Di samping ini masih juga mereka di situ membeli beras daripada bandar. Ini disebabkan oleh pertanian di situ masih lagi menggunakan cara-cara pertanian yang lama dan mengakibatkan kekurangan hasil. Saya memohon kepada Menteri supaya mengkaji samada boleh atau tidak cawangan Pertubuhan Persatuan Peladang ini ditubuhkan di kawasan Bau-Lundu. Lebih-lebih lagi untuk mengkaji question of memiliki tanah bumiputra, sebab di kampung saya sendiri iaitu Kampung Singeh yang mempunyai kawasan sawah padi yang besar is the question ownership of native customary land. Mereka yang duduk di situ tanahnya tidaklah begitu besar, tetapi keluarganya bertambah. Tiap-tiap tahun sebelum menanam padi di antara satu anak keluarga dengan keluarga yang lain selalu bergaduh kerana right menanam padi di situ. Pada fahaman saya kalau Persatuan Peladang pergi ke sana dan mengatur supaya the right of ownership of that land be vested in the people through Persatuan Peladang so that a revolving kind of planting can be effected from one keluarga to another keluarga so as to yield a good harvest from the area. I sincerely invite the Deputy Minister to look into this seriously with a view to producing enough rice for the people in my district so that we do not have to depend on imported rice. Thank you very much.

5.29 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, bolehkah saya bercakap di bawah Kepala P. 17, Pecahan-kepala 93, 145, 146 iaitu Pembinaan Parit dan Taliair?

Tuan Pengerusi: B. 17, Persatuan Peladang—boleh.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: P. 17, Pembinaan Parit dan Taliair.

Tuan Pengerusi: Ada Kepalanya. P. 17 ini cuma $30 sahaja nampaknya. Bolehlah, kerana ada votenya.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kertas Perintah 22, 1975. Bolehkah?

Tuan Pengerusi: Boleh.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih.

Saya hendak menyentuh di dalam perancangan pembinaan parit dan taliair kerana di sini ditanda di bawah Pecahan-kepala 93, 145 dan 146 meminta peruntukan tambahan sebanyak $10. Dalam pembinaan parit dan taliair terutama sekali pembinaan rancangan perairan yang besar, saya rasa patutlah pihak perancang mencari pengalaman-pengalaman daripada pembinaan taliair di dalam rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan. Maksud saya di dalam merangka Anggaran Perbelanjaan, selain daripada perbelanjaan pembangunan satu-satu rancangan taliair itu maka patut juga dijangkakan peruntukan khas bagi mengatasi kesan-kesan selepas pembinaan itu. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada satu contoh yang berlaku yang telah dialami di dalam melaksanakan rancangan perairan Besut yang dijangka hampir siap dalam sebulan dua akan datang ini. Dalam beberapa bulan yang lepas setelah empangan besar yang menyekat Sungai Besut di Kuala Kerian ditutup, maka air yang bertakung di sebelah ulu sungai itu telah meningkat ke paras bahaya di dalam musim banjir yang biasa. Ini bermakna beratus-ratus ekar kebun-kebun getah, tanaman-tanaman dan tanah-tanah orang ramai ditanggelami air sampai 5-6 kaki dan menjadi tasik. Selain daripada itu ia menimbulkan masaalah-masaalah sosio-ekonomi yang mana berpuluh-puluh orang murid yang tidak dapat bersekolah kerana putus perhubungan, jalan-jalan yang telah dibina yang terdahulu daripada itu telah ditenggalami air dan terpaksa dibuat jalan yang baru. Pihak Majlis Tindakan Daerah Besut telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk

mengkaji dan membuat lapuran di atas perkara ini, dan Jawatankuasa ini telahpun bersidang dan dijangka akan membuat lapuran kepada pihak yang berkenaan dengan seberapa segera.

Masaalah yang saya hendak timbulkan di sini, banyak perkara-perkara yang tidak dibuat persediaan terlebih dahulu, umpamanya beratus-ratus ekar lagi tanah yang ditenggelami air selepas daripada pembinaan ini, bagaimana akan dibuat bayaran pampasan dan ganti-rugi untuk mengambil balik tanah-tanah itu dan juga kemusnahan segala tanaman-tanaman yang berlaku dengan sebab tenggelamnya kawasan itu, oleh sebab perkara itu tidak dijangka dengan betul terlebih dahulu. Maksud saya, supaya dalam perancangan satu-satu rancangan tali-air yang besar diadakan peruntukan khas untuk dapat memberi ganti-rugi dengan seberapa segera yang dapat kepada orang ramai yang mengalami kerugian akibat daripada penutupan satu-satu empangan sehingga menenggelamkan harta benda mereka. Sampai sekarang selepas beberapa bulan orang ramai di kawasan yang berkenaan masih lagi belum mendapat ganti-rugi dan pampasan yang sepatutnya, dan saya pun telah berunding dengan pihak Jawatankuasa Tindakan Daerah dan perkara ini cuma baru hendak dibuat permohonan daripada Kementerian yang berkenaan supaya dapat dibuat peruntukan khas untuk membayar ganti-rugi dan membiayai segala pembinaan jambatan-jambatan kecil, titian dan sebagainya untuk mengatasi kerumitan yang dialami oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Saya juga menimbulkan masaalah rancangan perairan Besut ini sebagai satu contoh sahaja, Tuan Pengerusi, kepada rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan di bawah Kepala yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang akhir sekali, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

5.36 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja, iaitu Kepala B. 14, Pecahan-kepala 4100—MARDI. Nampaknya kita sentiasa menambahkan peruntukan-peruntukan kepada MARDI, dengan sebab badan ini adalah satu badan yang mengkaji dalam perkara yang ada kaitan dengan pertanian.

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh sedikit sahaja, kerana badan ini makin banyak kita tambah peruntukan, makin banyak kita beri wang, tetapi makin banyak kita impot buah-buah daripada luar negeri. Saya bandingkan misalnya kalau orang-orang dari Pantai Timur dan juga di Kuala Lumpur sekarang ini mahu tidak mahu terpaksa beli limau dan mempelam daripada Siam. Jadi, nampaknya kita sudah lama menjalankan usaha mengkaji hal ini untuk kita mengeluarkan buah-buah ini di negeri kita sendiri sekurang-kurangnya untuk pasaran di negeri kita, tetapi masih belum berhasil. Saya minta supaya pihak badan ini (Institiut Penyelidikan) mengkaji dan megembangkan pengajaran kepada petani-petani. Setahu saya kalau buah-buah limau pada masa yang lalu kalau kita tanam limau di tempt kita, bila kita pungut hasil hanya tahan dalam masa satu minggu sahaja. Tetapi kalau limau daripada Siam tahan sampai lebih daripada itu. Ini adalah disebabkan pengajaran tidak diberi kepada orang kita supaya dapat mengekalkan atau tahan lama buah-buahan ini.

Yang kedua, pengajaran tidak diberi kepada petani-petani kita supaya dapat menanam pokok limau dan tahan lama. Sekarang ini hanya dalam 3-4 kali berbuah ataupun 2-3 tahun selepas ia berbuah itu, pokok limau itu mati, tidak seperti di Negeri Siam ianya tahan lama.

Tuan Pengerusi, saya cuba bertanya sedikit dalam hal ini sebagai penyiasatan dari saya. Mengikut keterangan yang diberi kepada saya sebab-sebab pokok limau di Negeri Siam tahan lama kerana mereka tanam anak benih bukan tanam cantum (kalau di Trengganu di panggil kahwin) dahan itu diikat, kemudian dialihkan ke tempat lain. Di Negeri Siam ditanam anak benih, itulah yang saya diberitahu, di negeri kita tidak berbuat demikian. Jadi itulah saya hendak minta supaya pihak MARDI ini mengkaji dan memberi pengajaran kepada orang kampung supaya dapat menanam limau supaya tahan lama hidupnya dan buah limau itu tahan lama apabila dipungut dan tidak buruk seperti di Negeri Thailand, dan yang keduanya buah mempelam itu biarlah dapat mengeluarkan hasil yang cepat dan memuaskan, tidak seperti

sekarang, kita tidak nampak di mana satu kebun yang diusahakan oleh orang-orang kita yang dapat mengeluarkan hasil untuk jualan dengan secara banyak. Jangan tanam pokok-pokok itu dekat rumah, itu masaalah lain. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga perkara I dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Standing Order 67 (7), kita ada dua hari sahaja iaitu semalam dan hari ini untuk membincangkan Anggaran Perbelanjaan Tambahan.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga perkara I dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(*Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perbahasan disambung semula.

5.40 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan atas teguran-teguran untuk membantu Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar bagi menjalankan tugas-tugasnya pada masa hadapan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Memandangkan bahawa kebanyakan daripada teguran-teguran tadi yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah teguran-teguran yang umum yang merupakan perkara-perkara yang dapat dipertimbangkan dan menjadi panduan kepada Kementerian ini bagi menjalankan dan melaksanakan tugas-tugasnya, maka perkara-perkara seperti ini akan diambil perhatian dari semasa ke semasa apabila sampai masanya. Walau bagaimanapun, saya ingin mengulas sedikit-sebanyak atas teguran yang telah dibuat atas Pecahan-pecahan Kepala yang berkenaan, terutama tentang harga kelapa dan sebagainya. Perlu saya ulangi di sini bahawa kelapa kita kebanyakannya lebih kurang 70% adalah diekspot atau dihantar keluar negeri oleh sebab kita terpaksa juga menghadapi persaingan daripada harga minyak kelapa daripada negara-negara asing. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang perlu sedang disusun oleh pihak FAMA bagi mengatasi soal kemerosotan harga ini. Berlainan dengan keadaan padi di mana ianya adalah merupakan satu makanan yang tunggal di negara kita ini di mana kita dapat mengadakan harga minima, tetapi harga kelapa seperti yang saya katakan tadi tidak dapat kita berbuat demikian oleh sebab minyak yang kita ekspotkan itu terpaksa bersaingan dengan minyak-minyak yang dikeluarkan oleh negara yang lain.

Tentang benteng pecah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, perkara ini akan dijalankan. Saya berharap dalam tempoh sebulan atau dua bulan lagi sungguhpun saya faham ada sedikit kelewatan tentang perkara ini.

Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang berkenaan dengan kakitangan di Jabatan Pertanian ataupun Jabatan Parit dan Taliair bahawa usaha-usaha sedang dibuat untuk mengisi kekosongan itu. Dalam hal ini, saya suka menerangkan bahawa segala kekosongan yang timbul telah diusahakan bagi diisikan dengan serta-merta, berlainan dengan keadaan yang didapati berkurangan atau kekurangan kakitangan di satu-satu Jabatan itu

di mana langkah-langkah yang tertentu perlu di ambil sebelum kekurangan itu dapat diadakan dan jawatan yang seterusnya diisikan.

Mengenai masaalah bekalan baja yang telah dapat dibekalkan di kawasan Tanjong Karang, di sini inginlah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Karang bahawa Kementerian ini tidak ada memilih mana-mana kawasan yang tertentu bagi pengedaran baja urea kita. Ini saya berharap dapatlah kita rundingkan apabila timbul keadaan itu dengan serta-merta dengan pegawai-pegawai kita yang berkenaan supaya petani-petani kita dapat bantuan pada masa petani-petani itu memerlukan bantuan baja itu sendiri.

Atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar berhubung dengan perairan kawasan-kawasan yang kurang mendapat air, di sini juga adalah menjadi salah satu daripada tujuan dan matlamat Jabatan Parit dan Taliair, tetapi malangnya kita terpaksa membuat atau menjalankan tugas-tugas ini dengan cara berperingkat-peringkat dari satu tempat ke satu tempat, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa tempat yang terkemudian itu sengaja kita tinggalkan dan tidak dibuat apa-apa langsung.

Tentang surat pilihan yang telah diberi kepada Pegawai-pegawai Persatuan Peladang, di sini ada sedikit perbezaan yang saya ingin menegaskan bahawa pegawai-pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang ini adalah mereka yang digajikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang bagi membantu persatuan-persatuan dan juga syarikat-syarikat kerjasama yang bercorak pertanian. Susunan ini adalah susunan sementara di mana apabila sampai masanya kelak badan-badan kooprasi ataupun persatuan-persatuan peladang mempunyai keupayaan untuk menggaji kakitangan mereka, maka pegawai-pegawai ini akan digaji oleh persatuan atau kooprasi peladang itu sendiri. Memandangkan bahawa peruntukan-peruntukan telah disediakan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga dibawah Jabatan Pertanian, maka penentuan hendaklah dibuat samada pegawai itu datangnya daripada Lembaga Pertubuhan Peladang ataupun Jabatan Pertanian. Sungguhpun ini tidak bermakna bahawa penentangan daripada segi tugas semestinya timbul dan hal ini sedang diselaraskan oleh Kementerian ini, dan langkah-langkah yang sesuai sedang diambil oleh sebab itulah dalam usaha kita menyusun semula tugas-tugas ini timbul persoalan saperti Ahli Yang Berhormat telah timbulkan tadi.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu, saya percaya Persatuan Peladang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah Persatuan Peladang ataupun badan yang terdapat di Sarawak sendiri, kerana pada setakat ini Lembaga Pertubuhan Peladang belum pun lagi mengembangkan kegiatannya ke Sarawak dan mungkin perkara ini dapat kita timbangkan apabila sampai masanya kelak kalau ada persetujuan di kedua-dua pihak.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut atas pandangan yang telah diberikan tadi, dan perkara-perkara tersebut seperti Ahli Yang Berhormat maklum telahpun saya timbulkan manakala saya melawat ke perairan Besut, dan ini akan kita ambil tindakan yang sewajarnya. Berkenaan soal mengadakan persiapan yang terlebih baik, terutama sekali dari segi kehendak-kehendak sosial seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, bukan perkara seperti ini sahaja kita titek-beratkan, tetapi dalam usaha kita melaksanakan rancangan yang besar seperti ini pihak Kementerian ini terpaksa melaksanakan secara berperingkat-peringkat, dan saya berharap kita akan sampai ke satu peringkat di mana masaalah-masaalah seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi dapat kita atasi tidak lama lagi.

Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang telah menegur usaha MARDI. Kita sedia maklum bahawa ada perbezaan cara menanam benih atau mendapat manisan daripada negara Siam, samada seperti katanya tadi cara menanam benih ataupun mungkin menanam cara pokok. Walau bagaimanapun, usaha-usaha seperti ini adalah satu daripada usaha yang sedang dijalankan oleh MARDI dan memandangkan bahawa MARDI menjalankan tanggungjawabnya yang begitu luas. Oleh sebab itu, sekarang ini kebanyakan daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh MARDI adalah masih di dalam peringkat awalan dan ada di antaranya sudahpun sampai ke peringkat perkembangan. Umpamanya, MARDI masih lagi berusaha mengumpulkan bahan-bahan bagi penyelidikan kerana

terdapat begitu banyak jenis-jenis pisang dan betek di negara kita ini yang masih belum terkumpul. Dalam hal ini MARDI tidaklah dapat mempercepatkan perlaksanaan tugas-tugas penyelidikan tanpa membuat persiapan awalan.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya sebutkan tadi perkara-perkara yang lain yang tidak dapat saya menjawabnya di sini akan menjadi ingatan kepada Kementerian ini bagi kita menjalankan dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan bagi Kementerian ini dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran kepada Kementerian ini.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $13,331,835 untuk Kepala B. 14; $1,545,957 untuk Kepala B. 50 dan $41,650 untuk Kepala B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua dan wang sebanyak $8,746,000 untuk Kepala B. 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; dan wang sebanyak $10 untuk Kepala P. 14 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1973; dan wang sebanyak $120,020 untuk Kepala P. 14; dan $2,648,335 untuk Kepala P. 50 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, (Tambahan) (Bil. 3), 1974; dan wang sebanyak $30 untuk Kepala P. 17 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975.

Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1975)—

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Pengerusi, sebelum saya mengemukakan Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan Pertama) di bawah Kepala P. 19—Kementerian Perusahaan Utama tahun 1975, saya suka menarik perhatian Tuan Pengerusi bahawa ada sedikit kesilapan taip mengenai angka yang tercetak dalam Kertas Perintah 22 Tahun 1975, muka surat 3 iaitu angka $3,156,000 di item (iii) di bawah Kepala P. 19 hendaklah dipinda menjadi angka $4,000,013. Saya dukacita di atas kesilapan taip ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan Pertama) tahun 1975 bagi Kementerian saya di bawah Kepala P. 19, Pecahan-kepala 2, item (ii) sebanyak $9,831,000 sebagai pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, peruntukan sebanyak $25,000,000 telah disediakan bagi Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad sebagai pinjaman. Dalam tempoh 1971 hingga 1974 pinjaman sebanyak $24,155,987 telah diberi kepada Perbadanan ini. Dengan demikian hanya sebanyak $844,013 sahaja dapat diperuntukkan bagi tahun 1975. Dalam tahun ini Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad memerlukan pinjaman sebanyak $10,675,013. Perbadanan akan menggunakan wang pinjaman ini bagi membiayai projek-projek berikut:

(i) $5,425,000 untuk menyiapkan kilang-kilang getah "concentrate dan crumb";

(ii) $1,250,000 untuk menyiapkan bangunan Ibu Pejabat; dan

(iii) $4,000,013 sebagai modal bersama dalam penyertaan usaha bersama projek-projek perindastrian yang berasaskan kepada getah.

Dengan demikian satu peruntukan tambahan bagi tahun ini dikehendaki sebanyak $9,831,000.

Daripada jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki itu sebanyak $8,500,000 telahpun didahulukan daripada simpanan luar jangka.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya memohon supaya peruntukan tambahan sebanyak $9,831,000 diluluskan dan seterusnya meminda anggaran belanja Pecahan-kepala ini daripada $25,000,000 kepada $34,831,000.

5.57 ptg.

Tuan Zakaria bin Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang bercakap di bawah Kepala P. 19, Pecahan-kepala 2—MARDEC dan hendak menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama, kilang-kilang getah MARDEC dan yang kedua penyertaan MARDEC di dalam usaha bersama projek-projek perindastrian yang berasaskan getah. Berkenaan dengan kilang-kilang getah yang ditubuhkan oleh

MARDEC ini, saya suka memberi pandangan dan syor supaya ianya tidaklah bersikap 100% commercial di mana mementingkan keuntungan maksima sehingga tidak mengambil berat memberi perhatian yang sesuai kepada pekerja-pekerjanya. Banyak sungutan-sungutan yang terdengar di mana-mana pun. Di dalam masa lawatan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ke Trengganu baru-baru inipun telah ditimbulkan bahawa pekerja-pekerja kilang getah MARDEC di Kuala Berang mendapat bayaran gaji yang sangat murah sehingga setengah-setengahnya dalam dua ringgit lebih sahaja sehari lebih kurang dan dalam bayaran gaji yang begitu rendah ini menimbulkan masaalah sosial kepada pekerja-pekerja MARDEC sendiri. Jadi syor saya supaya pada peringkat permulaan ini kilang-kilang MARDEC itu kalau pun barangkali terpaksa mengalami kerugian sedikit sebanyak dan berkehendakkan subsidi daripada peruntukan yang lain patut dijalankan demikian daripada kita menggunakan buruh-buruh dengan harga bayaran gaji yang begitu murah kerana ini akan melibatkan masaalah kepada pekerja-pekerja kita sendiri di luar bandar dan juga memberi contoh kepada kilang-kilang perusahaan swasta yang lain yang dibuka berdekatan akan mengikuti memberi gaji yang murah seumpama itu juga.

Yang kedua, ialah penyertaan usaha bersama projek-projek perindastrian yang berasaskan getah. Setakat ini kita dapati penggunaan getah asli tidak berkembang dengan pesatnya seperti bahan-bahan lain. Kita masih lagi mendengar bahawa getah ini digunakan utamanya untuk membuat tayar dan sedikit-sedikit barang-barang keperluan yang lain. Dia tidak berkembang begitu maju sehingga meliputi barang-barang consumer yang lain, misalnya seperti barang-barang keperluan harian, keperluan dapur seperti baldi, umpamanya ataupun alat-alat binaan yang boleh barangkali jika dikaji, diselidiki dan dihalusi akan boleh diperbuat daripada getah ini. Kerana saya percaya mengikut pendapat saya pada masa jangka panjangnya kalau getah ini hanya akan digunakan untuk barang-barang seperti yang digunakan hari ini maka keperluan getah asli ini akan berkurangan kerana barang-barang yang digunakan daripada getah pada hari ini juga mempunyai tandingan daripada barang-barang substitute dan lain-lain lagi. Jadi patutlah dibuat kajian-kajian yang rapi supaya bahan-bahan baru boleh digunakan daripada getah ini. Saya sebutkan tadi umpamanya bahan binaan, barangkali tidak sesuai kalau kita katakan getah untuk membuat atap rumah, kerana ianya mudah dimakan api, tetapi tentulah tidak menjadi mustahil kalau getah itu barangkali dicampur dengan bahan-bahan kimia yang sesuai, dikaji dengan betul, maka ianya tidak boleh dimakan api dan sesuai digunakan untuk dinding rumah, atap rumah dan sebagainya. Ini sebagai contoh sahaja pandangan saya dan tentulah banyak perkara lain lagi yang boleh diperbuat daripada getah ini. Ini adalah suatu kewajipan kita untuk menghadapi masa depan, kerana kita adalah negara pengeluar getah yang utama dan kita pada masa yang akan datang pun akan mengharapkan hidup kita bergantung banyak kepada perusahaan getah ini. Jadi kita sendirilah patut memikirkannya daripada sekarang bahawa penggunaan getah mestilah diperluaskan, selain daripada barang-barang yang ada pada hari ini yang diperbuat daripada getah.

6.03 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, bercakap di bawah Kepala P. 19—Kementerian Perusahaan Utama mengenai Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC), saya ingin membawa dua tiga perkara yang boleh memberi guna kepada pihak perbadanan itu untuk membuat beberapa perubahan untuk mendatangkan kebaikan pula kepada pihak rakyat. Kilang-kilang MARDEC ini telah dibina di dalam negeri Kedah, ada dua-tiga tempat termasuk sebuah di dalam kawasan saya. Selepas kilang-kilang ini mula dibuka, maka bermulalah pemilihan untuk mendapatkan wakil-wakil ataupun ejen-ejen yang akan menjalankan perniagaan dan pengurusan berkenaan dengan getah susu ataupun getah cair. Pada pandangan dan pengetahuan saya pemilihan ejen untuk menjadi pembeli-pembeli getah ini telah mendatangkan satu kerumitan kepada rakyat yang memandangkan bahawa pembinaan kilang ini adalah satu pembangunan rakyat sendiri yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan boleh menolong rakyat dalam harga getah dan lain-lain, Jadi ada ejen-ejen ataupun wakil-wakil yang membeli getah cair ini yang telah membuat kerja-kerja yang tidak begitu

mendatangkan nama baik kepada pihak kilang MARDEC ini, umpamanya, pembayaran yang lewat, pembayaran harga getah yang dibeli itu lewat, kadang-kadang sampai 2-3 hari, bukannya tepat pada hari itu juga, bahkan kadang-kadang sehingga sampai seminggu belum boleh dibereskan pembayaran harga getah yang dijualkan pada hari itu. Kalau getah itu dijadikan getah keping dijualkan kepada kedai-kedai yang biasa dilesenkan oleh Kerajaan, maka pembayaran boleh didapati dengan serta-merta pada hari itu juga, pada jam dan waktu itu juga. Tetapi dengan keadaan perjalanan yang dibuat atau diselenggarakan oleh MARDEC itu mendatangkan kesusahan kepada pihak rakyat. Jadi dengan kerana itu pihak rakyat hari ini lebih memilih, mereka lebih suka untuk menjual getah mereka itu dengan secara getah keping kepada cara-cara yang lama. Mereka memandang bahawa kilang getah MARDEC yang dibina dengan berjuta-juta ringgit itu tidak mendatangkan kebaikan kepada pihak rakyat khasnya. Saya faham bahawa kilang-kilang ini adalah di dalam babak atau dalam keadaan yang permulaan, tentulah perkara kepincangan berlaku. Saya berharap pihak Kementerian sentiasa akan menerima baik cadangan daripada rakyat dan kalau boleh pihak MARDEC sendiri kalau menjalankan perusahaan semacam ini, tolonglah berhubung dengan pihak-pihak Pegawai Daerah di tempat itu yang tahu banyak berkenaan dengan perkara ekonomi dan hal-hal rakyat di sini. Jadi kalau pihak MARDEC semata-mata masuk ke tempat itu tidak mahu meninjau fikiran daripada Pegawai Daerah, Wakil Rakyat tak usahlah dikuatirkan, tetapi Pegawai Daerah yang tahu berkenaan dengan segala-gala hal kepincangan dalam kawasan itu tidak diperdulikan, maka ini akan mendatangkan kerugian kepada pihak Kementerian ini di atas dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini.

Jadi saya menarik perhatian Kementerian tersebut khasnya pihak MARDEC untuk menjalankan segala rancangan ini biarlah mendatangkan keuntungan yang banyak kepada pihak rakyat, bukan semata-mata mendatangkan keuntungan kepada pihak MARDEC sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.07 ptg.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC). Untuk jawapan saya selanjutnya, saya mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to inform the House of the objectives of MARDEC. There are two major objectives: the first one is to maximise the income of the rubber smallholders through the provision of improved processing and marketing facilities, and the second objective is to strengthen the economy of the Malaysian rubber by promoting the production of high quality rubber. These two objectives are not adequate enough. Recently, MARDEC has come up with a third objective, i.e. to establish joint ventures with other companies so as to promote and to stimulate the growth of rubber based industries in this country. The joint venture is geared to stimulate the rubber based industries in this country because, at this present moment, less than 2% of our rubber is processed in this country. In addition to this, this joint venture is geared to export industrial rubber to other countries.

With regard to the low salaries given to the workers, I would like the Honourable Member concerned to write to me so that we can look into the case and see how best we can improve the salaries, because just by stating that a worker only receives $2 per day, and I am unable to know what are the functions of the worker concerned. As such, I would be most obliged if the Honourable Member could write a letter to me, so that I could take this matter up myself.

With regard to the appointment of agents, a lot of ground reaction has been created because everybody wants to become an agent for MARDEC. As such, we are concerned with this and so the first priority has been given to the Smallholders' Co-operative Society. The second priority is given to the Farmers' Organisations or any form of co-operative societies, and the last one is given to the ordinary agents. We hope that in time to come, we can iron out this problem.

MARDEC has been established since October, 1970, and it is still quite a new company. There are a lot of things that we have to overcome. With regard to the slow payment, I would assure the House that we would do our best to speed up the payment to the agents or to the dealers concerned and to the smallholders as well.

I thank the Honourable Members very much for participating in this debate, and I have taken note of their comments.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $9,831,000 untuk Kepala P. 19 disetujukan jadi sebahagian Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975.

Kepala B. 16 (Jadual Kedua)

Kepala P. 16 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974)—

6.12 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Pembangunan Tambahan dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1974 masing-masing di bawah Kepala 16, Kementerian Perdagangan dan Perindastrian. Jumlah tambahan yang dikehendaki ialah sebanyak $52,129,573.00 untuk Anggaran Pembangunan dan $991,732.00 bagi Anggaran Belanja Mengurus.

Tambahan Anggaran Pembangunan adalah diperlukan untuk menambah peruntukan-peruntukan kepada Pecahan-kepala berikut:

Pecahan-kepala 12 $7,159,573	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad) (Malaysia International Shipping Corporation Berhad

Peruntukan yang diluluskan kepada Perbadanan ini bagi tahun 1974 ialah $22,500,000 dan tambahan sebanyak $7,159,573.00 adalah dikehendaki bagi membiayai 25% wang pertaruhan yang berikutnya mengikut syarat-syarat perjanjian Pinjaman Yen Yang Kedua. Di bawah perjanjian tersebut, Kerajaan Jepun telah bersetuju bagi membiayai pembelian dua buah kapal (tanker) kelapa sawit untuk Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd. yang mana sebanyak $20 juta telah dibayar dalam tahun 1973.

Pecahan-kepala 24 (i) Saham $1,000,000 ... (ii) Pinjaman $37,000,000	Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. (Malaysia Shipyard and Engineering Sdn. Bhd.)

(i) *Saham $1,000,000.00*

Syarikat Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. merupakan syarikat usaha bersama di antara Kerajaan dengan kalangan swasta sebagai satu usaha pelaburan dalam bentuk equity/pinjaman. Syarikat ini didaftarkan pada 18hb. Mei, 1973 dengan modal yang dibenarkan (approved capital) sebanyak $30 juta dan jumlah modal permulaan yang dibayar (paid-up capital) $20 juta. Kerajaan telah mengambil ketetapan menanam modal sebanyak $10 juta di dalam Syarikat ini yang merupakan 50% daripada modal bersama. Peruntukan sebanyak $4 juta dikehendaki bagi tahun 1974 untuk membiayai saham Kerajaan dan dari jumlah itu $3 juta telah pun dijelaskan. (Oleh yang demikian, tambahan sebanyak $1 juta adalah dikehendaki untuk dijelaskan sebagai penyertaan modal bersama Kerajaan di dalam syarikat ini.

(ii) *Pinjaman: $37,000,000.00*

Di bawah pinjaman Yen Kedua, satu perjanjian pinjaman berjumlah $80 juga telah ditandatangani pada 3hb Julai, 1974 di antara Kerajaan Malaysia dengan "Export-Import Bank of Japan". Tujuannya bagi membiayai harga barang-barang dan perkhidmatan yang dikehendaki bagi melaksanakan projek pembinaan Limbungan Kapal di Johor Bharu. Projek ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. Mengikut perjanjian pinjaman semula di antara Kerajaan dengan Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. peruntukan sebanyak $37 juta adalah dikehendaki dalam tahun 1974 bagi melaksanakan projek tersebut.

Pecahan-kepala 26 $6,970,000.00 ...	... Bangunan-bangunan di Luar Negeri

Peruntukan tambahan sebanyak $6,970,000.00 adalah dikehendaki dibelanjakan di dalam tahun 1974 kerana pembelian sebuah bangunan enam tingkat di No 17, Curzon Street, London bagi menempatkan pejabat-pejabat Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan (TDC).

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus yang dikehendaki oleh Kementerian sebanyak $991,732.00 di dalam tahun 1974, sukalah saya menyatakan di sini iaitu sejumlah $534,214.00 adalah dibelanjakan kerana membiayai pembayaran bonus dan elaun bantuan khas pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian dan juga bagi menampung perkembangan-perkembangan yang berlaku di beberapa buah Bahagian terutama sekali Bahagian Penguatkuasa.

Selain daripada itu, kadar elaun seberang laut juga telah diulangkaji dalam tahun 1974 dan ini telah memberi kesan kepada pembayaran elaun-elaun tersebut kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Perdagangan Antarabangsa Kementerian ini yang bertempat di 21 buah pejabat-pejabat Penggalakan Perdagangan di seluruh dunia.

Lain-lain perbelanjaan tambahan mengurus yang dikehendaki oleh Kementerian termasuklah pembiayaan-pembiayaan perbelanjaan Persidangan UNIDO yang menelan belanja sebanyak $54,000.00 pembelian 5 buah van dan sebuah kereta bagi Malaysia Barat dan sebuah Land Cruiser bagi Sabah untuk keperluan kempen anti-sorok dan anti-profiteering; dan tambahan-tambahan perbelanjaan biasa yang berlaku di semua 11 buah Bahagian-bahagian Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya memohon peruntukan-peruntukan Tambahan Anggaran Pembangunan sebanyak $52,129,573.00 dan Anggaran Mengurus sebanyak $991,732.00 diluluskan.

6.20 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya mahu berucap sedikit dalam bahasa Inggeris berkenaan dengan Kementerian ini dan saya hendak berucap di bawah Kepala B. 16 (Jadual Kedua).

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, as far as this Ministry is concerned, I do not find that it is short of funds and I suggest to the Ministry to take concrete steps to nationalise some of the local industries—for example, the Genting Highlands (Sendirian) Berhad. Sir, this is not to vilify the Genting Highlands (Sendirian) Berhad, but I feel that the Government should think of better ways to get more funds other than just voting in money by making use of Parliament as a rubber stamp. Sir, in 1972 . . . . .

Tuan Pengerusi: I think you better withdraw the words "rubber stamp". It is always being debated here. It you don't take part in the deliberations, that is your responsibility.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir, I withdraw. To the best of my knowledge, Mr Chairman, Sir, in 1972, the profit made by Genting Highlands (Sendirian) Berhad was $4,017,077 after tax. This was a private company incorporated on the 30th of July, 1968, and it went public on 24th July, 1970.

Now, the other gambling establishment which I think the Government should nationalise, is the Empat Nombor Ekor (Sendirian) Berhad. This is again, Sir, a private limited company incorporated on 31st October, 1969, and it went public on 31st December, 1972. Sir, this Empat Nombor Ekor Berhad made a profit of $6,260,000 after tax. Now, my reasons for calling on the Government to nationalise these two gambling institutions are: firstly, the majority of the people who buy "Empat Ekor" are middle-income group people, i.e. the workers; the Ministers and other people who are better off do not spend one dollar buying "Empat Ekor" tickets just in the hope of making a small fortune. So, I believe, that the profits enjoyed by these two establishments should be utilised for the benefit of the majority of the people of the country in the sense that this money comes from the working class people, the so-called middle income group people. In the case of Genting Highlands, (Sendirian) Berhad, some of us perhaps might have gone up to Genting Highlands but just to breath the fresh air. The people who gamble there are usually rich people. So, instead of allowing the profits to go into private hands, they should be utilised, in my humble opinion, for the benefit of the majority of the people in this country.

Lastly, Sir, I regret to say that some Government Ministries, like the Ministry of Social Welfare, are short of funds. This is a

very sad thing because in the past, many people have applied for social welfare aid. I for one have helped many to apply, but in so far as I am concerned, I have only been successful with one, and that poor woman is a widow with seven children.

Tuan Pengerusi: You cannot deliberate on the Social Welfare Ministry until it comes up for debate here. You concentrate and limit your observations to this particular Head.

Tuan Ngan Siong Hing: I could see that, Mr Chairman, Sir, but what I am trying to say is that I hope that the Ministry concerned will take steps to nationalise the gambling institutions in this country as one of the ways in which we could get more funds, and such funds to be used for the benefit of the majority of the people in this country, especially the poor people; and one way in which this money could be utilised is to allocate it to the Ministry of Social Welfare.

6.25 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya cuma suka menjawab secara rengkas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta di atas cadangan beliau supaya Genting Highlands dan Empat Ekor dinationalisekan. Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa negara kita adalah mengamalkan dasar perdagangan yang bebas dan adalah berhak kepada mana-mana pihak yang menubuhkan institusi-institusi perniagaan untuk menjalankan apa sahaja perniagaan yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $991,732 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua, dan wang sebanyak $52,129,573 untuk Kepala P. 16 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974.

Kepala B. 17 (Jadual Kedua)—

6.27 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1974 berjumlah $350,000 di bawah Kepala B. 17 supaya diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual, Peruntukan Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1974 sebanyak $350,000 di bawah Kepala B. 17 itu adalah dikehendaki sebagai sumbangan Kerajaan kepada Persatuan Menembak Kebangsaan bagi membolehkan Persatuan itu menganjurkan Kejohanan Menembak Asia yang ketiga dengan sempurnanya.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan itu dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $350,000 untuk Kepala B. 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 19 (Jadual Pertama)

Kepala B. 19 (Jadual Kedua)

Kepala B.22 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974)—

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan supaya peruntukan tambahan sejumlah $74,753,800 di bawah Kepala Bekalan 19, Kementerian Pertahanan, seperti mana yang terbentang dalam Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran-anggaran Tambahan Keempat untuk Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1973, diluluskan.

Dalam mengemukakan Anggaran Tambahan Keempat bagi tahun 1973 untuk Anggaran Belanja Mengurus Kementerian Pertahanan sejumlah $74,753,800, sukacitalah saya menyatakan bahawa jumlah ini diperlukan sebagai tambahan kepada Pecahan Kepala Gaji dan Elaun.

Tuan Pengerusi, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, laporan Sheikh Abdullah berkaitan dengan tanggagaji anggota-anggota Angkatan Tentera telah diterima pada pertengahan tahun 1972, sesudah Anggaran Belanjawan 1973 disediakan. Dengan adanya pindaan kepada tanggagaji yang baru maka peruntukan yang disediakan didapati tidak cukup. Tambahan

ini juga diperlukan untuk bayaran gaji tambahan anggota tentera kesan penubuhan yunit-yunit yang baru.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1974
DAN
Anggaran Pembangunan Tambahan—Bilangan Tiga Tahun 1974

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan peruntukan tambahan sebanyak $187,400,000 di bawah Kepala Bekalan 19, dan tambahan sebanyak $36,044,000 di bawah Kepala Pembangunan 19, Kementerian Pertahanan seperti yang dibentangkan dalam Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Tambahan Ketiga untuk Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1974, diluluskan.

Dalam mengemukakan Anggaran Tambahan Ketiga bagi tahun 1974 untuk Anggaran Belanja Mengurus sebanyak $187,400,000 sukacitalah saya menyatakan bahawa tambahan ini diperlukan untuk Pecahan-pecahan Kepala di bawah: Butiran-butiran Am Gaji, Perkhidmatan & Bekalan, dan pembelian Harta Modal.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan yang diminta di bawah Butiran Am Gaji berjumlah sebanyak $105,000,000 adalah untuk menanggong tambahan-tambahan gaji kakitangan angkatan tentera berkaitan dengan penglaksanaan lapuran Sheikh Abdullah. Walaupun lapuran berkenaan telah diterima pada pertengahan tahun 1972 akibat sepenuhnya tidaklah diketahui sehingga tahun 1974. Tambahan juga adalah diperlakukan untuk pembayaran bonus, elaun bantuan khas dan bagi menampung pertambahan perjawatan. Tambahan yang diminta di bawah Butiran Am Perkhidmatan dan Bekalan sejumlah $29,400,000 adalah untuk tambahan di bawah Pecahan-pecahan Kepala 2100—Perjalanan dan Pengangkutan Orang, 2200—Pengangkutan Barang-barang, 2400—Perkhidmatan Api, Air dan Letrik dan 2700—Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan. Tambahan yang diminta di bawah Pecahan-pecahan Kepala 2100 dan 2200 adalah juga berkaitan dengan penglaksanaan Lapuran Sheikh Abdullah kerana anggota-anggota tentera yang menjalankan tugas keluar pejabat adalah berhak menuntut elaun-elaun yang terlebih tinggi, iaitu sama dengan anggota-anggota awam Kerajaan yang lain-lain. Anggota-anggota tentera yang dikehendaki berpindah, sekarang berhak mendapat bayaran pemindahan. Tambahan yang diperlukan di bawah Pecahan-kepala 2400 adalah disebabkan kenaikan kadar bayaran letrik dan juga bertambahnya bilangan perumahan samada untuk kediaman atau pejabat bagi kegunaan anggota-anggota Kementerian Pertahanan. Tambahan untuk Pecahan-kepala 2700 adalah semata-mata untuk menanggong kenaikan harga bahan-bahan terutama bekalan makanan dan minyak. Di bawah Butiran Am Pembelian Harta Modal peruntukan tambahan sebanyak $53,000,000 adalah diperlukan untuk Pecahan-kepala 3100 iaitu untuk menjalankan sebahagian bayaran pembelian alat-alat kelengkapan yang diperlukan oleh angkatan tentera seperti kereta pejuang Komandu V150, kapalterbang-kapalterbang pengangkutan dan latihan.

Tuan Pengerusi, inginlah juga saya menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan memerlukan peruntukan tambahan di bawah Kepala Pembangunan sebanyak $36,044,000 untuk Pecahan-pecahan Kepala 13—Pembelian Kapal-kapalterbang dan 32—Bantuan Berjenis dari Kerajaan Jepun. Kerajaan telah membeli 16 buah kapalterbang pejuang F5 melalui pembelian penjualan keredit Amerika dengan harga sebanyak $111 juta. Daripada jumlah ini sebanyak $70 juta adalah dikehendaki dalam tahun 1974 berdasarkan kepada "promissory note" yang telah ditandatangani oleh Kerajaan. Oleh kerana tidak ada peruntukan dalam Anggaran Pembangunan 1974, peruntukan sebanyak $36 juta adalah dikehendaki manakala bakinya sebanyak $34 juta boleh diperolehi dari peruntukan lain yang sedia ada secara pindah peruntukan. Berkaitan Pecahan-kepala 32, Kerajaan Jepun telah memberikan bantuan berjenis yang merupakan kelengkapan "haiderografi" bernilai $44,000. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan 9/1967, nilai pemberian hendaklah didebitkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Oleh itu satu Pecahan-kepala baru iaitu Pecahan-kepala 32 telah diujudkan dan peruntukan sebanyak $44,000 adalah dikehendaki hanya untuk mengakaunkan nilai pemberian dari Kerajaan Jepun itu.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1975

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan peruntukan tambahan sebanyak $127,085,400 di bawah Kepala Bekalan 22 Kementerian Pertahanan seperti yang terbentang dalam Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1975, diluluskan.

Peruntukan tambahan yang diminta bagi Kementerian Pertanian sebanyak $127,085,400 itu adalah untuk menanggung perbelanjaan-perbelanjaan tambahan di bawah Butiran-butiran Am Gaji, Perkhidmatan dan Bekalan, Pembelian Harta Modal, Pemberian dan Pembayaran Tetap.

Di bawah Butiran Am Gaji, tambahan sebanyak $40,000,000 adalah diperlukan untuk membiayai pembayaran bonus dan elaun bantuan khas kakitangan. Di bawah Butiran Am Perkhidmatan dan Bekalan tambahan sebanyak $24,000,000 adalah diperlukan untuk Pecahan-kepala 2700 untuk menanggung kenaikan harga bahan-bahan bekalan terutama bahan-bahan makanan minyak. Di bawah Butiran Am Pembelian Harta Modal tambahan sebanyak $65,000,000 adalah diperlukan untuk Pecahan-kepala 3100 untuk pembayaran sebahagian dari pembelian kapalterbang pengangkutan dan juga lain-lain alat kelengkapan seperti helikopter, kapal pengukur dan meriam pertahanan udara aras rendah yang diperlukan oleh Angkatan Tentera. Di bawah Butiran Am Pemberian dan Pembayaran Tetap tambahan adalah diperlukan untuk Pecahan-kepala 4100 iaitu sebanyak $85,400. Tambahan ini adalah merupakan tambahan sumbangan Kerajaan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk kumpulan wang pembangunannya berasaskan kepada pemberian sebanyak $2 bagi tiap-tiap derma yang dapat dipungut oleh Persatuan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan.

6.39 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengambil bahagian dalam perbahasan ini di bawah Kepala P. 19, Pecahan-kepala 13—Pembelian Kapal-kapal Terbang F.5. Saya juga suka menimbulkan dua perkara sahaja berhubung dengan perkara ini, yang pertama dalam soal pembelian. Kita tahu daripada berita-berita bahawa syarikat yang menjualkan kapalterbang ini Syarikat Northrop, dikatakan ada terlibat di dalam amalan-amalan rasuah di beberapa buah negara seperti di Amerika Latin dan di Asia bagi menjual kapalterbang-kapalterbang mereka kepada negara-negara tertentu. Saya tidaklah hendak menyentuh secara mendalam perkara ini, cuma umum sahaja. Saya sukalah mengingatkan, mudah-mudahan bahawa pembelian yang dilakukan oleh negara kita untuk mendapatkan kapalterbang jenis ini dari syarikat yang saya telah sebutkan tadi tidaklah dengan cara terlibat dengan sebarang perbuatan rasuah. Terutama sekali jika sekiranya kita pada masa yang akan datang barangkali akan menambahkan lagi bilangan-bilangan kapalterbang bagi jenis ini maka cara kita membelinya, negotiation yang dijalankan hendaklah dengan cara yang bersih kerana jika perkara ini timbul dan pecah kepada berita dan tersebar di seluruh dunia tentulah merupakan satu skendal yang merbahaya.

Yang kedua ialah penggunaannya. Kita tahu kapalterbang-kapalterbang jenis F—5 ini adalah satu jenis kapalterbang yang penggunaannya sangat sophisticated dan kita dapati daripada berita-berita, daripada sumber-sumber yang sampai bahawa kapalterbang ini beratus-ratus buah, kalau tidak salah saya lebih kurang 400 buah itu telah tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh Tentera Udara Vietnam Selatan waktu mereka menghadapi kemaraan kominis baharu-baharu ini. Sebab-sebab utama barangkali ialah kerana mereka itu menghadapi kerumitan untuk mendapat alat-alat ganti dan juga kerana penggunaan-penggunaannya yang sophisticated yang saya katakan tadi yang barangkali berkehendak kepada kumpulan-kumpulan penasihat daripada Angkatan Tentera Udara Amerika sendiri. Jadi kita, apabila kita membeli dan akan menggunakan kapalterbang jenis ini kita mesti menentukan bahawa dua masaalah ini kita akan dapat atasi dengan sendiri supaya kapalterbang ini jika kita hendak gunakan sepenuhnya di dalam masa peperangan barangkali kita berkehendakkan alat-alat gantinya dengan serta-merta. Persediaan ini hendaklah diadakan supaya kita tidak akan tergendala untuk mendapatkan

alat-alat ganti di masa peperangan dan begitu juga kita janganlah bergantung kepada kumpulan-kumpulan penasihat dari Angkatan Tentera asing untuk menjalankan atau melaksanakan, menggunakan kapal-terbang jenis ini. Jika kita membelinya mestilah kita dapat menggunakan 100% dan biarlah orang yang menggunakannya terdiri daripada Angkatan Tentera Udara Di Raja kita sendiri. Jika perlu latihan-latihan yang mencukupi mestilah diadakan dengan sedaya upaya walaupun terpaksa barangkali menggunakan perbelanjaan yang lebih kerana tidak ada gunanya kita membeli kapal-terbang ini tetapi bila kita menghadapi sesuatu keadaan genting kita tidak dapat menggunakannya 100%. Sekian, terima kasih.

6.45 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Beruas): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap sepatah dua berkenaan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1973, 1974 dan 1975. Di sini saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat rengkaskan ucapannya sedikit!

Tuan Su Siang Yu (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, referring to Kepala B. 19, subhead 1100 (2)—Perkhidmatan Tentera—I can see an additional sum of $74,753,800 being needed for general administration for the year 1973. Also, in 1974, under Head P. 19, subhead 13, Purchase of Planes, as much as $36,000,000 is needed for the purchase of fighter planes. Then, for the year 1975, under Head B. 22, subhead 1100 (4), Latihan, an additional sum of $28,893,000 is needed for training purposes.

Sir, first of all, I would like to touch on Head B. 19, Army Service. We all appreciate the efforts of our Malaysian Army in safeguarding the citizens of this country from internal aggression posed by undesirable subversive elements. However, in the service of our Malaysian Army we are only too unhappy over the overall selection of one particular group to serve in the Army. Sir, the non-Malays are only too eager to help their mother country against internal aggression, for they too are patriotic citizens of their cherised Malaysia if given the chance to do so. At present, there are very few non-Malays in the Army and I would like to caution the Government against adopting such a segregation policy which will only create apathy and anti-feeling among the other races. Therefore, efforts must be made to absorb more non-Malays to serve in the Army as it is the equal responsibility of all, not of one race to defend the country against aggression and interference.

Touching on Head P. 19, subhead 13, in respect of the purchase of fighter planes, I am inclined to mention that the Government must look into immediate needs before spending millions of dollars on prestigious projects. For instance, Mr Chairman, Sir, though our country must have a strong force to defend itself against any aggression, however the era of 1975 and onwards must be seen as a "peace period", and we must be careful not to spend too much on the defence alone as it would be highly undesirable to the citizens at large. The purchase of Mirage planes and fighter planes will not guarantee us the safety that we would expect. More attention ought to be given in terms of priority for establishing diplomatic and cordial relations between neighbouring countries. The Government must now awake to the changing era and pursue its neutralisation policy of non-interference rather than turning its attention to the defensive and offensive side.

Finally, I would urge the Government to send more forces to Grik where the East-West Highway is under way now. Sir, we hear frequently of Communists sabotaging our development projects in the Grik area. Not only casualties have occurred in terms of human lives, but also there have been losses of millions of dollars with the destruction of bulldozers and other expensive machineries. Sir, we must not be perturbed over such activities. We must now alert ourselves and mobilise our forces all round to fight these aggressors who are against progress. Therefore, it is desirable that more troops be sent to these areas so as to safeguard and provide adequate protection to those helping towards the project. This is necessary as there are a lot of young Malaysians and foreigners who are working on the project.

6.49 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu menyokong di atas perbelanjaan tambahan. Tetapi bagaimanapun saya ingin juga menyoal beberapa perkara dalam menggunakan peruntukan-peruntukan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Yang Pertama, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 19 Pecahan-kepala 1100, 1200 dan 1300 iaitu berkenaan dengan kenaikan pangkat. Saya kurang faham mengapa seorang pegawai tinggi itu apabila kita tahu 2-3 bulan dia hendak bersara kita naikkan pangkat. Ini satu perkara yang saya tidak faham, apakah faedah kepada Kementerian Pertahanan menaikkan pangkat kepada seorang pegawai itu apabila kita sendiri tahu bahawa pegawai itu akan bersara 2-3 bulan sahaja lagi. Ini pada fikiran saya ialah satu cara membazirkan wang Kerajaan.

Lagi satu perkara yang saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah berkenaan gaji. Kita beri gaji kepada pegawai dan kepada askar-askar kita dan kita berharap supaya kecekapan mereka seimbang. Kerapkali pada ketika ini kita dengar askar-askar kita telah jadi mangsa pengganas kominis, mungkin ini kita boleh sebut sebagai takdir, tetapi mungkin juga mereka ini kurang cekap dalam bidang perjuangan, perlawanan dalam hutan. Sebagaimana kita sedia maklum hutan itu ialah neutral dia tidak masuk sebelah siapa. Jadi, pihak yang cekaplah yang berjaya. Saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengkaji semula sistem latihan askar-askar kita dan saya juga menyeru Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji samada mustahak atau tidak askar-askar kita dan Polis Hutan dan askar ialah satu iaitu mencari musuh di dalam hutan. Dari segi latihan, saya juga kurang faham mengapa pula askar kita dikehendaki dihantar keluar negeri, misalnya Satu Kompeni (askar) untuk mengambil bahagian dalam latihan tentera di negara luar. Apakah kita belum cukup pengalaman, belum mahir dalam bidang perjuangan dalam hutan. Dan kalau askar-askar kita dihantar ke luar negeri mana keadaannya sama macam kita, mungkin ini ada sebab, tetapi kalau kita hantar Satu Kompeni askar kita ke New Zealand ataupun Australia untuk mengambil bahagian dalam latihan, saya ingat ini satu perkara atau satu jalan untuk membazirkan wang Kerajaan, kerana dengan ini melibatkan perbelanjaan pengangkutan dan sebagainya. Kita telah mengalami, kita telah mempelajari dalam masa dharurat cara-cara guerilla warfare. Jadi, mengapa pula kita hendak hantar askar-askar kita pergi ambil peranan dalam bahagian latihan di luar negeri di mana keadaan tempatnya tidak sesuai dengan tempat kita. Ini satu perkara yang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengkaji semula samada wajar atau tidak.

Pecahan-kepala 2700 peruntukan sebanyak $53 juta bagi sebahagian pembayaran kereta pejuang Commando V-150. Apakah perlu kita membazirkan begitu banyak wang Kerajaan dan tidak perlu kita cari jalan lain untuk melengkapi askar-askar kita pada hal kita tahu apabila tentera Jepun melanggar negara kita dan menewaskan askar British, askar ini cuma datang dengan basikal sahaja. Apakah kita perlu kereta-kereta kebal, mungkin kapalterbang Herculis C 130 ini mustahak. Ini saya sokong kerana ini ialah sebagai troop career. Tetapi membuang wang Kerajaan sebagaimana yang disentuh oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Besut. Bahawa Kapalterbang F-5 ini ialah satu cara kalau tidak silap saya lebih kurang berharga $7 juta, bagi sebuah kapalterbang. Wajarkah atau tidak kita menetapkan $7 juta kepada seorang manusia untuk menjalankan yang mana mungkin menimbulkan apa-apa kemalangan samada dengan perbelanjaan begitu besar dapat mengkukuhkan tentera-tentera kita ataupun sebaliknya. Adakah lebih baik wang begitu banyak digunakan untuk membeli helikopter yang moden yang sesuai untuk berkhidmat di dalam hutan belantara.

Sebagaimana kita sedia maklum, kapalterbang-kapalterbang yang besar-besar ini yang sophisticated digunakan di Vietnam oleh askar Amerika, sungguhpun begitu tidak juga askar-askar Vietcong ditewaskan. Jadi saya sekali lagi menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apabila Dewan yang mulia ini meluluskan begitu banyak wang Kerajaan (wang rakyat) berwaspadalah apabila menggunakan wang ini, janganlah wang ini diberi kepada mereka yang 2-3 bulan lagi hendak pencen dinaikkan pangkat. Janganlah wang itu digunakan untuk membeli jentera-jentera atau kenderaan-kenderaan yang tidak sesuai dalam

negeri kita dan janganlah wang itu digunakan untuk menghantar askar-askar kita pergi latihan perang di luar negeri di negeri yang tidak sesuai langsung yang tidak ada berkaitan langsung dengan negara kita.

6.56 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit di bawah Kepala P. 19 berhubung dengan pembelian 16 buah kapalterbang pejuang F5. Di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I think these planes were bought not so much from the defence point of view but more from the prestige point of view because, as I see it, although we need an airforce of some sort, we do not require supersonic planes nowadays, especially as the Honourable Prime Minister has said that we live in a neutral area of South-East Asia and the question of conventional warfare with neighbouring countries is very remote. Therefore, this money, where $6 million or more is to be spent on one plane and a total sum of $111 million is involved, I think is a gross waste of public funds which could have been better used, in terms of priority, for economic development, educational advancement of the people and, if necessary, even for defence purposes in other spheres. If we must buy planes, buy planes which are of use to us. I think we are relying more on helicopters which can be used to prevent smugglers from getting through to our shores and also to prevent pirating of the ships of our poor fishermen who are constantly being harrassed and deprived of their livelihood and also to recounoitring our seas especially the big, wide sea between East Malaysia and West Malaysia. These helicopters could also be used for air rescue services of people on ships adrift in the seas and things like that, or even for more humane uses like for rural people in remote areas who require medical aid urgently, these helicopters could be used to airlift them to the nearest hospital.

Therefore, I would urge that while the country has been committed to use $111 million to buy these 16 supersonic jet fighters, I hope the Government in future will take note that while we require some sort of defence, we do not require to buy prestige planes but something more useful and that the money which the people have given to the Government should not be used improperly.

7.00 mlm.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kementerian Pertahanan, Kepala B. 19. Saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada Lapuran-lapuran Juru Odit Negara di masa-masa yang lalu berkenaan dengan teguran-teguran yang dibuat di dalam Kementerian Pertahanan ini.

Di dalam Lapuran yang tersebut ada tercatit berkenaan dengan penyelewengan di dalam pembelian-pembelian alat-alat senjata untuk negara kita dibuatkan oleh pegawai-pegawai kita. Barangkali kita menghadapi musuh sebagaimana kata sahabat saya di sebelah sana bahawa pembelian-pembelian bekalan dan bahan-bahan senjata dan lain-lainya hendaklah dibuat dengan begitu teliti pada masa hadapan. Walaupun dahulu pembelian-pembelian ini hanya dibuat oleh pegawai-pegawai yang dihantarkan oleh Kementerian Pertahanan dan hasilnya telah menjadi teguran di dalam Lapuran Juru Odit Negara. Kita berkehendakkan di masa-masa hadapan bahawa pembelian ini dibuat kepada senjata-senjata ataupun peluru senapang dan juga kapal-kapal terbang yang sophisticated yang sesuai dengan pemberian wang yang diluluskan di dalam Dewan ini terhadap senjata-senjata yang kita telah beli itu. Saya bercakap ini dengan kerana bukan sahaja yang saya dapat ketahui daripada Lapuran Juru Odit Negara itu bahkan juga perkara-perkara yang didatangkan dari pihak Ahli-ahli Pasukan Bersenjata yang mengatakan bahawa senjata-senjata yang digunakan oleh mereka itu barangkali out-of-date. Jadi inilah satu kemalangan pada negara kita apabila kita berhadapan dengan musuh-musuh yang mempunyai senjata-senjata yang lebih baik daripada kita. Saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian yang berat daripada pihak Kementerian yang tersebut dalam menggunakan wang yang banyak untuk perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan kepada negara kita.

7.02 mlm.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Pengerusi, saya ucapkan

berbanyak-banyak terima kasih atas pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada petang ini.

Pertama sekali Ahli Yang Berhormat dari Besut telah membangkitkan mengenai dengan pembelian kapalterbang F5 ini daripada syarikat Northdrop. Beliau mengatakan syarikat ini terlibat di dalam rasuah dengan negara-negara lain. Ingin saya mengatakan di sini berkenaan dengan pembelian kapalterbang F5 ini, saya suka memaklumkan bahawa sepanjang yang saya ketahui pembelian kapalterbang ini adalah dijalankan dengan secara bersih.

Berkenaan dengan penggunaan kapalterbang F5, TUDM tidak bergantung atas penasihat-penasihat luar negeri. Tentera Udara Di-Raja Malaysia sendiri yang menyelenggarakan kapalterbang itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bruas telah membangkitkan bahawa sedikit sahaja bilangan yang bukan Melayu di dalam tentera Malaysia kita. Ingin saya mengatakan bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat itu tidak betul. Yang sebenarnya ramai juga yang bukan bumiputra di dalam tentera kita sungguhpun saya tidak dapat memberikan angka-angka kerana sebab-sebab keselamatan.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan berkenaan dengan kenaikan pangkat pegawai yang akan bersara. Untuk menjelaskan kenaikan pangkat itu ialah bagi mengenangkan jasa dan perkhidmatan yang telah berpuluh-puluh tahun seseorang itu telah berkhidmat. Saya rasa patut sangatlah kenaikan pangkat itu diberi sebagai memegang jasanya itu.

Mengenai dengan latihan yang baru-baru ini dijalankan di luar negeri ialah dalam jangka kerjasama dengan negara New Zealand. Latihan yang dimaksudkan itu ialah exercise. Berkenaan dengan perbelanjaan adalah ditanggung oleh negara yang menjemput dan bukannya ditanggung oleh Kerajaan Malaysia kita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban ada menyentuh mengenai pembelian kapalterbang F5 juga. Beliau mengatakan pembelian ini adalah membazir dan adalah hanya untuk prestige sahaja. Untuk menjelaskan kapalterbang F5 ini adalah kapalterbang pejuang untuk pertahanan udara. Kalau tidak ada kapalterbang seperti itu, kita tidak ada cara hendak menentukan jika ada penyeludupan ataupun penerbangan musuh di udara Malaysia. Esok kalau sekiranya ada penerbangan haram di udara Malaysia, Kementerian Pertahanan akan dikritik kerana tidak membuat apa-apa persiapan. Pembelian kapalterbang ini adalah langkah persiapan.

Ahli Yang Berhormat daripada Baling telah membangkitkan bahawa adanya penyelewengan di dalam pembelian bekalan senjata. Inginlah saya memberikan assurance di sini bagaimana yang saya ketahui bahawa pembelian senjata-senjata ini adalah berdasarkan kepada nasihat-nasihat daripada pakar-pakar yang ada di Kementerian Pertahanan ini. Sekian.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $74,753,800 untuk Kepala B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak $187,400,000 untuk Kepala B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak $127,085,400 untuk Kepala B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; dan wang sebanyak $36,044,000 untuk Kepala P.19 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3), 1974.

Kepala B. 20 dan B. 21 (Jadual Pertama)

Kepala B. 20 dan B. 21 (Jadual Kedua)

Kepala B. 23 dan B. 24 (Jadual Ketiga)—

7.10 mlm.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak $65.95 juta di bawah Kepala Bekalan 20—Kementerian Pelajaran, dan sebanyak $28.59 juta di bawah Kepala Bekalan 21—Jabatan Pelajaran Malaysia Timor, dimasukkan dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat tahun 1973.

Di bawah Kepala Bekalan 20—Kementerian Pelajaran, jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak $65.95

juta itu adalah bagi membayar gaji guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah rendah dan menengah oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak $631.8 juta adalah didapati tidak mencukupi disebabkan oleh peruntukan gaji guru-guru dan kakitangan sekolah telah kurang diperuntukkan.

Di bawah Kepala Bekalan 21—Jabatan Pelajaran Malaysia Timor, peruntukan tambahan yang diperlukan sebanyak $28.59 juta itu adalah bagi membiayai bayaran tunggakan gaji dan gaji guru dan kakitangan dalam Perkhidmatan Pelajaran Sarawak berikutan dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1973.

Keterangan-keterangan lanjut bagi peruntukan tambahan yang diperlukan ini terdapat pada mukasurat-mukasurat 4 dan 5 dalam Kertas Perintah 12 Tahun 1975, Memorandum Perbendaharaan Berkenaan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1973.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan-penerangan di atas, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak $146.28 juta di bawah Kepala Bekalan 20—Kementerian Pelajaran, dan sebanyak $23.80 juta di bawah Kepala Bekalan 21—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah, dimasukkan dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1974.

Di bawah Kepala Bekalan 20—Kementerian Pelajaran, peruntukan tambahan sebanyak $146.28 juta yang diperlukan itu adalah terdiri daripada $117.59 juta bagi perbelanjaan membayar gaji dan bonus guru-guru dan kakitangan-kakitangan di sekolah-sekolah rendah dan menengah, kerana peruntukan yang telah disediakan sebanyak $455.98 juta bagi tahun 1974 adalah tidak mencukupi; sebanyak $12.69 juta adalah diperlukan bagi membiayai pembayaran gaji, bonus dan pendahuluan gaji bagi satu bulan setengah kepada kakitangan badan-badan berkanun di bawah Kementerian ini mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 1974; dan sebanyak $16 juta lagi adalah bagi membiayai Rancangan Buku-buku Teks untuk dipinjamkan kepada murid-murid yang ibubapa mereka berpendapatan rendah.

Di bawah Kepala Bekalan 21—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah, peruntukan tambahan yang diperlukan sebanyak $23.80 juta itu ialah bagi membayar gaji, elaun-elaun dan bonus kepada kakitangan-kakitangan Jabatan dan bagi membayar gaji dan tunggakan-tunggakan gaji kepada guru-guru berikutan dengan perlaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1974 bagi Jabatan Pelajaran Sabah dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1974 bagi Jabatan Pelajaran Sarawak.

Keterangan-keterangan lanjut bagi peruntukan tambahan yang diperlukan ini terdapat pada muka surat 18, 19 dan 20 dalam Kertas Perintah 14 Tahun 1975, Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1974.

Dengan penerangan-penerangan di atas, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon juga mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak $49.69 juta di bawah Kepala Bekalan 23—Kementerian Pelajaran, dan sebanyak $3.0 juta di bawah Kepala Bekalan 24—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah, dimasukkan dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1975.

Di bawah Kepala Bekalan 23— Kementerian Pelajaran, peruntukan tambahan sebanyak $49.69 juta yang diperlukan itu adalah terdiri daripada $22.96 juta bagi perbelanjaan membayar gaji, bonus dan tunggakan gaji kepada kakitangan-kakitangan badan-badan berkanun, berkaitan dengan perlaksanaan Suruhanjaya Gaji Harun; sebanyak $1.028 juta diperlukan bagi pembiayaan penyusunan semula Fakulti Sains di Universiti Malaya; dan sebanyak $25.7 juta lagi adalah bagi membuat bayaran atas pembekalan buku-buku teks di bawah Rancangan Pinjaman Buku Teks Tahun 1975.

Di bawah Kepala Bekalan 24—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah, peruntukan tambahan sebanyak $3.0 juta adalah diperlukan bagi membiayai pembayaran gaji dan bonus guru-guru di sekolah-sekolah Rendah Kerajaan di Sarawak oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak $13.2 juta telah kurang diperuntukkan dan juga tidak termasuk peruntukan bagi bayaran bonus.

Keterangan-keterangan lanjut bagi peruntukan yang diperlukan ini terdapat pada muka surat 15, 16 dan 17 dalam Kertas Perintah 16 Tahun 1975, Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1975.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan-penerangan di atas, saya mohon mencadangkan.

7.17 mlm.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit atas cadangan Kementerian Pelajaran ini, pertamanya dalam Kepala B. 23 dengan ini juga saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman under Kepala B. 23 Pecahan-kepala 4100, we are asked to approve a supplementary expenditure of $25.7 million and I would only refer to the section on Buku-buku Teks. The reason that is given in this Paper, Sir, is that the expenditure is required because of the delay in the delivery of textbooks. The delay is still with us and my point is a simple one, that is, it is our hope that the Ministry responsible will make every effort to solve the problem of this delay of delivery of textbooks because—I need not emphasise it—of the obvious difficulties that it has caused.

Secondly, Sir, also in connection with the textbooks system, the textbook system is aimed to provide subsidy help for those who need them. Unfortunately, there have been cases that have been publicised in the papers where some people who might not necessarily be in need of subsidy do get allotted with the subsidy of textbooks. Now, it is our privilege in this House, Sir, to urge the Minister responsible and the Ministry to try and tighten whatever system that is being devised to ensure that those who are of the group that should be helped are being helped.

Now, the next item that I would touch, also briefly, is on Kepala B. 24, Pecahan-kepala 1100, regarding Gaji dan Upahan di Jabatan Pelajaran, Sarawak dan Sabah. Here we are requested to approve an additional expenditure of $3 million for payment of teachers' salaries. Now, one of the problems in Sarawak, and I am sure also in Sabah, is that the condition in rural schools, Sir, is very appalling. I am sure the Minister himself is aware of this, as I am sure that he has also visited these areas, but I would urge him and others in the Ministry who are responsible for Education, to make more frequent visits not to the cities but to the real interior of the country because it would be difficult for me to describe in this House what the exact condition is without the Ministers responsible themselves seeing for themselves.

The conditions in rural schools are so appalling that I think it is only a token of appreciation on the part of the Government for one thing to provide additional incentives to induce good teachers to teach in rural education. One of the items I would propose for consideration is that at the moment I know that teachers teaching in rural schools living in sub-standard quarters are also required together with the others teaching in urban schools to pay 10% of their salaries for housing accommodation. I think it is a minimum incentive that we can consider to waive this requirement.

The other problem of education that I see is that now we are trying to emphasise the importance of science. Unfortunately in many of these schools, science teachers are a breed of men whom we see rather infrequently.

The other item that I would urge is that I am being informed—I think this information is correct—that from the beginning of this year, some school children in Sarawak, who attend Bahasa Malaysia stream, are rightly given incentives by being waived 100% of their school fees if they attend Government and Government-aided schools. I think this is, of course, a very good move in order to induce people to study Bahasa Malaysia. Unfortunately, those who pursue education in the English medium are given only 10% rebate. Now, a lot of the rural parents are poor parents, and unfortunately with the limited number of Bahasa Malaysia teachers that we have—this is a matter of logistic and it is a matter of practical implementation that it might be worth considering giving those attending English medium schools a higher rebate than what is being given at 10%.

Now, I do not propose to waste more of the time of this House Sir, as I know time is very limited. But the only general comment I would urge again on the Ministry is to look at the conditions of rural education system, especially in a State like Sarawak, with a great urgency because it is only when

education in the rural areas is improved more than it is now can we hope that improvements in these areas, in all fields, will have the chance of succeeding.

7.20 mlm.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil bahagian bercakap berkaitan dengan Kementerian Pelajaran ini mengenai masaalah dan kerumitan berkenaan dengan pelajaran di luar bandar yang serupa sahaja di mana-mana masaalahnya yang timbul, dan saya percaya juga memang sukar bagi Kementerian ini bagi mengatasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini terpaksa disebutkan pelajaran di luar bandar memang tidak dapat dinafikan tidaklah begitu sejajar sebagaimana yang ada berjalan dengan begitu baik di dalam bandar ini.

Perkara yang pertama berkenaan dengan guru-guru di luar bandar, terutama di kawasan saya banyak terdapat di antaranya guru-guru sementara, lebih banyak guru-guru sementara itu ditempatkan di sekolah-sekolah rendah. Perkara ini diharap Kementerian ini supaya dapat dengan daya-usahanya buat adjustment pada menempatkan guru-guru, kerana banyak guru-guru yang qualified ada pada satu-satu sekolah.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan buku teks. Sungguhpun pada dasarnya dibahagikan untuk orang-orang yang berpendapatan rendah, tetapi diharap Kementerian ini supaya dapat memberi arahan tegas kepada guru-guru besar supaya dapat menjalankan arahan itu yang boleh mendapat bantuan ialah orang-orang yang berpendapatan rendah, dan perkara pilih kasih patutlah disingkirkan dan tidak diamalkan.

Seperkara lagi berkenaan dengan bangunan-bangunan sekolah, misalnya di kawasan saya ada banyak lagi sekolah-sekolah dari bangunan lama dan ini sudah merupakan merbahaya kepada murid-murid yang belajar di tempat itu. Sungguhpun kajian dari pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran membuat siasatan dan lapuran, tetapi sudah bertahun-tahun keadaan itu begitu sahaja. Jadi, saya suka menarik perhatian Kementerian ini, mudah-mudahan sekolah-sekolah itu dapat digantikan dengan secapat mungkin. Facilitiesnya begitu juga memanglah jauh terkebelakang dan banyaklah kelemahan-kelemahan dalam perkara ini didapati di sekolah-sekolah luar bandar.

Saya berharap segala perkara yang berkaitan dengan pelajaran di luar bandar ini Kementerian dapat memberikan sepenuh perhatian supaya murid-murid di luar bandar itu dapat berasingan dengan yang ada di bandar itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

7.28 mlm.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap tentang Kepala B. 20 Kertas Perintah 14, Pecahan-kepala 4100 tentang perbelanjaan untuk universiti-universiti kita. Di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini saya berpendapat Kementerian Pelajaran baru-baru ini telah mengeluarkan satu arahan iaitu pelajar-pelajar yang ingin memasuki universiti-universiti kita yang mendapat kelulusan H.S.C. daripada Singapura, sebenarnya di Singapura mereka bukan kata H.S.C. tetapi mereka kata G.C.E. "A" level. Pelajar-pelajar yang didapati G.C.E. "A" level diletak di dalam satu senarai dan pelajar-pelajar yang ingin memasuki universiti kita yang dapat H.S.C. daripada sekolah-sekolah di Malaysia diletak di dalam satu senarai. Dan arahan daripada Kementerian Pelajaran ialah semua pelajar-pelajar yang ingin memasuki universiti kita yang lulus daripada sekolah di Malaysia diberi peluang dahulu, kemudian pelajar-pelajar Malaysia yang pergi belajar ke Singapura dan dapat G.C.E. "A" level selepas itu boleh diberi peluang. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dapati G.C.E. "A" level tidak langsung ada peluang untuk memasuki universiti kita, oleh sebab ada satu tempat barangkali 10 di dalam Fakulti Perubatan, barangkali 20 orang menunggu satu tempat; semua ada kelayakan yang sesuai.

Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran, pelajar-pelajar yang pergi belajar ke Singapura dan mengambil peperiksaan G.C.E. di sana bukan mereka tidak taat setia kepada tanahair kita, mereka miskin, mereka

mencapai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan M.C.E. dan dapat ASEAN Scholarship. Kalau mereka diberi tempat sekolah di Malaysia tidak ada kemampuan untuk melanjutkan pelajarannya di dalam H.S.C., mereka terpaksa menerima biasiswa ASEAN daripada Kerajaan Singapura dan mereka pergi belajar ke sana dan selepas itu mereka balik ke tanahair kita dan ingin memasuki universiti-universiti kita.

Saya tahu oleh sebab kebanyakan pelajar-pelajar ini ada berjumpa dengan saya, ada yang dapat 5A, ada yang dapat 4A, ada yang dapat 3A semuanya tidak diberi peluang untuk memasuki universiti kita, melainkan saya berpendapat kalau sekiranya ibubapanya ialah seorang kakitangan Kerajaan dan terpaksa bekerja di Singapura mereka diberi peluang. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengapakah ada diskriminasi kepada pelajar-pelajar Malaysia? Saya bukan kata pelajar-pelajar daripada Singapura, ini semua Malaysian. Kalau kita mengakui kelulusan G.C.E. "A" level daripada United Kingdam umpamanya, mengapa kita tidak terima kelulusan G.C.E. "A" level daripada Singapura? Saya berharap, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh mengkaji perkara ini lagi semula supaya di tahun akan datang pelajar-pelajar yang pergi belajar ke Singapura dapat keputusan G.C.E. "A" level yang cemerlang boleh diberi peluang untuk memasuki universiti kita. Kalau mereka tidak diberi peluang, barangkali mereka boleh dapat biasiswa daripada universiti Singapura, dan ini adalah brain-drain ke Singapura.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berpendapat juga kebanyakan pelajar-pelajar yang dapati biasiswa tidak menerima biasiswa. Ini disebabkan biasiswa dikirim kepada universiti masing-masing lewat dan pelajar-pelajar terpaksa pinjam di sini, pinjam di sana sampai tidak boleh pinjam lagi, dan barangkali nanti menjadi pencuri—lagi susah.

(*Dengan izin*) I hope the Ministry of Education can use its good offices with the Federal Government, with the State Governments or with the other Corporations like MARA, to speed up the issuing of money to the scholarship winners. I do know that in the University of Malaya, for example, we do try to give them some assistance to tide over their time of necessity, but now the funds of the University of Malaya for this purpose of necessity are limited and we can only help a very limited number. The answer lies in the Ministry of Education using its good offices to get the various awarding bodies to send the scholarship money on time to the students in our universities.

Finally, Mr Chairman, Sir, the Ministry of Education has now sent a series of regulations to the various universities, I presume, for consideration to regulate the conduct of the students. I do hope that the Ministry of Education must bear in mind that you do not use a sledge hammer to kill a fly and, to me, quite a number of the conditions that the Ministry of Educations seeks to impose on our rising generation in the universities are, to say the least, absurd; and we do not want to have a situation whereby regulations formulated by the Ministry are foisted and forced on the universities and then are flouted by our students and thereby bringing the Government into disrepute.

7.37 mlm.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dalam Kepala B. 20, Pecahan-kepala 4100.

Tuan Pengerusi, walaupun kita sekali lagi tambah sebanyak $183 juta untuk pembayaran gaji guru-guru dan kakitangan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Semenanjung Malaysia, tetapi saya berasa tidak puas hati dengan keadaan di sekolah-sekolah rendah di tanahair kita oleh sebab dalam sekolah-sekolah rendah kita masih ada ramai guru-guru sementara. Walaupun mereka telah mengajar selama 10 tahun hingga hari ini, tetapi mereka tidak dapat latihan menjadi seorang guru berkelayakan.

Baru-baru ini pada 5hb Julai, ada 2,000 guru-guru sementara dari sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China berkumpul di Kuala Lumpur untuk mengadakan satu mesyuarat perpaduan. Dalam mesyuarat itu saya dan rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada dijemput menghadirinya dan kami dapat mendengar aduan-aduan mereka kepada Kementerian Pelajaran. Kami dari parti DAP sangat bersimpati dengan keadaan mereka dan saya

menyeru di sini supaya Kerajaan mengambil dua tindakan untuk menyelesaikan masaalah mereka, iaitu:

(*a*) Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi satu jaminan bahawa semua guru-guru sementara akan dapat latihan; dan

(*b*) dengan serta-merta Kementerian Pelajaran mengumumkan satu rancangan supaya semua guru-guru sementara dapat menghabiskan latihan dalam 5 tahun supaya dalam semua sekolah-sekolah di tanahair kita tidak ada guru-guru sementara lagi.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, sekarang dalam sekolah rendah jenis kebangsaan China Kerajaan telah menghantar kerani-kerani yang tidak faham bahasa China menjadi kerani-kerani di sekolah tersebut. Inilah satu perkara yang tidak patut dan adil terhadap sekolah-sekolah China. Saya mencadangkan di sini supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi satu arahan kepada semua pegawai-pegawai berkenaan supaya membetulkan perkara ini.

7.40 mlm.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang bercakap di bawah Kepala B. 20, Pecahan-kepala 4100—Gaji Guru.

Tuan Pengerusi, masaalah gaji guru ini kalau saya bercakap seminggupun tidak berhenti-henti tidak akan habis juga, tetapi kali ini saya cuba bercakap kurang daripada 5 minit.

Saya rasa kalau ditubuhkan empat Suruhanjaya lagi pada masa akan datang ini untuk menyelesaikan masaalah gaji guru-guru, jika mengikut dengan cara-cara yang lepas, maka masaalah itu juga tidak akan tamat, melainkan jika petua-petua saya ini diikuti.

Petua-petua saya senang sahaja iaitu semua guru-guru apapun jenisnya yang ada berkhidmat dengan Kerajaan kita di bawah Kementerian Pelajaran Kerajaan Malaysia ini disatukan semuanya di bawah satu katogari sahaja, tidak ada B. 1, B. 2, C. 1, C. 2 dan sebagainya, semua sama sahaja, barulah tidak ada perasaan iri hati, dengki-mendengki antara satu golongan dengan golongan yang lain. Gajinya boleh dibezakan dengan cara point system, misalnya, kalau seorang itu mempunyai kelulusan iktisas beri dia lima point. Kalau dia ada pula kelulusan akademik universiti beri empat point, HSC tiga point, MCE dua point, LCE satu point, kalau tidak ada yang lulus setakat LCE itu dia kosong tentang itu. Begitu juga kalau dia itu memegang jawatan-jawatan penting, pegang jawatan Guru Besar beri tiga point, kalau dia mengajar baik, murid-muridnya sentiasa mendapat kelulusan baik diberi dia satu bintang (star) ataupun kalau dia itu aktif dalam masyarakat umpamanya patut diberi penghargaan, diberi satu bintang lagi. Sepuluh star dapat satu point, dihimpun-himpunkan barulah dikira. Umpamanya, lima point dapat satu increment, kalau sepuluh point dapat dua increment. Kalau dia berpengalaman mengajar setahun dapat satu point, kalau dia boleh hidup 100 tahun mengajar, dapat 100 point, dia boleh dapat gaji sampai berapa ribu pun dengan cara ini, maknanya kita tidak menyekat seseorang guru itu dengan satu-satu kumpulan tertentu supaya mereka tidak meronta-ronta lagi, mereka boleh maju, kalau mereka hendak naik gaji mereka pergi universiti umpamanya. Kalau mereka hendak dapatkan gaji yang lebih lagi tambah point lagi, mereka cuba menjadi seorang guru yang baik sehingga mereka boleh dilantik sebagai Guru Besar. Kalau mereka pula melakukan kesalahan umpamanya diberi amaran berat dipotong pula lima point, jadi kurang pula gajinya. Begitulah keadaannya. Jadi, tidaklah seseorang itu tersekat dan mereka semua jenis guru pun akan merasa satu, tidak ada lagi orang itu cuba hendak banding, bila kita naikkan gaji satu kumpulan, kumpulan lain pula cuba minta hendak naik. Bila naikkan kumpulan ini, kumpulan lain pula cuba minta hendak naik. Jadi sampai bila pun tidak boleh selesai. Ini sahaja petua saya dan saya berasa yakin boleh dilaksanakan, sebab perkara point system ini pernah disebut-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita yang mempunyai kemampuan, kecekapan untuk menyelesaikan masaalah gaji ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang akhir, kemudian Menteri menjawab.

7.44 mlm.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Saya suka menyentuh empat perkara sahaja dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh empat perkara sahaja dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi. I wish to refer to Kepala B. 23, Kertas Perintah No. 16 of 1975, concerning textbooks. For the past few months ever since schools re-opened at the earlier part of this year, the usual complaint from parents, especially poor parents who applied for free textbooks is that their children do not get these textbooks in time. In fact, only two weeks ago, they told me that the textbooks had still not come. They say, "What is the point if after half of the school year has passed the books have still not come? How are our children going to study?" Therefore, they feel that the Government should do something about it and investigate into the matter so that these poor children will not be left behind in their studies. This is a very humane and a very poignant complaint and I hope the Honourable Minister will take note of this, although these people are poor.

Then the other matters which is causing increasing frustration to parents, Tuan Pengerusi, is the question of the annual entries into the universities in Malaysia, Only this year thousands of students who are qualified to enter into the tertiary institutions have not succeeded in getting admission into the universities of this country and into the tertiary institutions. While this may be so, quite a number of them have got very good results, brilliant results in fact, and they would want to know exactly why they have not been selected when they see other students with much less qualifications have been allowed to enter. So, unless the Government has got an answer to create more places if not in the universities, at least in some tertiary institutions or polytechnics or similar schools, so that these students who are qualified can have a chance not only to study but also to contribute to this country, it is going to create a problem. The Government says it is short of manpower, short of science teachers, short of this, short of that, and yet they have students passing the H.S.C. with good results denied of places in the universities and in the very limited number of polytechnic schools. We are supposed to have engineers, technicians, technical assistants, but where are these institutions? We are supposed to start a petroleum industry but how are we going to fill the posts there if we do not have qualified engineers from our own students?

Not only that, the other complaint, which is also written in the news papers—and I have also received quite a few personal complaints by parents on this—is that ASEAN scholars, Malaysians who have been awarded scholarships by Singapore, who have passed with brilliant results with three or four "A"s yet when they apply for places in the universities in Malaysia, their applications are rejected. So you can imagine the frustration of parents when they see their children, who have passed the M.C.E. who have got brilliant results in the H.S.C. Examination or the G.C.E. "A" Level Examination, are yet denied places in universities. Furthermore, when these students apply for sponsorship to go overseas, again there is another block, causing more frustration—sponsorship papers are delayed, time and time again. I have a complaint where they say that although they sent in their applications last year there has been no reply for over a year. So, in the meantime places which were reserved for them in overseas institutions have been taken over by some other students.

So, therefore, I urge the Minister concerned to look carefully into these problems which I have raised and I hope he will do something about them.

7.48 mlm.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran.

Ahli Yang Berhormat dari Kanowit telah bercakap di bawah Kepala B. 23 berkenaan dengan beberapa perkara. Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya akan berucap dalam bahasa Inggersi bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Kanowit.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, with regard to the late delivery of textbooks, nobody is more aware or more disappointed with this happening than myself as the Minister responsible. It should be remembered that this is the first time we have had this free

loan of textbooks and the amount of books involved is very great indeed because we have spent a total of $62 million on textbooks. We are doing this for the first time and we have to formulate some method which will enable us to distribute the textbooks to the people who most deserve these textbooks. In order to do so, we have tried to carry out a census on the income of the various parents involved. Now it is well-known that even the Income Tax Department is not quite able to determine the income of all the people in Malaysia. As a result, with the rather haphazard way that we adopted at the beginning, there were many people who were not honest enough to give their correct income and as a result, of course, a number of people who do not deserve to get free loans of textbooks have been given free loans. This matter is being looked into by the Ministry at the moment, and I am quite sure that next year the situation would ease somewhat, but I cannot guarantee that there will not be any more cheats involved in cheating the Ministry over the actual amount of their incomes.

With regard to the delay, we will try our very best, but it is not easy to deliver books from Peninsular Malaysia to Sarawak especially to the more remote areas. In some instances, we found that the books were not ordered by the schools, and so we find quite a number of schools not receiving any books even at this moment. We are doing our very best to remedy this situation and if the Honourable Member finds that there are any schools which have not received the books, I would be very happy to get a note from him and we will see to it that the books are delivered on time, if possible.

The conditions of schools in rural areas have been given the utmost attention by me and this has been a stated objective ever since I took over the Ministry. The Honourable Member for Kanowit would know that, when I was in Sabah and Sarawak, particular attention was paid to the rural schools and I travelled up to places like Bekalan which is about 5 miles from the border of Indonesian Borneo to see a place which normally could only be reached after five days of walking. Fortunately, of course, the Government of Sarawak provided me with a helicopter and so it made the journey much easier.

I realise too that the teachers are not provided with very good houses, but it should be remembered that since the new scheme of salary for teachers has been adopted, the old allowance for housing was incorporated into the salary of the teachers and therefore it is only right that where they are given quarters, they should pay for the quarters; and 10% is only a very small sum if you consider the difficulties of getting quarters in the more remote areas. As a matter of fact, most of these schools do not have quarters and the teachers have had to rent houses in the rural areas which are even worse than the houses provided by the Government. We have to put up with some difficulty, because we know very well that this country cannot provide for everything simultaneously and we need to have the understanding and patience of the people at large as well as their Representatives in this House.

The National Education Policy stresses the use of Bahasa Malaysia and it is only right that we encourage people to go to schools which use Bahasa Malaysia. When I was in Sarawak, I made a statement that it would be far better for some of the schools in Sarawak which use English as the medium to switch over to Malay as the medium of instruction. I am well aware that there is a shortage of teachers proficient in the National Language but as soon as this can be overcome, then I am quite sure the people in the rural areas will be freed from having to pay for the schooling of their children.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menyebut tentang keadaan sekolah-sekolah di luar bandar yang mana didapati begitu banyak guru-guru sementara. Pihak Kementerian tidaklah ingin menempatkan begitu banyak guru-guru sementara di kawasan-kawasan luar bandar. Kita telah cuba menghantar guru-guru yang terlatih di kawasan-kawasan ini, tetapi kadang-kala kalau kita menghantarkan mereka ini, mereka ini menghantar surat untuk berhenti kerja, sebab itu kadang-kadang terpaksa kita mengadakan bilangan guru-guru sementara yang begitu banyak di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sekarang ini ada satu rancangan khas untuk melatih semua guru-guru sementara, dan saya percaya apabila

rancangan ini berjalan di dalam masa dua tiga tahun lagi kita dapat mengurangkan bilangan guru-guru sementara samada di dalam bandar ataupun di kawasan-kawasan luar bandar.

Berhubung dengan masaalah buku teks, ini samalah juga seperti saya telah menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kanowit iaitu kita tidak ingin melihat orang yang berpendapatan tinggi mendapat buku teks ini, tetapi di dalam banci yang telah diperbuat oleh Kementerian Pelajaran, mereka ini membuat kenyataan bahawa pendapatan mereka tidak begitu tinggi dan oleh sebab itu kita telah memberi pinjaman buku teks percuma ini. Pada tahun ini pihak Kementerian akan membuat kajian sekali lagi dan akan menggunakan cara yang berubah sedikit dan kita percaya bahawa cara ini akan lebih berkesan, tetapi saya tidak boleh memberi pengakuan bahawa orang-orang yang berpendapatan tinggi tidak akan mendapat buku teks, tentulah ada beberapa mereka yang ingin menipu dan berjaya dalam penipuan mereka.

Berkenaan dengan sekolah yang lama kita ingin menggantikan, tetapi ini tertakluk kepada peruntukan wang yang diberi kepada Kementerian Pelajaran.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyebut tentang penuntut-penuntut ASEAN yang telah belajar di Singapura yang telah dapat kelulusan G.C.E. "A" level. Saya sedar bahawa kita telah mengadakan dua senarai yang berasingan dan senarai ini dibuat adalah supaya orang-orang daripada Malaysia meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah di Malaysia yang berlainan daripada sekolah-sekolah di Singapura. Sekolah-sekolah di Singapura tidak tertakluk kepada arahan dan dasar pelajaran Malaysia. Kita berkehendakkan supaya sehabis banyak yang boleh daripada orang-orang di Malaysia mendapat pelajaran mereka melalui sekolah-sekolah di Malaysia yang berasaskan kepada dasar pelajaran Malaysia. Walau bagimanapun, saya akan memberi pengakuan bahawa pada masa-masa akan datang berkenaan dengan penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa yang tertentu sahaja pertimbangan akan diberi supaya mereka tidak akan keciwa dalam usaha mereka cuba memasuki universiti di dalam negara kita, tetapi kalau didapati bahawa mereka sengaja pergi meneruskan pelajaran mereka di Singapura supaya mengelakkan daripada belajar di dalam negara kita, kerana didapati di dalam negara ini dasar pelajaran adalah berlainan, maka saya tidaklah dapat memberi pertimbangan kepada mereka.

Berkenaan dengan penerimaan biasiswa yang lewat, saya telah selidik perkara ini dan sebenarnya perkara ini tidaklah begitu menjadi-jadi seperti disebutkan dalam suratkhabar dan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Walau bagaimanapun, kita telah memberi perhatian kepada perkara ini dan saya percaya perkara ini akan dapat diatasi di dalam sedikit masa lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyebutkan bahawa kita menggunakan sledge-hammer to kill a fly, ukuran sledge-hammer dengan a fly ini mungkin ukuran daripada pihak Ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang fly yang kita nampak itu nampak sahaja kecil, tetapi boleh jadi bahaya dan boleh juga mendatangkan kematian kepada kita. Jadi sebelum dianya mendatangkan akibat yang buruk adalah lebih baik kita mengambil tindakan. Ada juga pepatah yang berkata bahawa kita mesti nip in the bud, iaitu sebelum ia berkembang patut kita kutil buangkan dia. Jadi, apa yang saya buat itu ialah semata-mata to nip the matter in the bud tentulah merasa sedikit sakit kalau dinipkan begitu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah merasa tidak puas hati dengan keadaan di sekolah-sekolah rendah kerana ada banyak guru-guru sementara. Dan ianya menyebut bahawa ada 2,000 guru-guru sementara di sekolah China. Saya ingin menyebut bahawa kita tidak membezakan sangat di antara guru sementara sekolah China, kerana masaalah guru sementara ini melibatkan semua sekolah-sekolah. Kita ada antara 8,000 sehingga 12,000 guru-guru sementara. Pihak Kementerian saya sedang merancangkan supaya guru-guru sementara ini diberikan latihan. Kalau pada masa yang lepas cuma ada tiga ratus sahaja telah dilatih, pada masa-masa yang akan datang kita akan melatih sebanyak sehingga 2,000 guru-guru sementara pada satu tahun, dan adalah di jangka kalau ini berhasil di dalam jangka masa 4 atau lima tahun kita dapat mengurangkan guru-guru sementara. Tetapi saya tidak boleh memberi jaminan bahawa tidak

akan ada sama sekali guru sementara, kerana guru sementara ini adalah satu cara kita mengatasi satu masaalah yang tidak dapat dibuangkan sama sekali daripada perkhidmatan pelajaran. Kadang-kadang beberapa guru-guru terpaksa mengikuti latihan di universiti ataupun pergi bercuti dan sebagainya, maka terpaksa kita mengadakan guru-guru sementara. Walau bagaimanapun, dengan adanya rancangan latihan untuk semua guru sementara, saya percaya bahawa keadaan ini tidak akan berkekalan dan menjadi buruk seperti yang terdapat sekarang ini.

Berkenaan dengan kerani-kerani yang tidak faham bahasa China, kita tidak tahu bahawa kerani-kerani tidak berjaya di dalam menjalankan tugas mereka. Mereka ini dapat menjalankan tugas dan kita tidak boleh menyingkirkan orang-orang yang ada kebolehan daripada memegang jawatan-jawatan.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah mencadangkan satu sistem atau petua tentang cara-cara mengatasi masaalah gaji guru. Saya ingin menjemput Ahli Yang Berhormat dari Besut bersama-sama dengan saya mengemukakan cara ini kepada 20 buah Kesatuan Guru-guru yang ada di Malaysia ini. Jika mereka bersetuju dengan cara ini, saya sendiri akan turut bersetuju tetapi setakat yang saya tahu sebabnya ada 20 buah Kesatuan Guru-guru di dalam Malaysia ini ialah oleh kerana guru-guru itu sendiri tidak dapat mempersetujui memasuki sebuah kesatuan guru. Mereka begitu sekali berpendapat yang berlainan sehingga mereka sendiri tidak dapat menyatukan diri mereka dan bersetuju dengan apa sistem yang dikemukakan bukan sahaja oleh Kerajaan tetapi oleh mereka sendiri. Kalau satu kesatuan mengemukakan satu cara, maka ada satu kesatuan yang lain akan menentang cara itu. Sebab itulah kita menghadapi masaalah ini. Walau bagaimanapun, saya dengan secara yang ikhlas menjemput Ahli Yang Berhormat dari Besut menghadiri satu daripada perundingan-perundingan yang saya mengadakan begitu kerap dengan kesatuan-kesatuan guru-guru.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan perkara textbook yang telah saya sebutkan tadi. Berkenaan masaalah kemasukan ke dalam universiti yang mana kita mendapat 38,000 orang yang minta menjadi calun, tetapi kita tidak ada tempat yang mencukupi dan saya tidak percaya bahawa dengan penambahan universiti-universiti dapat kita mengatasi. Kalau kita menambahkan universiti pun kita akan dapat lebih banyak lagi yang meminta masuk ke dalam universiti dan mereka itu juga akan keciwa. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian ada cara lain memberi latihan seperti politeknik dan lain-lain tempat latihan bagi berbagai jurusan tetapi itu juga tidak mencukupi. Semua ini tertakluklah kepada kebolehan negara kita ini memperuntukkan wang yang cukup untuk kehendak-kehendak rakyat. Masaalahnya kita tahu caranya tetapi kita tidak ada peruntukan yang cukup. Berkenaan dengan masaalah Asean Scholars saya telah sebutkan tadi. Dan masaalah sponsorship saya tidak tahu siapakah yang tidak dapat sponsorship, kerana kita memberi sponsorship ini secara yang cukup liberal sehingga melibatkan Kerajaan dengan satu guarantee yang mana Kerajaan terpaksa menanggung apa kesalahan yang dibuat oleh penuntut di waktu mereka itu di luar negeri, tetapi kita tidak akan dapat menebus balik kalau kita terpaksa memberi bayaran untuk mereka balik ke negeri kita. Masaalah sponsorship ini akan diperketatkan supaya lebih sesuai dengan keadaan, tetapi tidaklah bermaksud untuk menahan sesiapa daripada melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $65,950,000 untuk Kepala B. 20; dan $28,590,000 untuk Kepala B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak $146,281,534 untuk Kepala B. 20 dan $31,039,783 untuk Kepala B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak $49,693,239 untuk Kepala B. 23; dan $3,000,000 untuk Kepala B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga.

Kepala B. 23 (Jadual Pertama)

Kepala B. 23, B. 24, B. 25, B. 26 dan B. 27 (Jadual Kedua)

Kepala B. 26 dan B. 27 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 23 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974)

Kepala P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975)

8.08 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, saya membentangkan Anggaran Tambahan Belanja Mengurus melibatkan Jabatan-jabatan yang termasuk di dalam potfolio Kementerian Kewangan bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 dan juga Anggaran Tambahan Pembangunan Kementerian Kewangan bagi tahun 1974 dan 1975. Jadi, saya mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan perkara ini diluluskan.

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1973—Kertas Perintah 11/75	
Kepala B. 23 Perbendaharaan ...	$ 406,000
Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1974—Kertas Perintah 13/75	
Kepala B. 23 Perbendaharaan ...	2,806,966
Kepala B. 24 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	34,476,739
Kepala B. 25 Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun ...	8,818,103
Kepala B. 26 Kastam dan Eksais Di Raja	4,488,091
Kepala B. 27 Jabatan Hasil Dalam Negeri	955,740
Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1975—Kertas Perintah 15/75	
Kepala B. 26 Perbendaharaan ...	1,397,770
Kepala B. 27 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	764,816
Kepala B. 28 Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun ...	41,400,000
Anggaran Pembangunan Tahun 1974—Kertas Perintah 19/75	
Kepala P. 23 Perbendaharaan ...	34,000,000
Anggaran Pembangunan Tahun 1975 dalam Kertas Perintah 21 Tahun 1975	
Kepala P. 26 Perbendaharaan ...	26,000,000

Keterangan-keterangan lanjut mengenai tambahan-tambahan yang dikehendaki seperti yang tersebut bagi tahun-tahun yang berkenaan boleh didapati dalam memorandam-memorandam yang dibentangkan dalam majlis ini sebagai kertas-kertas berikut:

Anggaran Tambahan Belanja Mengurus bagi tahun 1973—Kertas Perintah 12 Tahun 1975 bagi tahun 1974 Kertas Perintah 14 Tahun 1975 dan bagi tahun 1975 Kertas Perintah 16 Tahun 1975. Anggaran Pembangunan bagi tahun 1974 Kertas Perintah 20 Tahun 1975 dan bagi tahun 1975 Kertas Perintah 22 Tahun 1975.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

8.13 mlm.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi Kementerian Kewangan, dan saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 26 di bawah Jadual yang Kedua, Kastam dan Eksais Di Raja.

Menyentuh di dalam perkara ini awal-awal lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja yang telah memperkenalkan Negeri Perlis dengan tangkapan penyeludupan dadah yang bernilai berjuta-juta ringgit harganya dan penangkapan berkenaan dengan penyeludupan beras yang berguni-guni banyaknya, tetapi apa yang saya suka sentuhkan di sini ialah berkenaan dengan tangkapan beras yang telah dilakukan itu. Saya harap janganlah tangkapan itu ataupun kegiatan itu merupakan kegiatan bermusim, kadang-kadang ditangkap, dan kadang-kadang dilepaskan dan kadang-kadang pula tidak bergerak langsung kerana kecuaian di dalam perkara ini, akibatnya akan dirasai dengan secara langsung oleh petani-petani, terutama sekali di dalam musim menuai padi iaitu di dalam bulan 8 dan bulan 1 yang mana di waktu itu kalau sekiranya penyeludupan beras bermaharajalela berlaku mungkin menyebabkan harga padi akan turun. Walaupun LPN telah menetapkan harga padi yang serendah-rendahnya yang boleh diterima oleh pihak petani-petani, tetapi kalaulah penyeludupan itu berlanjutan dan padi akan masak serentak, maka sudah tentu pihak LPN tidak akan membeli padi dengan harga yang ditetapkan itu. Dengan sebab itu demi kepentingan petani-petani, maka saya berharap perkara itu janganlah menjadi kegiatan bermusim, tetapi hendaklah dikawal dengan rapinya dari semasa ke semasa.

Menyentuh berkenaan dengan penyeludupan dadah yang saya katakan tadi yang telah membawa Negeri Perlis masyhur di serata dunia, terutama sekali di kawasan Chuting kerana kawasan itu sekarang ini telah menjadi lautan yang hijau. Maksud saya lautan hijau itu ialah dengan penuhnya pokok-pokok tebu, memang penyeludup-penyeludup ini sangat suka menyeludup di kawasan laut, tetapi apa yang dapat ditangkap ialah penyeludupan-penyeludupan

yang dilakukan di dalam lautan tebu yang saya katakan tadi, sebaliknya di lautan biru sedikit sangat kita dapati tangkapan-tangkapan yang telah dilakukan. Saya faham bukanlah tangkapan-tangkapan itu tidak dilakukan kerana tidak ada penyeludupan-penyeludupan yang telah berlaku di laut tetapi pada hemmah saya ialah disebabkan oleh kekurangan pegawai-pegawai yang berkenaan di sana.

Saya bawa contoh misalnya seperti di Perlis, laut Perlis adalah laut yang secara langsung bersempadan, pegawai-pegawai bahagian pencegah cuma ada empat orang, pegawai laut ada lima orang, tetapi motor ronda satu pun tidak ada. Bagaimanakah pegawai-pegawai ini hendak menjalankan tugas di laut dan apakah gunanya pegawai-pegawai laut yang lima orang itu diadakan padahal motor untuk dijalankannya tidak ada. Kalau keadaan yang sedemikian saya rasa tentulah penyeludupan itu bermaharajalela. Oleh yang demikian saya, syorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya pegawai-pegawai ditambah dan kelengkapan-kelengkapan itu diperlengkapkan supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik, terutama sekali pegawai-pegawai laut. Pegawai-pegawai laut dengan Jabatan Kastam ini cuma merupakan sebagai buruh semata-mata padahal mereka itu bertanggungjawab sama dengan pegawai-pegawai Kastam di dalam meronda. Saya katakan mereka cuma sebagai buruh semata-mata ialah kerana mereka itu mengendali bot dan sebagai kelasi, tetapi tidak ada mempunyai kuasa untuk menangkap dan tidak pula mempunyai senjata untuk mempertahankan diri. Alangkah baiknya kalau sekiranya pegawai-pegawai ini diserapkan menjadi Pegawai Kastam supaya mereka dapat berkuasa dan dapat mereka menjalankan kerja dengan penuh didikasi dan dapat berkhidmat kepada Kerajaan. Itulah yang saya harapkan daripada Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri jemput jawab, kalau hendak jawab.

8.18 mlm.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan masaalah berkaitan dengan penyeludupan di sempadan. Saya ingat barangkali jika Ahli Yang Berhormat tidak nampak kapal ronda di Perlis ini bukan bermakna tidak ada kapal ronda, tetapi Ahli Yang Berhormat mesti sedar bahawa Pulau Pinang menjadi satu pusat di mana kapal ronda Kastam boleh mengambil kegiatan mencegah penyeludupan di laut dan saya pernah mengambil perhatian atas teguran itu dan pihak Kastam akan siasat jikalau ada kegiatan yang sempurna dijalankan di dalam laut itu.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $406,000 untuk Kepala B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak $2,806,966 untuk Kepala B. 23, $34,476,739 untuk Kepala B. 24, $8,818,103 untuk Kepala B. 25, $4,488,091 untuk Kepala B. 26 dan $955,740 untuk Kepala B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak $1,357,770 untuk Kepala B. 26, $764,816 untuk Kepala B. 27; dan $41,400,000 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; wang sebanyak $34,000,000 untuk Kepala P. 23 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974; dan wang sebanyak $26,000,000 untuk Kepala P. 26 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil), 1975.

Kepala B. 67 (Jadual Kedua)

Kepala B. 31 (Jadual Ketiga)—

8.20 mlm.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa wang sebanyak $270,600 di bawah Kepala B. 67 di dalam Jadual Kedua, Anggaran Tambahan Ketiga, 1974 dan $86,000 di bawah Kepala B. 31 di dalam Jadual Ketiga Anggaran Tambahan Pertama, 1975, diluluskan. Keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan tambahan-tambahan yang diminta bagi Kepala-kepala Belanja Mengurus yang tersebut itu boleh didapati di dalam Kertas Perintah 14 Tahun 1975 dan Kertas Perintah 16 Tahun 1975.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $270,600 untuk Kepala B. 67 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak $86,000 untuk Kepala B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga.

Kepala B. 28 (Jadual Pertama)

Kepala B. 28 (Jadual Kedua)—

8.22 mlm.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Kepala B. 28 Jadual Pertama berjumlah $348,000 dan juga Kepala B. 28 Jadual Kedua berjumlah $30,260,000. Kedua-dua Kepala ini berjumlah $30,608,000 di Kertas Perintah 12 Tahun 1975 dan juga di Kertas Perintah 14 Tahun 1975 dijadikan sebahagian daripada Jadual.

8.23 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, dalam Kepala B. 28, saya suka mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan di dalam perbahasan wang tambahan ini tentang kedudukan hospital-hospital.

Tuan Pengerusi, layanan di hospital, pada pendapat saya, terutama dalam Wad-wad Kelas Tiga tidak memuaskan sangat. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan selain daripada ubat, maka layanan-layanan adalah satu perkara yang wajib kepada pesakit-pesakit itulah sebabnya selalu saya perhatikan mengapakah doktor-doktor persendirian mendapat pelanggan ataupun banyak orang datang berjumpa dengan pihak yang berkenaan, selain daripada ubat, maka saya dapati doktor-doktor yang berkenaan bercakap dengan bahasa yang lemah-lembut dan layanan yang amat memuaskan, maka dengan sebab itulah juga saya berharap selain daripada doktor, yang saya maksudkan bukanlah ini semata-mata doktor bahkan kepada pegawai-pegawai ataupun kakitangannya hendaklah melayan pesakit-pesakit khasnya kepada Wad-wad Kelas Tiga yang kita dapati datang daripada orang-orang kampung. Kadang-kadang pesakit itu tidak dapat hendak ambil ubat sendiri, biasa ditengking oleh pihak pelayan-pelayan yang berkenaan. Dengan sebab itu, saya berharap dengan seboleh-bolehnya ditambahkan lagi kursus kepada orang-orang yang berkenaan untuk mendapat layanan yang baik.

Tuan Pengerusi, saya sendiri pada malam 30 haribulan yang lepas telah membawa seorang pesakit yang telah mendapat accident. Apabila saya bawa ke hospital saya amat dukacita, orang yang sakit itu amat teruk. Apabila hendak dicari alat menolong nafas ataupun kalau tidak silap saya oxygen, saya pun tidak begitu pandai, dicari satu ke satu alat yang berkenaan semua didapati rosak. Jadi kalau begini, Tuan Pengerusi, saya amat dukacita, maka dengan sebab itu saya berharap alat-alat yang dibubuh di hospital-hospital yang berkenaan, bukan saya perkatakan di Kangar, bahkan di mana-mana sekali pun, hendaklah diperiksa terlebih dahulu, jangan didapati seperti apa yang telah terjadi.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, kita mengajar Rukunegara kepada seluruh rakyat, tujuannya ialah untuk menghormati semua kaum. Ini kerap kali berlaku di atas mayat-mayat terutamanya yang telah mendapat accident. Sebenarnya, saya sendiri sebagai Wakil Rakyat telah berjumpa beberapa kali, dibelah itu mengikut aturan tetapi apabila dibawa ke dalam bilik belah (bilik mayat) tidak diberi tunggu oleh pihak yang berkenaan. Sedangkan kita tahu khasnya bumiputra ataupun ugama Islam tidak akan mengapa-apakan mayat tersebut bahkan sebagai satu adat kepada orang-orang Islam ataupun Melayu, walaupun mayat itu ditinggalkan keseorangan ataupun dijaga tidak ada perbezaan, tetapi adat ini payah hendak dihilangkan. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, telah berlaku di antara pihak keluarga si mayat tadi akan bertengkar, lebih tepat lagi saya katakan akan bertumbuk ataupun bergaduh dengan pihak yang menjaga pada malam yang berkenaan, sebab si penjaga bercakap dengan tidak begitu sopan ataupun tidak begitu manis. Dengan sebab itu, saya berharap pada Kementerian yang berkenaan adat sopan khasnya kepada ugama Islam hendaklah diberi satu keistimewaan, terutama apabila mayat itu telah dibubuh ke tempat yang berkenaan seboleh-bolehnya biarlah pihak waris-waris atau keluarganya dapat menjaga dan tidak payahlah ditalipon atau meminta kebenaran di sana-sini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, pada hari ini kita sama-sama tahu pihak penderma darah datang untuk meminta derma darah dan kita berasa terima kasih kerana banyak orang memberi derma darah, tetapi malangnya saya sendiri tidak begitu sihat pada hari ini

tidak dapatlah memberi. Tuan Pengerusi, apabila saya melihat kenyataan Menteri, kalau tidak silap saya di Johor pada tahun ini juga, dan saya tengok sendiri dalam Persatuan Penderma Darah di Kangar ataupun di Perlis, saya amat terkejut apabila didapati penderma-penderma darah ini boleh dikatakan 90% terdiri daripada bumiputra, sedangkan sakit tidak memilih sesiapa. Apabila ia datang sakit ataupun malapetaka, kemalangan jikalau berkehendakkan darah dengan serta-merta, maka dengan sebab itu saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan carilah satu ikhtiar ataupun satu jalan supaya semua bangsa akan turut berbakti dengan menderma darah dan janganlah seperti hari ini bahkan boleh dikatakan 90% terdiri daripada kaum bumiputra khasnya Melayu.

8.28 mlm.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): (*Dengan izin*) Mr Chairman, I refer to a matter of serious concern to many parents in Malaysia who have sent their children to study medicine in India—I refer to the matter of registration of doctors who are graduating from India. I understand that there is a move in the Ministry, I do not know how far it has progressed, to refuse registration to doctors who qualified in India and to require all of them to undergo an examination before they receive registration in Malaysia. I understand that this move is based on information received by the Ministry or the Medical Council that in a number of medical colleges in India, the standards of training have fallen seriously and so on. I would like to raise a few points on this.

I would, first of all, say that this proposal of the Ministry, if it is at all to be acted upon, is highly arbitrary, discriminatory and grossly unfair. It is true, I think, that in some medical colleges in India, as indeed the world over standards of training have been falling and may have fallen to gross levels of seriousness, but I do not think it would be true to say that standards of medical colleges all over India have fallen to a stage where we have to, at this stage, accord a blanket derecognition to all these colleges. In India itself, I believe, they have a Medical Council which assesses and keeps a watch over standards as much as our own esteemed Medical Council here is attempting to do, and it is true, I think, also that the Medical Council in India has been, from time to time, taking action against colleges which have been letting their standards fall to serious levels of concern. But as soon as the standards in these colleges have improved, I think they have re-accorded recognition to the colleges concerned. Here we have the Ministry of Health in Malaysia proposing a blanket derecognition of all medical colleges based on what sort of information I do not know, but quite clearly based on piecemeal information on certain medical colleges.

I must say, and I think most people in the profession would agree, that there are a number of medical colleges in India as well as in other countries of the world where standards which have been long established continue to remain very high to a standard envied by the profession, especially by teachers in the medical profession all over the world. I myself hear, for instance, that in the universities in Malaysia too the standards are falling—not just in one faculty but in many faculties. This must be inevitable to some extent as we rapidly expand the size of our universities the scope of the courses therein and so on and are unable to cope as much as we would like to with the courses that we give. Are we proposing that because we also hear of rumours like this, or information even such as this, that medical graduates from the University of Malaya or the Universiti Kebangsaan also undergo such a test before they get recognition? I do not think we are proposing that.

The other question is that I think this is discriminatory and harsh on the parents who have chosen to send their children for medical education in India, because I do not think these proposals are being directed against the medical colleges in the Philippines, Thailand or Indonesia or any one of the medical colleges in the Middle East, where I am sure, they suffer the same constraints of providing standards of medical education that all of us as patients and as well meaning citizens would expect our doctors to have. I do not think these measures are now being directed against any one of these. Therefore, I say that the proposal if that is to be implemented would be discriminatory.

One must bear in mind, Sir, that these students who would have come back to Malaysia this year are in fact a most unfortunate lot. Last year the Ministry of Health also brought into being a set of measures which penalised many of these students on account of their housemanship, if we recall. These measures in fact were applied retroactively and caught many students by deep surprise. It was required that these people who graduated from medical colleges in India would be required to undergo an additional year of housemanship in Malaysia itself, irrespective of whether they had done their housemanship in India or not. In many cases this meant that most of these students were getting seven or eight years of medical education as compared to the normal six. These same students who in fact have had to undergo by retroactive enactment of legislation on part behalf an extra year of medical training in India itself are now being told that they have to come here and sit for an examination which the Medical Council here will set before they can get registration.

I hope the Ministry of Health will look seriously at proposals like these before actually imposing restrictions or conditions on students who undergo fairly long periods of study because a student cannot turn around in the fourth year of his medical course and go and seek admission in another institution and so on. These are fairly serious matters for parents, many of whom are very poor, and students, many of whom are very bright but could not get admission into the medical faculties here and have gone to India and such places to undergo their education. We cannot treat these matters lightly by "honouring" them with a blanket derecognition. I hope that the Honourable Minister would take this into consideration and take the necessary action to relieve this burden.

8.36 mlm.

Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap atas Kepala B. 28, Pecahan-kepala 1200 dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, though a huge amount of money is being allocated to the Health Ministry every year, it is regrettable to note that the various services rendered by the Ministry of Health are far from satisfactory. One glaring example is the poor and inefficient service of most hospitals in the country. Only recently the Minister of Health himself was reported to have expressed great regrets and unhappiness over this state of affairs. In fact the situation was so bad that the Honourable Minister had gone to the extent of calling on all hospital staff for a general pulling of the socks with regard to all aspects of hospital administration as well as personal conduct, attitude and behaviour of hospital personnel.

Tuan Pengerusi, it is a fact the Minister is aware of a host of complaints about hospital services. However, it appears to me that the Government has failed to remedy the situation. For example, many of our hospitals are not only places for sick people, they seem to be also places for stray cats and dogs. Not long ago when I visited a friend who was a patient in the Ipoh General Hospital, I was surprised to see stray cats in different parts of the hospital. This is indeed a very unhealthy sign in any hospital. I have also received a complaint from a member of the public that the lavatories in some hospitals, especially the Kuala Lumpur General Hospital, are not properly maintained. The lavatories are wet and slippery, thus often causing accidents to the sick and feeble patients. There are also a lot of other complaints such as hospitals leaking and also hospitals having not enough blankets and pillows. Sir, if I am going to emphasise on more complaints tonight, I think it is a sheer waste of time and I do not like to waste time here. Sir, it appears to me that the Minister of Health is incapable to improve the tarnished image of the hospital service because the frequent warnings given by him to those concerned do not appear to be heeded at all.

Tuan Pengerusi: If you are going to attack the Minister on a personal basis as incapable you will have to bring a substantive motion.

Tuan Farn Seong Than: The Ministry is involved, Sir.

Tuan Pengerusi: You said the "Minister" just now, did you not?

Tuan Farn Seong Than: Sorry.

Tuan Pengerusi: Withdraw it please.

Tuan Farn Seong Than: I withdraw it. It is evident when the Honourable Minister of Health disclosed to the Press a week ago that thousands of dollars of Government property including forks, spoons and bed sheets, drugs and drums of D.D.T. were being pilfered from hospitals and the Health Ministry.

Here again, I am glad that we have an honest Honourable Minister of Health (*Tuan Pengerusi:* Good!) who has the courage to admit that he was aware of the pilfering going on for years. But sadly no action has been taken. This is a blatant swindling of public funds by all concerned. I cannot imagine why the Government has not taken harsh measures to deter those culprits involved or bring them to book.

Sir, what we want to know is whether there is a need for the Honourable Minister to go about to conduct a quiet campaign to warn hospital staff against malpractices. Usually in the past, whenever there was any malpractice discovered, the authorities often jumped on the so-called grass-root level to rectify the situation. Seldom have we heard of action taken against Heads of Departments. One important fact that the Government does not seem to appreciate is that malpractices can only take place in Government Departments when the Heads of Departments are either indifferent or they themselves indulge in malpractices. To put the record straight, it is fundamental for Heads of Departments to show a good example to their subordinates in order to bring about a clean and efficient Civil Service. In this respect, I wish to call upon the Honourable Health Minister to initiate a Commission of Inquiry of the massive pilfering or subtle robbery in the Health Ministry. I would also like to call upon the Minister to take drastic disciplinary action against Heads of Departments who had allowed this deplorable swindle of public funds to happen.

Finally, I wish to call upon the Honourable Health Minister to impose heavy penalties on those involved in order to deter all future malpractices not only in the Health Ministry, but also in other Government Departments.

8.46 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sepatah dua . . . . .

Tuan Pengerusi: Minta ringkaskan bercakap kerana kita sudah jauh malam!

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I had originally not intended to speak in this debate . . . . . .

Tuan Pengerusi: Then why speak? Time is getting late now!

Dr Tan Chee Khoon: But after hearing the Honourable Member for Telok Kemang making certain charges against the Medical Council, I felt compelled as a member of the Medical Council, to clarify some of the misconceptions that have been reported to him.

First, Tuan Pengerusi, there is no proposal or no step taken by the Medical Council—and here I would want to make it clear that I have no authority to speak on behalf of the Medical Council, but as a member of the Medical Council I want to clarify some of the misconceptions—to derecognise all the Medical Faculties in India. What has happened, Tuan Pengerusi, is this. Recently the Indian Medical Council itself, as a result of their investigations, decided not to recognise a number of Medical Schools.

Tuan Pengerusi: Would it not be better, Ahli Yang Berhormat, for this dialogue to be taking place somewhere outside this Chamber?

Dr Tan Chee Khoon: No, Tuan Pengerusi, but I will be very brief. I must put it on record because obviously if this goes round, it would bring the Medical Council into disrepute. As a result of the action taken by Indian Medical Council, we have to take cognisance of it and we have sent none other than the President of the Malaysian Medical Council, who is also none other than the Director-General of Medical Services to India to talk with the President of the Indian Medical Council; and as a result of which, we have decided that those which were not recognised by the Indian Medical Council will not also be recognised by us. So, there is no blanket decision not to.

Now, Tuan Pengerusi, I gather that the Honourable Member for Telok Kemang has objected to our local citizens graduating abroad taking examinations. This is nothing new. I have been a member of the Medical Council for more than a decade and from time to time there have been proposals that our students who go abroad and go to Medical Schools that are not recognised by us should sit for examinations. This is nothing new. You go to America and if you want to sit . . . . . .

Tuan K. Pathmanaban: On a point of clarification, Sir.

Tuan Pengerusi: What are you going to do, Ahli Yang Berhormat?

Tuan K. Pathmanaban: I want to ask Ahli Yang Berhormat . . . . . .

Tuan Pengerusi: No more extra speeches! Ahli Yang Berhormat boleh membuat penerangan jika ucapan Ahli Yang Berhormat itu disalah-fahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Itupun kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong beri jalan. Jemput duduk! (*Kepada Dr Tan Chee Khoon*) Sila sambung.

Dr Tan Chee Khoon: Thank you, Tuan Pengerusi. In America, everyone whether he is a graduate of an American Medical School or a graduate of the Faculty of Medicine, University of Malaya, has to sit for the E.C.F.M.G. So this is nothing new. There is a very radical proposal that is now being considered by the Medical Council that everyone should, because we have many Medical Schools coming up, pass a common examination so that there is no discrimination.

The other thing of course, Tuan Pengerusi, is about the point made by the Honourable Member for Telok Kemang that there must be an extra year for housemanship. I do not know whether the Honourable Member for Telok Kemang is familiar with this. In India, the housemanship there is regarded as part of the medical course. Consequently, the Malaysian Medical Council says that although in India the housemanship course, is part of the medical course, the housemanship here is not part of the medical course and that it is an extra year of training. Therefore, we say that those who come from India and who have finished their housemanship there and if they want to come here, then they have to do one more year. But if they have not finished their housemanship there and have not got the M.B.B.S. degree there, then when they come here they will have to serve two years. This decision has not been made retrospective. Mr Chairman, Sir, we had taken a decision and said that it would take effect from next month. So on whatever information that was given to the Honourable Member, there is a misconception on his part.

Finally, Mr Chairman, Sir, I want to say that I am glad that in this country the Medical Council is an independent body. Even the Minister of Health has very little power to interfere with the workings of the Medical Council, unlike the Bar Council. In regard to the Bar Council, the Bar Council can propose a member of the Bar to be struck off and it is the Judge who strikes him off. In the Medical Council, the Medical Council has the power to strike off a recalcitrant medical practitioner and I am glad that this system has worked well. I hope it will work well with not only the present Minister of Health, but with succeeding Ministers of Health, whereby there is minimal interference from the Government in the workings of the Malaysian Medical Council.

8.50 mlm.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Beliau menyatakan hospital besar di Kangar tidak berapa sesuai oleh kerana alat-alatnya adalah lama dan juga kadang-kadang pesakit masuk ke hospital itu tidak dapat alat-alat yang mencukupi. Malangnya, komen daripada Ahli Yang Berhormat itu dengan am sahaja, saya suka jikalau Ahli Yang Berhormat boleh memberikan satu specific case kepada saya dan saya akan menyiasat perkara ini dengan segera. Hospital Kangar boleh dikatakan adalah sebuah hospital yang moden dan juga sebuah hospital mempunyai alat-alat (equipment) yang moden sungguhpun penduduk-penduduk di

Kangar tidak ramai tetapi dengan mengadakan sebuah hospital yang begitu moden, rasa saya penduduk-penduduk Kangar akan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan.

Berkenaan dengan masaalah mayat-mayat yang berugama Islam, ini ada dua soalan yang berkaitan. Tuan Pengerusi, kami difahamkan. Mayat-mayat yang telah meninggal dunia khasnya bagi orang Islam, Kementerian saya telahpun memberi arahan jikalau kematian itu berlaku disebabkan oleh sakit tua dan sebagainya atau penyakit yang paling buruk yang barangkali tidak melibatkan dengan legal proceedings dan sebagainya maka waris-waris itu bolehlah meminta pegawai-pegawai yang berkhidmat itu mengambil mayat itu dengan serta-merta. Akan tetapi, masaalah yang berkaitan dengan accident atau memakan racun dan sebagainya ini berkaitan dengan legal proceedings, ini mestilah kita akan buat post-mortem dan sebagainya, atau dapat persetujuan daripada pihak Polis barulah mayat itu boleh diambil balik dan sebagainya. Jadi berbagai-bagai kelemahan yang kita alami pada masa yang sudah, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah seberapa yang boleh untuk mengatasi kelemahan itu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan derma darah satu golongan yang terbesar, khasnya di kawasan Negeri Perlis ialah sebuah kawasan kebanyakan penduduk-penduduknya ialah daripada keturunan saudara orang Melayu. Jadi memanglah orang-orang yang menderma darah ialah kebanyakannya itu daripada kaum Melayu oleh kerana lebih daripada 90% penduduk-penduduk di Perlis itu ialah dari keturunan saudara kita orang Melayu.

Berkenaan dengan satu cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang, the whole issue is not as simple as stated by the Honourable Member. The matter has been clearly explained just now by the Honourable Member for Kepong who happens to be a member of the Malaysian Medical Council.

There are about 105 medical colleges in India. At the moment, degrees from some of these medical colleges in India are recognised by the Government, but there are also some medical colleges in India whose degrees are still not recognised by the Indian Government. No doubt, we have a good number of Malaysian students, particularly students coming from the estates and from poor families, who are being sent to these medical colleges to study medicine but I cannot tell this House how big the number is. My guess is that there are at least 500 of them studying in the medical colleges in India at the moment.

The whole question was raised by the Indian Medical Council itself as to whether the standards of some of the medical schools in India are high enough. After receiving the complaints and criticisms by the Indian Medical Council, the Malaysian Medical Council discussed the matter and propositions have been made. I would like to make it categorically clear that as the Minister responsible for Health, I would like to see that all the medical students who have passed out from any medical schools should have a high and good standard. Unfortunately, the parents were not informed by the Malaysian Medical Council not to send students to those medical schools whose degree is not recognised by the Government. I understand that a recommendation has been made by the Medical Council itself to have some sort of common examination for these students when they come back from these colleges. But, Tuan Pengerusi, at the moment, I am still trying to collect more information as to why degrees from some medical schools in India are still not being recognised by us and the reasons raised in the Indian Medical Council itself recently.

It is, therefore that my Ministry had suggested to send a team of medical professors, particularly the Medical Professors of the Medical Faculties of the University of Malaya and Universiti Kebangsaan, and also members of the Malaysian Medical Council to India, to assess the standards of those medical schools where many of our Malaysian students are studying. The Government has a responsibility not only to preserve the good and high standards of medicine standards in the country but at the same time, we should not discriminate against our own students. Therefore, a two-prong approach should be considered by the Government, before final decisions are made.

The other question which has been raised was with regard to housemanship. This has been explained again just now by a member of the Malaysian Medical Council who is also the Honourable Member for Kepong and I would not like to elaborate further on that.

In regard to the question raised by the Honourable Member for Sungei Besi, I am afraid that he is making a very sweeping and general statement in accusing malpractices by officers in the Ministry. I should say that unfortunately this sort of general accusation has been made by Opposition Members in this House not only now but it has been their practice for the last many, many years.

I would like to inform this House, not only this House but the whole world, that our medical and health services establishment is one of the best in this region. It is second to none in this part of the world. If the Honourable Member has a chance to go to the other countries, he would not be given free medical treatment. But here, each one of us is given free medical treatment; and the majority of the rich and the poor are given almost free medical treatment, particularly at the Out-patients Department where we know there are even rich people who go to the hospital in big cars and still they go and queue up at the Out-patients Department in order to get the good medical treatment from the doctors for paying only 50 cents.

Tuan Pengerusi, to make general accusations against the Government is very easy, but as a responsible citizen and also being elected by the people as a so-called Honourable Member of this House, I sincerely hope that in future he can produce evidence to show the Honourable Members of this House; then I can assure him that an immediate investigation will be conducted.

I personally, as the Minister responsible, have given many, many surprise checks not only during the day but at night but these were not given publicity. I know what are the shortcomings, and what are the problems of the Ministry and we would try our very best to improve the shortcomings, that we are now facing.

Tuan Pengerusi, for example, the Kuala Lumpur General Hospital is one of the largest hospitals in the world. We have 2,200 beds today. As far as my knowledge is concerned, the largest general hospital we know to day is in Chicago with 1,600 beds, but we have 2,200 beds now. By 1977 the total number of beds in the Kuala Lumpur General Hospital will become 3,000. The number of workers in the Kuala Lumpur General Hospital today is 4,500 and the number of patients is 2,200.

I cannot assure the Honourable Member that all our workers are 100% perfect. There will be one or two who are not as good as we expect them to be. But you cannot say that all of them are bad. You cannot simply make a blunt statement accusing all of them of malpractices. I would like to advise the Honourable Member for Sungei Besi, being a citizen and also being elected by the people, if he knows that there are malpractices in the hospital or any Government departments, or even by the Ministers, and if he is honest and sincere enough then he should report the matter to the Anti-Corruption Department (NBI). To make a general accusation against Government servants of malpractices is not only irresponsible but is pretty unfair because none of them has a chance to defend himself in this House, and I hope that he does not take the opportunity in this House to attack the unfortunate but very hard working good officers of my Ministry again.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya, soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini kita harap akan mendapat pertimbangan dari semasa ke semasa and then we will try our very best to improve our services not only on the question of efficiency, but at the same time, to uplift our standard.

Inilah jawapan saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi membuat tuduhan yang bergiat tidak adil langsung but I was thinking that he is still very young and he has a lot of things to learn and a long way to go and I hope that one day he will become a person of good character and a responsible Member of this House. (*Ketawa*).

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $348,00 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; $30,260,000 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 30 (Jadual Pertama)

Kepala B. 29, B. 30, B. 32, B. 34 dan B. 52 (Jadual Kedua)

Kepala B. 33, B. 34 dan B. 39 (Jadual Ketiga)—

9.08 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1973 di bawah Kepala B. 30, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga bagi Tahun 1974 di bawah Kepala B. 29, B. 30, B. 32, B. 34 dan B. 52, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan bagi Tahun 1975 di bawah Kepala B. 33, B. 34 dan B. 39 bagi Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diusulkan dan diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Kesemua anggaran ini berjumlah $50,499,245 yang mengandungi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Polis Diraja, Pendaftar Pertubuhan, Penjara dan Jabatan Orang Asli.

Tuan Pengerusi, Anggaran Tambahan ini boleh dikatakan semuanya kerana bayaran gaji dan elaun serta penambahan dua batalion Polis Hutan dan juga tambahan kakitangan yang lain. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Anggaran Tambahan ini.

9.09 mlm.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit dan supaya boleh mencepatkan ucapan, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I am a member of the Board of Visitors of Pudu Jail and I now wish to speak on Kepala B. 34 of the 1975 Supplementary vote regarding Jails and also on Kepala B. 30, Pecahan-kepala 1100. Pencegah Jenayah.

Mr Chairman, Sir, as a member of the Board of Visitors, I visit the Pudu Jail and when I go round, I feel so sorry because a large number of the prisoners—some young and some old—come to see me saying, "Apa macam Doktor, saya masih muda telah dibuang daerah. Sekarang rambut puteh sudah tua pun dibuang daerah. Saya akan mati di penjara sini, kalau Kerajaan sentiasa buang daerah saya". Now their problem is a very simple one and I can see the difficulties of the Government, Mr Chairman, Sir. The Government quite rightly wants to take preventive measures to see that bad hats are not a menance to society and do not start robbing here and there. But in the process, those who have restricted residence, let us say, in Banting, unfortunately do not have a job. According to what I have been told when I was in Pudu Jail on the 27th May one of them said," If I go against some of the conditions, for example, if I am outside my house after 6.00 p.m. and I am caught, I am brought to court and I am here now". On top of that, while they are in jail, they say, "Doctor, I have another four weeks more to go. If I go out they will again send me for restricted residence. What am I to do, doctor?"

Now, as I said, I can sympathise with the Government in its policy to try and prevent crime but I hope the Government will consider that every time you keep a chap in jail you have got to feed him and it costs the taxpayers money. Particularly in the case of the older people, I would say, they would have learnt their lesson—having been in and out of jail perhaps seven or eight times, they would have learnt their lesson—and I would hope that the Government, the Police and the Prison authorities would get together and see whether these people who have regularly been served the order for Restricted Residence should be given a chance when they leave jail to try and find a decent job; otherwise all this Ex-prisoners Association and all that is so much an eyewash and does not help. I say this with feelings, Mr Chairman, Sir, because in every place that I visited all of them came forward and said, "This is our problem, we are afraid that when we leave jail we will again be served with an Order of Restricted Residence and then where do we go?" I commend this to the Honourable Deputy Minister of Home Affairs and I hope that he would see whether a *modus vivendi* can be found for these unfortunate people, old and young.

9.10 mlm.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong atas pandangan dan tegurannya. Apa yang ditakuti oleh penjenayah-penjenayah sekarang ini ialah buang daerah. Mereka tidak takut

dipenjara dan tidak takut didenda ataupun dihukum daripada mahkamah. Dan tidaklah menjadi tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mencarikan pekerjaan kepada mereka ini bila mereka lepas daripada penjara dan dibuang daerah dan sebagainya. Ini adalah tanggungjawab bersama, tanggungjawab rakyat, tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat, tanggungjawab jabatan-jabatan yang lain dan Kementerian-kementerian yang lain. Walau bagaimanapun, hal seumpama ini memanglah dalam pengkajian dan pertimbangan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan apa yang diharapkan bantuan dan kerjasama dari semua pihak bagi mendapatkan mereka ini supaya tidak lagi menjadi penjenayah-penjenayah ataupun perosak keamanan negara kita. Walau bagaimanapun, selagi mereka membuat jahat, telah dibuang daerah pihak Polis dan pihak keamanan tetap akan mengambil langkah daripada kecil sampai ke tua langkah ini tetap akan diambil.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $8,470,000 untuk Kepala B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak $6,029,300 untuk Kepala B. 29; $37,291.744 untuk Kepala B. 30, $26,618 untuk Kepala B. 32; $560,000 untuk Kepala B. 34 dan $655,172 untuk Kepala B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua, dan wang sebanyak $2,482,215 untuk Kepala B. 33 $2,822,400 untuk Kepala B. 34 dan $131,896 untuk Kepala B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga.

Kepala P. 37 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) Bil. 3), 1974—

9.12 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya mohon kelulusan wang di bawah Kepala P. 37 berjumlah $260,000 iaitu Anggaran Pembangunan (Tambahan) Yang Ketiga, 1974. Semua detailnya ada terkandung dalam Kertas Perintah 19 Tahun 1975 dan (Treasury Memorandum Kertas Perintah 20 Tahun 1975). Oleh itu, saya mohon mengemukakan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $260,000 untuk Kepala P. 37 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3), 1974.

Kepala B. 38 (Jadual Pertama)

Kepala B. 38 (Jadual Kedua)—

9.14 mlm.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, merujuk kepada Kepala Perbekalan B. 38—Jabatan Peguam Negara seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah 12 Tahun 1975 tambahan sebanyak $350,000 itu adalah dikehendaki dalam tahun 1973 bagi membiayai belanja mengurus Biro Pencegah Narkotik yang telah ditubuhkan pada 1hb Januari, 1973. Seperti yang dibentangkan juga dalam Kertas Perintah 14 Tahun 1975 tambahan $740,149 adalah dikehendaki bagi menambah belanja mengurus jabatan ini oleh kerana peruntukan yang telah dibekalkan sebanyak $3,349,220 didapati tidak mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan dalam tahun 1974. Saya mohon untuk diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $350,000 untuk Kepala B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak $740,149 untuk Kepala B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 41 (Jadual Kedua)—

9.17 mlm.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, saya mohon izin mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak $904,074 yang dikehendaki di bawah Kepala B. 41, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dimasukkan ke dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1974. Butir-butir lanjut tentang peruntukan tambahan yang diperlukan telah diterangkan dalam Butiran 36 dalam Kertas Perintah 14 Tahun 1975. Walau bagaimanapun, di antara lain-lain yang mustahak ialah tambahan $250,000 disediakan ialah kerana memberi sumbangan untuk bangunan M.T.U.C. Sekian, Tuan Pengerusi.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $904,074 untuk Kepala B. 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala P. 42 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974).

9.18 mlm.

Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1974 Kertas Perintah 19 Tahun 1975 diluluskan.

Dalam tahun 1972 token vote sebanyak $10 telah diluluskan oleh Parlimen untuk membina sebuah bangunan. Pembinaan bangunan baharu yang dimulakan dalam tahun 1974 dan sekarang dalam pembinaan lagi. Saya mohon untuk diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $1,096,095 untuk Kepala P. 42 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974.

Kepala B. 44, B. 47 dan B. 49 (Jadual Kedua)

Kepala B. 54 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 18. P. 44 dan P. 49 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil 3) 1974)—

9.20 mlm.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya ingin memohon kelulusan bagi peruntukan tambahan $4,688,808 di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan) No. 3 Tahun 1974 bagi Kementerian saya di dalam Jadual Kedua. Dari jumlah besar ini, sebanyak $239,220 adalah diperlukan bagi Kementerian di bawah Kepala B. 44, $81,100 bagi Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara di bawah Kepala-B. 47 dan $4,368,488 bagi Jabatan Cetak di bawah Kepala B. 49.

Saya juga ingin memohon kelulusan untuk peruntukan sebanyak $1,421,322 bagi Anggaran Pembangunan (Tambahan) No. 3 Tahun 1974 bagi Jabatan Muzium di bawah Kepala P. 18 ($259,312) Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan di bawah Kepala P. 44, ($1,162,000) dan Jabatan Cetak di bawah Kepala P. 49 ($10).

Keterangan-keterangan yang jelas telah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Kertas-kertas Perintah No. 14 dan 20.

PERUNTUKAN TAMBAHAN No. 1 TAHUN 1975

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memohon kelulusan bagi satu peruntukan tambahan sebanyak $8,315,060 untuk perbelanjaan Mengurus (Tambahan) No. 1 Tahun 1975 di bawah Kepala B. 54 bagi Jabatan Cetak Kementerian saya di dalam Jadual Ketiga.

Saya juga ingin memberi keterangan lanjut bagi keperluan-keperluan jumlah tersebut.

Di bawah Pecahan-kepala 2700—Bekalan dan Bahan-bahan, sebanyak $7,147,024 dikehendaki kerana jumlah yang diluluskan sebanyak $3,500,000 bagi tahun 1974 adalah tidak mencukupi. Ini adalah disebabkan oleh keputusan Kerajaan Pusat pada bulan Jun, 1974 untuk mengsetok kertas-kertas bagi jangka masa 18 bulan bagi mengatasi kekurangan kertas dalam ekonomi dunia dan turun-naik harga-harga kertas. Langkah ini telah diambil memandangkan keperluan Jabatan-jabatan dan Ajensi-ajensi Kerajaan terhadap bahan-bahan cetak dan untuk membantu keperluan-keperluan tersebut pada bila-bila masa dikehendaki.

Juga, di bawah Pecahan-kepala 3100—Perabut, Alat-alat dan Ternakan sebanyak $1,168,036 telah dipohon bagi belian 10 buah "Mechanical Typesetting Machines" bagi Ibu Pejabat, Jabatan Cetak dan cawangan-cawangannya di Johor Bahru, Alor Setar, Ipoh dan Kuala Trengganu. Belian mesyin-mesyin tersebut boleh mengatasi kekurangan di Ibu Pejabat dan cawangan-cawangan berkenaan dan akan juga mengganti setengah-setengah mesyin yang telah digunakan bagi tempoh lebih daripada 35 tahun.

Oleh itu Dewan adalah diminta untuk meluluskan peruntukan sebanyak $8,315,060 di bawah Kepala B. 54.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Kepala-kepala yang saya sebutkan itu menjadi sebahagian daripada Jadual dan juga menjadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan Tambahan tahun 1974.

9.25 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Kepala B. 44 dan juga Kepala P. 44, muka surat 6 di dalam Kertas Perintah 19.

Saya ingin berucap atas perkara kemudahan sosial, jalanraya-jalanraya dan Jabatan-jabatan Parit dan Taliair di Bandar Kuala Lumpur. Oleh sebab Kementerian ini akan membelanjakan $1,162,000 untuk pembangunan dalam Bandar Kuala Lumpur, saya berharap langkah dapat diambil untuk memperbaiki kemudahan sosial, jalan-jalan dan Jabatan-jabatan serta juga taliair untuk faedah rakyat.

(*Dengan izin*) Kuala Lumpur is today teemed with multifarious problems with traffic congestion, poor public transport system, inadequate social facilities, flooding etc. etc. Penduduk-penduduk di Kuala Lumpur khasnya penduduk-penduduk rumah pangsa tidak mendapat kemudahan-kemudahan sosial yang cukup dan memuaskan. Berkenaan dengan jalan-jalan, saya ingin membangkitkan satu aspek di sini iaitu ialah mengenai jalan-jalan persendirian di Kuala Lumpur. It can be seen that most of the private roads in Kuala Lumpur are in a highly deplorable state of affairs, causing much inconvenience to the public and residents. I would like to urge the Dewan Bandaraya to take over the maintenance of such roads in the public interest, or alternatively, the Dewan Bandaraya should discuss with the owners concerned on how to improve on them. Satu aspek lain yang saya dapat lihat iaitu ialah berkenaan dengan kesesakan jalan yang disebabkan oleh kerja-kerja jalan pada masa yang tidak sesuai.

Tuan Pengerusi, road works carried out at the wrong time of the day are very often the cause of traffic jams in the city. I urge the authorities concerned to take steps to overcome this to ensure that road works will be carried out by causing the least obstruction to the public.

Yang akhir mengenai banjir. Setiap kali bila hujan, banyak tempat di Kuala Lumpur mengalami banjir. Banjir ini berlaku di Kuala Lumpur oleh kerana sistem taliair di Kuala Lumpur sangat buruk. Oleh hal yang demikian saya harap pihak Kementerian akan memperbaiki sistem taliair di Bandaraya Kuala Lumpur dengan serta-merta supaya pada masa yang akan datang banjir boleh dielakkan ataupun diperkecilkan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $239,220 untuk Kepala B. 44 $81,100 untuk Kepala B. 47 dan $4,368,488 untuk Kepala B. 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak $8,315,060 untuk Kepala B. 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; dan wang sebanyak $259,312 untuk Kepala P. 18 $1,162,000 untuk Kepala P. 44 dan $10 untuk Kepala P. 49 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974.

Kepala B. 59 (Jadual Pertama)

Kepala-kepala B. 58 dan B. 60 (Jadual Kedua)

Kepala-kepala P. 53, P. 54, P. 57, P. 58 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil 3), 1974)

Kepala-kepala P. 56 dan P. 57 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975)—

9.31 mlm.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Pengerusi, saya kemukakan B. 59 dari Jadual Pertama $611,805; B. 58 dan B. 60 jumlah $6,361,691 di Jadual Kedua jadi sebahagian daripada Jadual, dan juga P. 54, P. 57, P. 58, P. 60 jumlahnya $14,702,130 dan P. 53 jumlah $320,050 di dalam tahun 1974 dan P. 57 jumlah $1,000,000 dan P. 56 $40,000,000 di dalam tahun 1975 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan.

Tuan Pengerusi, butir-butir mengenai jumlah wang ini ada tersebut di dalam Command Paper yang diedarkan kepada Dewan ini. Saya minta izin meluluskan jumlah wang peruntukan yang tersebut.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $611,805 untuk Kepala B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak $58,160 untuk Kepala B. 58; dan $6,303,531 untuk Kepala B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak $320,050 untuk Kepala P. 53; $13,489,171 untuk Kepala P. 54; $212,939 untuk Kepala P. 57; $20 untuk Kepala P. 58; dan $10,000,000 untuk Kepala P. 60 disetujukan

jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974; dan wang sebanyak $40,000,000 untuk Kepala P. 56; dan $1,000,000 untuk Kepala P. 57 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975.

Kepala B. 61 (Jadual Pertama)—

9.34 mlm.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Abdul Ghani): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa peruntukan tambahan sebanyak $135,000 diluluskan di bawah Kepala B. 61, Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Pertama, Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan itu. Dari jumlah ini peruntukan tambahan sebanyak $79,832 dikehendaki untuk Pecahan-kepala 1100—gaji dan upahan dalam aktiviti Pentadbiran Am bagi membiayai bayaran tunggakan gaji kepada 31 orang guru pengajar pertukangan dan penolong pengajar pertukangan yang bertugas di Kementerian ini berikutan dengan perlaksanaan Lapuran Aziz. Peruntukan tambahan sebanyak $55,168 dikehendaki untuk Pecahan-kepala 1200—elaun-elaun dan lain-lain habuan wang dalam aktiviti Pentadbiran Am bagi membiayai bayaran Elaun Bantuan Khas kepada 968 orang kakitangan Kementerian ini yang berpendapatan kurang daripada $500 sebulan berikutan dengan keputusan Kerajaan bagi membuat bayaran elaun tersebut mulai 1hb Oktober, 1973.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $135,000 untuk Kepala B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Kepala B. 59 (Jadual Kedua)

Kepala B. 65 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974)

Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975)—

9.36 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri, saya mohon izin membentangkan supaya perbelanja tambahan $381,000 di bawah Kepala B. 59 untuk Pengangkutan Jalan dijadikan sebahagian daripada Jadual Kedua dan $374,380 di bawah Kepala B. 65 untuk Pengangkutan Jalan dijadikan sebahagian daripada Jadual Ketiga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975).

Saya juga mohon izin membentangkan supaya anggaran belanja pembangunan tambahan ketiga 1974 di bawah Kepala P. 63 sejumlah $3,039,030 dan juga $1,750,000 di bawah Kepala P. 64 bagi tahun 1975 diluluskan.

Peruntukan tambahan $381,000 di bawah Kepala B. 59 bagi tahun 1974 itu dihendakki untuk pembayaran seperti berikut:

(i) $180,000 untuk pembayaran bonus kakitangan.;

(ii) $145,000 bagi membiayai pembayaran elaun bantuan khas kakitangan;

(iii) $46,000 bagi membeli lencana lesen pemandu barang-barang dan "trade plates"; dan

(iv) $10,000 untuk membeli sebuah mesin penyalin untuk digunakan oleh Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Petaling Jaya.

Peruntukkan tambahan $374,380 di bawah Kepala B. 65 bagi 1975 adalah dikehendakki bagi membiayai belanja mengurus Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Perlis yang baru ditubuhkan. Daripada jumlah $374,380 ini, sebanyak $262,380 adalah dikehendaki untuk membeli 10 buah mesin untuk pengeluaran lesen-lesen memandu dan 87 buah kabinet besi untuk digunakan oleh Pejabat-pejabat Cawangan di Semenanjung Malaysia.

Mengenai Perbelanjaan Pembangunan tambahan di bawah Kepala P. 63 sejumlah $3,039,030 itu, $30 adalah diminta secara langsung bagi tahun 1974 dan $3,039,000 secara pinjaman bagi tahun 1974 itu juga. Wang tersebut adalah dikehendaki untuk maksud-maksud seperti yang dinyatakan dengan halus di muka surat 13, 14 dan 15 Kertas Perintah 20/75 yang mana termasuk:

$1,889,000 untuk baki dari yang dijanjikan pinjaman kepada Kerajaan

Negeri Pulau Pinang untuk projek Bekalan Air Sungai Muda;

$500,000 untuk membiayai bayaran kemajuan untuk pembinaan Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan; dan

$650,000 untuk membiayai kos kemajuan membesarkan Istana Anak Bukit, Alor Star, seperti yang telah dipersetujukan oleh Kerajaan.

Perbelanjaan Pembangunan tambahan di bawah Kepala P. 64 bagi 1975 sebanyak $1,750,000 dikehendaki kerana Kerajaan telah bersetuju menyediakan peruntukan tambahan sebanyak itu kepada Kerajaan Negeri Kedah bagi membiayai kos membesarkan Istana Anak Bukit, Alor Star. Daripada jumlah sebanyak $875,000 adalah dikehendaki sebagai pinjaman manakala bakinya sebanyak $875,000 merupakan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan.

Dengan ini, saya mohon izin supaya Dewan ini meluluskan peruntukan tambahan sejumlah besar $5,544,410 yang tersebut awal tadi diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $381,000 untuk Kepala B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak $374,380 untuk Kepala B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; wang sebanyak $3,039,030 untuk Kepala P. 63 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974; dan wang sebanyak $1,750,000 untuk Kepala P. 64 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975.

Kepala B. 64 (Jadual Kedua)

Kepala B. 66 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan) (Tambahan) (Bil. 3), 1974)

Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan) (Tambahan) (Bil. 1), 1975)—

9.40 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan sebanyak $2,836,329 bagi tambahan kepada peruntukan di bawah Kepala B. 64—Kemajuan Tanah bagi tahun 1974 dan tambahan sebanyak $4,799,799 bagi tambahan kepada peruntukan di bawah Kepala B. 66—Kementerian Tanah dan Galian bagi tahun 1975 diluluskan.

Peruntukan-peruntukan tambahan ini adalah seperti yang dicatitkan di dalam Kertas Perintah 13 dan 15 Tahun 1975. Keterangan lebih lanjut mengenai peruntukan ini adalah seperti yang dicatitkan di dalam Kertas Perintah 14 Tahun 1975 muka 45 dan 46 dan Kertas Perintah 16 Tahun 1975 muka 24 dan 25.

Selain dari itu, saya juga mohon izin membentangkan supaya Anggaran Pembangunan Tambahan sebanyak $3,150,000 bagi tambahan kepada peruntukan secara langsung di bawah Kepala P. 64—Kementerian Kemajuan Tanah, Pecahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bagi tahun 1974 dan tambahan sebanyak $2,355,220 bagi tambahan kepada peruntukan pinjaman di bawah Kepala P. 66—Kementerian Tanah dan Galian, Pecahan-kepala 7—Ladang-ladang Awam dan juga tambahan sebanyak $89,000 di bawah Pecahan-kepala 10—Zoo Negara bagi tahun 1975 diluluskan. Peruntukan-peruntukan Tambahan ini adalah seperti yang tercatit di dalam Kertas Perintah 19 dan 21 Tahun 1975. Oleh kerana hari sudah jauh larut malam saya tidak ingin memberi penjelasan yang lebih lanjut kerana keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan ini adalah seperti yang dicatitkan di dalam Kertas Perintah 20 Tahun 1975 muka 16 dan Kertas Perintah 22 Tahun 1975 muka 6.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $2,836,329 untuk Kepala B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan $4,799,799 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; dan wang sebanyak $3,150,000 untuk Kepala P. 64 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1974; dan wang sebanyak $2,444,220 untuk Kepala P. 66 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975.

Fasal 1 dan 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak $230,180,230 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan dan dari jumlah ini $60,705 ditanggungkan kepada akaun tahun 1974 $148,930,555 kepada akaun tahun 1974 dan $81,188,970 kepada akaun tahun 1975 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam penyata-penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17, 19 dan 21 Tahun 1975 masing-masing mengenai wang tambahan yang dikehendaki untuk tahun 1973, 1974 dan 1975, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam penyata ketiga-tiga Kertas Perintah itu.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memakluman bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, (1973, 1974 dan 1975) telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibicakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak $230,180,230 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan dan dari jumlah ini $60,705 ditanggungkan kepada akaun tahun 1973, $148,930,555 kepada akaun tahun 1974 dan $81,188,970 kepada akaun tahun 1975 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam penyata-penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17, 19 dan 21 Tahun 1975 masing-masing mengenai wang tambahan yang dikehendaki untuk tahun 1973, 1974 dan 1975, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam penyata ketiga-tiga Kertas Perintah itu.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak $230,180,230 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan dan dari jumlah ini $60,705 ditanggungkan kepada akaun tahun 1973, $148,930,555 kepada akaun tahun 1974 dan $81,188,970 kepada akaun tahun 1975 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam penyata-penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17, 19 dan 21 Tahun 1975 masing-masing

mengenai wang tambahan yang dikehendaki untuk tahun, 1973, 1974 dan 1975, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam penyata ketiga-tiga Kertas Perintah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ucapan tangguhan ditarik balik. Saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.45 malam.

PARLIMEN MALAYSIA